



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMETARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM

Sixth Parliament

PENGGAL KETIGA

Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 9095]

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
dan Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 9136]

Akta Kastam 1967:

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 35) 1985;
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 36) 1985;
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 37) 1985;
- (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 38) 1985;
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 39) 1985;
- (vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 40) 1985;
- (vii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 41) 1985;
- (viii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 42) 1985;
- (ix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 43) 1985;
- (x) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 44) 1985;
- (xi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 45) 1985;
- (xii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 46) 1985;
- (xiii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 47) 1985;
- (xiv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 48) 1985;
- (xv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 49) 1985;
- (xvi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 52) 1985; [Ruangan 9162]

KANDUNGANNYA—(samb.)

Akta Eksais 1976:

- | | | |
|---------------------------------------------------|---|----------------|
| (i) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 6) 1985 | } | [Ruangan 9160] |
| (ii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 7) 1985 | | |
| (iii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 8) 1985 | } | [Ruangan 9164] |
| (iv) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 9) 1985 | | |

Akta Cukai Perkhidmatan 1975:

Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai) (Pindaan) 1985 [Ruangan 9166]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Bank Islam (Pindaan) [Ruangan 9138]

Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) [Ruangan 9167]

Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) [Ruangan 9179]

Rang Undang-undang Dagangan Komoditi [Ruangan 9189]

Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas)
(Pindaan) [Ruangan 9219]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, **TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.**

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).**

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, **DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S. D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).**

Yang Berhormat Menteri Kerjaraya, **DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).**

„ Menteri Luar Negeri, **Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).**

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).**

„ Menteri Pengangkutan, **TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**

„ Menteri Perusahaan Utama, **DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).**

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).**

„ Menteri Perusahaan Awam, **DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).**

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).**

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, **DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).**

„ Menteri Pelajaran, **DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).**

„ Menteri Penerangan, **DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).**

„ Menteri Buruh, **DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).**

- Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM, (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S., (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P. J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, Dr Goh Cheng Teik, (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N, P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ Timbalan Yang Dipertua, DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N. P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ TAN SRI DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, P.M.N., D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAHAROM BIN HAJI BAKAR (Padang Terap).

- Yang Berhormat TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH BIN AGUNDONG (Ulu Padas).
- „ DATO' SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).

Yang Berhormat DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).

- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T. P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ DATO MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ DATO DR NEO YEE PAN, S.P.M.T., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).

- Yang Berhormat DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K.,
A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.
P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HARI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.
(Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik
Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOON (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasar Mas).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasar
Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S.,
K.M.N. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita-pemberita:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Jumaat, 6hb Disember, 1985

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

KLINIK—TARAF HEALTH
CENTRE

1. Tuan **Justine anak Temenggong Jinggut** minta Menteri Kesihatan menyatakan memandangkan daerah Belaga mempunyai lebih kurang 50,000 penduduk-penduduk dan jauh di pedalaman, adakah Kerajaan bercadang untuk menaikkan taraf klinik-klinik yang ada sekarang kepada "HEALTH CENTRE" dan jikalau ia bila dan jikalau tidak mengapa.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, dengan izin. Kementerian Kesihatan berpendapat bahawa kemudahan-kemudahan serta taraf perkhidmatannya yang disediakan pada masa ini adalah memadai buat sekarang. Jumlah penduduk yang terdapat di daerah Belaga adalah lebih kurang 12,500 orang dan kemudahan-kemudahan kesihatan di situ adalah sama taraf dengan kawasan-kawasan yang lain di Sarawak. Walau bagaimanapun, soal untuk menaikkan taraf kemudahan-kemudahan yang sedia ada, khasnya untuk menaikkan

taraf klinik desa ke pusat kesihatan di Belaga akan dikaji semasa kajian semula Rancangan Malaysia Kelima nanti.

BANGUNAN TINGGI—
KESELAMATAN PEKERJA

2. Tuan **Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Buruh menyatakan bilangan pekerja-pekerja bangunan yang mati kerana terjatuh dari bangunan-bangunan tinggi dan sama ada Kerajaan ada membuat penyeliaan agar keselamatan pekerja-pekerja ini terjamin dan sama ada semua pekerja-pekerja ini dilindungi oleh SOCSO.

Timbalan Menteri Buruh (Datuk William Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, angka-angka bagi kemalangan maut dalam perusahaan pembinaan, terutama sekali pembinaan bangunan adalah seperti berikut:

Tahun 1981	—	137
1982	—	174
1983	—	130
1984	—	119

Kementerian saya tidak ada menyimpan rekod bagi kemalangan maut khusus kerana terjatuh dari bangunan-bangunan tinggi. Kementerian saya memang ada mengambil tindakan-tindakan bagi menjamin keselamatan pekerja di tempat-tempat pembinaan bangunan. Di antara lain, Jabatan Kilang dan

Jentera di bawah Kementerian saya memerlukan setiap kontraktor mengadakan setiap kontraktor mengadakan Jawatankuasa Keselamatan untuk mengawal langkah-langkah keselamatan di tempat-tempat kerja. Kontraktor yang berkenaan juga dikehendaki mengadakan seorang daripada kakitangannya menjadi pengawas keselamatan. Di samping itu pegawai-pegawai dari Jabatan Kilang dan Jentera menjalankan pemeriksaan-pemeriksaan yang rapi secara mengejut di tempat-tempat kerja. Kementerian saya juga sedang merumuskan langkah-langkah keselamatan yang dinamakan Peraturan-peraturan Kilang dan Jentera Kendalian Bangunan dan kerja-kerja Binaan Kejuruteraan yang dijangka akan dilaksanakan pada awal tahun 1986.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan di sini bahawa soal menjaga dan mengawasi keselamatan pekerja pada keseluruhannya bukanlah tanggungjawab Kerajaan semata-mata. Pihak majikan dan pekerja haruslah juga memainkan peranan masing-masing dengan penuh tanggungjawab dan bersama-sama mengutamakan amalan kerja secara selamat pada setiap masa.

Tuan Yang di-Pertua, semua pekerja binaan adalah dilindungi di bawah sama ada Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 atau Akta Pampasan Pekerja 1982.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan keadaan bangunan-bangunan di Kuala Lumpur makin banyak pihak swasta mendirikan bangunan-bangunan tinggi atau pencakar langit dan oleh sebab kemalangan ini nampaknya meningkat ke angka ratusan dan tiap-tiap pekerja yang bekerja di bangunan tinggi ini boleh dikatakan bekerja menyabung nyawa. Jika berlaku kemalangan dan

jatuh sudah tentulah tidak dapat diselamatkan. Adakah pihak Kementerian Buruh hendak mencadangkan atau hendak mengenakan syarat-syarat kepada kontraktor di mana pekerja-pekerjanya bekerja di bangunan-bangunan tinggi supaya pekerja-pekerja ini dilindungi dengan insurans, misalnya \$50,000 atau \$60,000 supaya memastikan pihak waris akan mendapat faedah sekiranya kemalangan ini berlaku.

Datuk William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, di bawah Undang-undang Buruh yang ada sekarang, kami tidak dapat mewajibkan majikan-majikan membuat begitu, tetapi memang cadangan Yang Berhormat itu baik. Kebiasaannya juga Pegawai-pegawai Kilang dan Jentera pun selalu merayu dan menggesa majikan membuat seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat itu.

PROTON SAGA—MENTERI KABINET MEMILIKI

3. Tuan Andrew Janggi Muyang minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapa ramaikah Menteri-menteri Kabinet yang sudah membeli dan memiliki kereta nasional Proton Saga dan adakah beliau bercadang untuk mengeluarkan arahan supaya anggota-anggota Kabinet Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri membelinya dan ini akan memberi kesedaran dan galakan kepada rakyat untuk menyahut seruan kempen menggalakkan membeli barang-barang buatan Malaysia; dan
- (b) apakah reaksi-reaksi Perdana Menteri sendiri apabila diberi gelaran "BAPA PROTON SAGA" atau dengan izin "APAI PROTON SAGA".

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Setakat ini seramai 17 orang Menteri Kabinet telah pun membeli kereta nasional Proton Saga. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri belum bercadang untuk mengeluarkan arahan supaya Anggota-anggota Kabinet Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri membeli kereta Proton Saga oleh kerana sambutan terhadap pembelian kereta ini adalah menggalakkan.
- (b) Yang Amat Berhormat Perdana Menteri "tersenyum" sahaja apabila diberi gelaran BAPA PROTON SAGA atau APAI PROTON SAGA.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, bukankah Kerajaan akan buat satu keputusan untuk menggunakan Proton Saga sebagai kereta rasmi Kerajaan di mana semua lain-lain jenis kereta yang dibuat di luar negeri, baikpun Mercedes atau BMW atau apa-apa jenis diketepikan untuk menunjukkan kebanggaan Kerajaan Malaysia terhadap kereta nasional sendiri?

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kerajaan, seperti saya katakan tadi, belum ada memberi arahan untuk berbuat demikian. Kereta Proton Saga ini adalah salah satu daripada kereta-kereta keluaran kilang-kilang pemasangan kereta di negara kita ini. Salah satu daripada syarikat-syarikat pemasangan kereta di negara kita ini, salah satu daripada syarikat-syarikat di dalam sistem perdagangan bebas ataupun free enterprise di negara kita ini yang berkecimpung di dalam perusahaan perniagaan kita ini. Oleh yang demikian, maka tujuan mengadakan perusahaan oleh satu syarikat Proton ini adalah sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru dan oleh

yang demikian, tidak semestinyalah dan bukan menjadi tujuan Kerajaan sebenarnya berkecimpung di dalam perusahaan kereta ini untuk semata-mata mewajibkan semua pihak Kerajaan membeli dan menggunakan kereta ini sebagai kereta rasmi.

Tujuan unggulnya ialah untuk melaksanakan Dasar Ekonomi Baru untuk menunjukkan bahawa negara kita ini mempunyai maruah, mempunyai keperibadian sehinggalah dapat membina satu keretanya sendiri, kereta Proton Saga ini, yang boleh menjadi kebangsaan kepada negara kita dan boleh menunjukkan yang kita juga boleh berniaga di dalam alam perniagaan kereta di negara kita ini dan bukan semata-matanya untuk menjadi alat yang boleh menampung keperluan Kerajaan dari segi menggunakan kereta.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah katakan beberapa kali di Dewan yang mulia ini, memang Kerajaan menggalakkan semua Kementerian, semua Jabatan, semua agensi Kerajaan, bukan sahaja Kerajaan Persekutuan, walhal Kerajaan-kerajaan Negeri juga menggunakan kereta ini dengan seberapa boleh.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, adakah bagi pihak Kerajaan selain daripada Menteri-menteri Kabinet yang bahawasanya Yang Berhormat mengatakan belum ada cadangan untuk diarahkan supaya memakai kereta Proton Saga. Adakah di masa-masa depan ada pada cadangan pihak Menteri di Jabatan Perdana Menteri agar supaya kereta-kereta Polis digunakan dengan kereta-kereta Proton Saga, iaitu apabila hendak ditukarkan kereta baru kereta Polis, iaitu diperintah beli kereta Proton Saga sebagai kereta ronda.

Yang kedua, apakah pandangan Yang Berhormat sendiri sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri, kiranya di satu-satu masa akan datang semua Pengarah-pengarah di Jabatan-jabatan di Malaysia ini diperintah supaya ia pakai kereta Proton Saga sebagai kereta Kerajaan, bukan kereta milik sendiri. Apakah pendapat Yang Berhormat sendiri, adakah ada cadangan ini dan sekiranya tak ada, adakah ini baik ataupun tak baik?

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan yang kedua Yang Berhormat ialah andaian, saya tak boleh membenarkan.

Datuk Dr James P. Ongkili: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya pun hendak katakan begitu juga, terima kasih.

Soalan bahagian pertama mengenai dengan kereta-kereta Polis, pada ketika ini saya ada berkesempatan bercerita juga dengan Pegawai-pegawai Tertinggi Polis dan mereka memang mempunyai minat dan mempunyai harapan untuk menggunakan Proton Saga ini di dalam bidang kepolisan ataupun di dalam Jabatan Polis di masa akan datang. Barangkali soalnya pada ketika ini ialah kereta-kereta yang ada pada mereka pada ketika ini masih lagi baik, masih boleh dipakai dan belum banyak yang perlu diganti. Saya kurang pasti sama ada Jabatan Polis telah pun membeli beberapa buah Proton Saga, tetapi saya akan pastikan nanti. Walau bagaimanapun, mereka telah menaruh minat dan hasrat untuk membeli Proton Saga ini untuk meronda, misalnya.

Sukalah saya juga menambah di sini bahawa Syarikat Proton Sendirian Berhad yang telah mengeluarkan Proton Saga akan menggunakan model-model yang ada pada sekarang ini selama beberapa tahun lamanya dan dalam pada itu juga sentiasa

menguji prestasi model-model 1300 cc dan 1500 cc yang ada pada sekarang ini dengan tujuan mempastikan kereta nasional ini semenjak kita menggunakannya semakin lama semakin dapat diperbaiki lagi. Ini kita tidak sembunyikan lagi, mana-mana pengeluaran kereta di dunia ini memang berbuat demikian supaya model-model kereta mereka itu bertambah popular dan pasarannya pun bertambah. Dalam pandangan seperti ini saya percaya semua Kementerian, semua Jabatan, semua Agensi Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan-kerajaan Negeri akan menaruh minat, bukan sahaja akan bekerjasama dari segi melaksanakan dan menjayakan projek kereta nasional kita ini, akan tetapi untuk menampung keperluan-keperluan mereka masing-masing di masa hadapan.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Menteri sebentar tadi beliau menyatakan bahawa beliau tidak mencadangkan untuk mengeluarkan arahan kepada Menteri-menteri Kabinet dan juga Anggota-anggota Exco di peringkat Kerajaan Negeri untuk membeli Proton Saga oleh kerana sambutan rakyat terhadap kereta nasional ini adalah amat menggalakkan. Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, kalaulah Yang Berhormat Menteri mempunyai sebarang maklumat sama ada anggota-anggota Pembangkang, terutama sekali daripada DAP telah pun membeli ataupun memiliki kereta nasional ini?

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, saya sedang menaruh minat terhadap ahli-ahli daripada pihak Pembangkang sama ada mereka ingin memiliki kereta nasional kita ini. Setahu saya belum ada seorang pun daripada mereka yang telah memiliki kereta ini dan ini saya rasa barangkali

mereka pun masih lagi menunggu-nunggu dan belum begitu percaya yang kereta ini sebenarnya mempunyai prestasi (performance) yang begitu baik. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, the proof of the pudding is in the eating. Jadi, jemputlah memandu kereta Proton Saga ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis.

Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang keempat.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan telah memaklumkan, Yang Berhormat ada kecederaan sedikit di mata Yang Berhormat. Sama ada Yang Berhormat boleh membaca juga. Silakan.

ALAT AMARAN LAJU— BUNYI LOCENG

4. Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilakan beliau akan mengadakan undang-undang mensyaratkan supaya semua kenderaan, tidak kira awam atau persendirian sebelum pendaftarannya diluluskan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan mestilah dipasang dengan alat amaran laju yang mengeluarkan bunyi loceng serta isyarat lampu apabila had laju yang ditetapkan telah terlebih.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kementerian Pengangkutan belum bercadang untuk memperluaskan undang-undang mengenai pemasangan alat amaran had laju yang telah diperkenalkan mulai 1-7-85 untuk meliputi semua kenderaan selain daripada lori-lori, bas-bas

ekspres dan bas-bas persiaran yang mempunyai ukuran berat dengan muatan sebanyak 4,500 kilogram dan ke atas.

Kementerian Pengangkutan akan mengkaji terlebih dahulu kekesanan pemasangan alat amaran had laju pada golongan kenderaan-kenderaan yang dimestikan memasangnya sebelum menimbangkan keperluan untuk memperluaskan kepada semua jenis kenderaan motor kelak, sebagai langkah untuk mengurangkan kemalangan di jalan raya.

Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi bahawa kenderaan-kenderaan selain daripada lori dan bas-bas ekspres dipasang dengan alat had laju dan merupakan sebagai satu percubaan sebelum dipasang kepada kenderaan-kenderaan lain. Saya ingin mendapat penjelasan, memandangkan kemalangan jalan raya pada hari ini begitu banyak dan meningkat beberapa kali ganda yang melibatkan bukan sahaja antara lori dengan kereta, tetapi antara kereta dengan kereta dan kenderaan-kenderaan yang kecil. Jadi, kalau sekiranya pemasangan alat had laju ini tidak diwajibkan kepada kenderaan-kenderaan tersebut, apakah langkah-langkah yang lebih berkesan untuk menentukan supaya setiap pemandu akan dapat menjalankan kenderaan masing-masing dengan lebih cermat.

Saya juga ingin tahu mengapakah pihak JPJ sangat kurang mengadakan sekatan-sekatan jalan untuk mengelakkan daripada kenderaan begitu berleluasa memandu kereta dengan sangat laju hingga membahayakan kepada pemandu-pemandu yang lain yang memandu dengan cermat.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh menjawab bahagian kedua sahaja soalan, sebab bahagian pertama mengandungi ciri-ciri andaian, kalaulah sekiranya dan sebagainya.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya JPJ memang berusaha bagi mengurangkan kemalangan jalan raya. Antara usaha itu ialah memberikan latihan kepada pemandu-pemandu, bukan sahaja pemandu-pemandu yang mempunyai lesen-lesen yang lama tetapi kepada mereka yang baru mengambil lesen pun kita ada memberikan kursus dan latihan dari masa ke semasa untuk meningkatkan prestasi pemanduan kereta.

Yang kedua, kalau Yang Berhormat kata, kenapa JPJ kurang sangat mengadakan sekatan jalan raya, ini tidaklah betul, Yang Berhormat. JPJ sentiasa berusaha mengadakan sekatan itu dari satu masa ke satu masa, boleh dikatakan dalam masa sebulan itu di dalam sesebuah negeri itu kadang-kadang sampai ada dua, tiga kali mungkin agaknya Yang Berhormat tidak sedar atau dapat mengikuti usaha-usaha tersebut. Sehingga keluar di dalam suratkhbar mengatakan sekatan-sekatan itu selalu sangat dibuat mengakibatkan kononnya kerugian kepada mereka.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu bagi kenderaan-kenderaan yang telah dipasangkan dengan alat-alat amaran had laju ini seperti bas ekspres dan lain-lain sebagaimana yang dikatakan tadi, setakat mana didapati percubaan ini berkesan dan adakah tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa terdapat pemandu-pemandu

yang akhirnya tidak mengindahkan langsung amaran-amaran had laju ini bila terlebih dan adakah tidak Jabatan ataupun Kementerian dapat pengaduan daripada penumpang-penumpang, misalnya dalam bas ekspres dan sebagainya. Saya hendak bertanya juga, bagaimana daripada segi undang-undang kita dapat enforce sekiranya pemandu-pemandu ini mengatasi had laju ini.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, kalau ditanyakan setakat mana keberkesanannya, kita belum dapat memberikan jawapan kerana Kementerian memberi masa hingga 31-12-85 untuk memasang alat-alat tersebut. Pada keseluruhannya setakat ini jumlah lori yang telah memasang dengan alat amaran had laju ini ialah 18,000 buah sahaja daripada jumlah seluruhnya 60,000. Maknanya lagi 42,000 yang masih belum lagi dan setakat hari ini 18,000 yang telah memasang itu telah mengatakan bahawa mereka akan memasang dan patuh kepada undang-undang ataupun syarat-syarat yang dikenakan. Tidak ada sebab, dengan memasang alat amaran had laju ini mereka akan mengalami segala kesulitan.

Yang keduanya, soal penguatkuasaan. Salah satu daripada sebab yang kita alami di masa yang lalu ialah soal penguatkuasaan. Oleh kerana kita kekurangan pegawai-pegawai penguatkuasa untuk sentiasa menjaga di jalan raya dan sebagainya. Pada pendapat saya dalam jangka masa yang panjang kita tidak lagi memerlukan penguatkuasaan ini, kerana jika semua pemandu-pemandu lori dan bas mengikut syarat-syarat yang diberikan dan undang-undang yang dikenakan kepada mereka itu, insya Allah, usaha ini akan mendatangkan kesan yang baik.

**LAMPU ISYARAT LALU-
LINTAS—KAWALAN**

5. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan:

- (a) apakah sebabnya lampu isyarat "Traffic Lights" di Ibu Kota dan di mana-mana bandar di Malaysia ini dengan sendirinya terpadam apabila hujan lebat atau menyala dengan tidak tentu hala merah dan hijau atau kadang-kadang kuning sahaja adakah kerana alat-alat tersebut sudah terlalu lama atau rendah mutunya; dan
- (b) adakah lampu-lampu isyarat di seluruh Bandaraya automatiknya selaras belaka; dan mengapakah di setengah-setengah persimpangan jalan yang tempatnya sebok banyak kereta dinyalakan lampu isyarat jalan dalam minit-minit yang segera hingga tak sempat bilangan kereta menyeberangi tetapi ada jalan yang tidak begitu banyak kereta lampu isyarat bertukar penyalanya lebih beberapa minit.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan,

- (a) Lampu-lampu isyarat lalulintas yang digunakan di Malaysia mempunyai sistem litar perlindungan (protective circuit) untuk mengelakkan daripada berlakunya kerosakan kepada loji kawalan lampu isyarat apabila terjadi hujan lebat atau petir. Litar perlindungan tersebutlah yang menyebabkan lampu isyarat tersebut padam secara automatik apabila berlaku hujan lebat atau petir. Kejadian ini disalah faham oleh orang ramai sebagai rosak walaupun sebenarnya

lampu isyarat itu tidak rosak. Litar perlindungan yang digunakan berbeza di antara satu jenis loji kawalan dengan jenis loji kawalan yang lain. Loji kawalan yang mahal biasanya mempunyai litar perlindungan yang lebih sensitive dan sophisticated, berbanding dengan litar perlindungan biasa yang digunakan di dalam loji kawalan yang lebih murah. Litar perlindungan yang lebih sensitive dan sophisticated ini akan dapat mengambil tindak balas yang lebih berkesan berbanding dengan litar perlindungan biasa. Pada amnya kekerapan berlakunya kerosakan akibat hujan lebat atau petir kepada loji kawalan yang mempunyai litar perlindungan yang sensitive dan sophisticated ini adalah kurang berbanding dengan loji kawalan yang mempunyai litar perlindungan biasa.

- (b) pada amnya di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur ini, lampu-lampu isyarat lalulintas terdiri daripada 2 jenis atau kumpulan. Kumpulan pertama terdiri dari lampu-lampu isyarat di pusat bandar yang beroperasi di bawah kawalan sebuah komputer. Manakala kumpulan kedua terdiri dari lampu-lampu isyarat di persimpangan-persimpangan berasingan ataupun dengan izin, "isolated junction" yang berfungsi secara tersendiri.

Di dalam kumpulan pertama, lampu-lampu isyarat berfungsi sebagai satu rangkaian ataupun "network", dengan izin, di mana pergerakan lalulintas di jalan-jalan utama diselaraskan. Dengan penyelarasan pergerakan lalulintas tersebut kenderaan-kenderaan akan dapat bergerak dengan lebih licin dan cekap

lagi. Oleh kerana penyelarasan secara menyeluruh tersebut terpaksa diambil kira, kadang-kadang timbul masalah di mana lampu hijau yang menyala terasa agak pendek walaupun bilangan kenderaan dan sebaliknya lampu hijau yang menyala terasa agak lama walaupun bilangan kenderaan tidak begitu banyak. Ini disebabkan masa hijau yang dirancangkan untuk masa-masa tertentu adalah berdasarkan kepada bilangan purata kenderaan seperti yang didapati dari kajian lalulintas yang dilakukan dari masa ke semasa.

Di dalam kumpulan yang kedua pula, lampu-lampu isyarat di persimpangan berasingan berfungsi secara tersendiri tanpa mengambil kira penyelarasan pergerakan lalulintas di antara satu tempat dengan tempat yang lain. Di sini masa hijau yang menyala akan ditentukan kepada keadaan lalulintas semasa, bukan berdasarkan kepada bilangan purata kenderaan seperti yang tersebut di atas.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru sekejap Timbalan Menteri mengatakan bahawa ada litar harga murah dan ada harga mahal. Itu salah satu daripada sebab-sebabnya yang membawa kepada tergendalnya lampu-lampu isyarat di ketika-ketika hujan. Kenapakah di negara-negara maju didapati salji turun yang begitu sejuk, ribut yang begitu kuat, begitu juga kadang-kadang hujan yang begitu lebat lebih lagi daripada negara kita. Kenapa tidak padam, tidak sebagaimana negara kita nampak lampu itu manja sangat, tidak boleh hujan sedikit, mati, tidak boleh ribut sedikit, mati, tetapi negara-negara lain, ribut besar pun nampaknya tidak ada apa-apa sebagaimana di negara-negara Eropah, kenapa? Adakah kita selalu membeli barang-barang kita ini daripada harga-harga murah ataupun "second hand" kah atau bagaimana?

Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi, lampu-lampu isyarat yang kita gunakan adalah yang bermutu dan yang sensitif dan juga yang sophisticated. Saya tidak tahu di negara-negara lain kenapa dia tidak padam bila hujan lebat, mungkin dia tidak sophisticated kalau dibandingkan dengan yang kita gunakan di sini. Saya rasa oleh kerana sophistication inilah, dengan izin, maka sistem lampu-lampu isyarat yang kita ada dapat berkesan walaupun hujan ribut ataupun ribut terutama sekali di bandar kita ini.

PEPERIKSAAN PENILAIAN DARJAH LIMA

6. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada pihak Kementerian Pelajaran mempunyai apa-apa rancangan untuk memansuhkan Peperiksaan Penilaian Darjah Lima disebabkan murid-murid tersebut tidak matang dalam menghadapi suatu pengujian di Darjah Lima.

Menteri Pelajaran (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran akan memansuhkan Peperiksaan Penilaian Darjah Lima dalam tahun 1988. Walau bagaimanapun, bagi 302 sekolah percubaan Sistem KBSR, peperiksaan ini akan digantikan dengan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah yang akan diadakan untuk murid-murid Darjah Enam.

Dr Tan Seng Giaw: Soalan tambahan. Adakah dengan ujian itu Yang Berhormat bercadang untuk menghapuskan semua peperiksaan peringkat Kebangsaan dan hanya mengadakan ujian setiap darjah sahaja.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tidak, ini adalah ujian peringkat Kebangsaan.

RANCANGAN PEMODENAN LUAR BANDAR/KAMPUNG

7. Tuan Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan akan menguntukkan peruntukan yang besar bagi menjayakan rancangan pemodenan luar bandar dan desa dan kampung-kampung tersusun bagi seluruh negara, di dalam Rancangan Malaysia Kelima; adakah satu pelan induk telah disusun bagi menjayakan rancangan ini supaya perlaksanaannya lebih terjamin.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato Syed Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan akan menyediakan peruntukan secukupnya bagi melaksanakan rancangan pemodenan luar bandar dan juga untuk memajukan kampung-kampung tersusun. Di antara program-program yang akan dilaksanakan termasuklah pembinaan jalan, penyediaan kemudahan seperti bekalan air, elektrik, sekolah, hospital dan juga program kampung tersusun yang bertujuan memajukan kampung-kampung tradisional dengan cara mengelompokkan kampung-kampung berkenaan supaya berbagai kemudahan infrastruktur dan sosial dapat disediakan dengan sempurna. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, buat masa ini tidak ada pelan induk yang khusus disediakan dalam melaksanakan rancangan ini, kerana Kerajaan berpendapat kaedah pelaksanaan yang sedia ada memadai bagi memastikan kejayaan rancangan ini.

Tuan Omar bin Abdullah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Di dalam perancangan untuk memodenkan luar bandar dan desa ini, selain daripada program kampung tersusun, ada juga disebut untuk mengadakan kampung kelompok. Saya ingin bertanya sama ada program kampung tersusun dan kampung kelompok ini sama dan dalam program kampung tersusun dan kampung kelompok ini, apakah tumpuan utama yang diberikan oleh Kerajaan, dan setakat ini berapa banyakkah kampung kelompok yang telah diwujudkan dan apakah sambutan orang ramai, dan apakah masalah yang dihadapi oleh Kerajaan.

Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato Syed Mohammed: Tuan Yang di-Pertua, masalah kampung tersusun ialah biasanya seperti kampung-kampung yang diawasi ataupun yang dijaga oleh kawasan-kawasan RISDA, beberapa buah estet-estet kecil di situ disusun semula bagi memberikan mereka kemudahan-kemudahan asas. Dan kampung-kampung kelompok iaitu kampung-kampung tradisional yang dahulu itu dikumpulkan dua, tiga supaya dijadikan kampung kelompok dan diberikan mereka kemudahan-kemudahan yang diperlukan, juga biasanya di bawah pengawasan RISDA.

Tuan Ismail bin Said: Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu apakah ciri-ciri yang mesti terdapat dalam kampung tersusun. Yang kedua, adakah sebarang kriteria ataupun syarat-syarat yang ditetapkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk melayakkan sesuatu kampung itu dimajukan di bawah program kampung tersusun. Dan ketiga, yang akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri telah pun

menyenaraikan nama-nama kampung yang hendak dimajukan di bawah program kampung tersusun ini.

Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato Syed Mohammed: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas soalan. Ciri-ciri kampung tersusun ialah di antaranya terdapat jumlah penduduk-penduduk yang ramai di situ dan syarat-syarat kampung yang hendak dimajukan ialah biasanya mereka tidak ada mempunyai kemudahan-kemudahan asas dan mereka mempunyai tanaman-tanaman dalam bentuk ekonomik. Dan untuk senarai itu, pihak saya memohon notis.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Gooi Hock Seng.

(Soalan No. 8 Y.B. Tuan Gooi Hock Seng tidak hadir).

Timbalan Yang di-Pertua: Saya akan kembali sekiranya ada masa, Yang Berhormat.

Yang Berhormat Dr Chen Man Hin.

(Soalan No. 9 Y.B. Dr Chen Man Hin tidak hadir).

TABUNG PUSINGAN BAGI PINJAMAN PERUMAHAN

10. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan berhubung dengan Tabung Pusingan \$10 juta yang diumumkan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak dalam tahun 1973 yang bertujuan memberi pinjaman-pinjaman kepada mereka yang ingin membina atau mengubahsuaikan rumah-rumah mereka, jumlah orang yang telah berfaedah dari tahun tersebut setakat ini, jumlah pinjaman yang dikeluarkan setakat ini, dan kadar faedah yang dikenakan ke

atasnya dengan memberikan angka-angka mengikut kaum pemohon-pemohon yang berjaya memperoleh pinjaman-pinjaman dari tabung tersebut.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, Tabung Pusingan Bagi Pinjaman Perumahan Untuk Golongan Berpendapatan Rendah telah diluluskan oleh Kerajaan pada 2hb Julai, 1975 dan dilaksanakan pada tahun berikutnya. Peruntukan pertama sebanyak \$10 juta telah diluluskan pada 17hb Disember, 1975. Wang peruntukan tersebut telah pun dibelanjakan sepenuhnya pada 4hb Mei, 1982 dan Kerajaan Persekutuan telah pun meluluskan \$10 juta yang kedua pada bulan Januari, 1983.

Sejak Skim ini dilaksanakan, Kementerian ini telah meluluskan 2,134 permohonan sehingga 30hb September, 1985. Jumlah pinjaman yang dikeluarkan sehingga tempoh yang sama adalah sebanyak \$14,789,575.00. Kadar faedah yang dikenakan di bawah Skim ini ialah 5½% setahun.

Tabung Pusingan ini adalah dikhususkan kepada rakyat berpendapatan rendah terutama kepada mereka yang terdiri daripada orang awam seperti penoreh getah, petani, nelayan, pekerja lombong, pekerja kilang, ladang, buruh atau peniaga kecil dan lain-lain lagi tanpa mengira kaum atau keturunan.

Jumlah permohonan yang dilulus mengikut kaum adalah seperti berikut:

Melayu	1,037
Cina	61
India	232
Lain-lain	4
Jumlah	2,134

Tuan Omar bin Abdullah: Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sama ada Tabung Pusingan \$10 juta itu juga merangkumi Skim Pinjaman Rumah-rumah Kampung. Kalau sekiranya sama, apakah Yang Berhormat sedar bahawa jumlah yang dibenarkan untuk seorang itu meminjam sekarang ini adalah tidak lagi sesuai kerana kos bahan binaan telah bertambah tinggi.

Soalan yang kedua, dari jawapan beliau tadi, nampaknya skim ini tidak beberapa popular dan yang lebih popular ialah skim rumah rakyat. Jadi saya ingin bertanya sama ada Kerajaan bercadang untuk mempopularkan Skim Pinjaman ini supaya lebih ramai penduduk kampung mendapat faedah dan menumpukan Rancangan Rumah Rakyat ini ke kawasan-kawasan bandar, bukan kawasan sahaja luar bandar. Terima kasih.

Dato S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya skim ini adalah sangat popular. Jumlah permohonan yang diterima oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ialah sebanyak 6,874. Walau bagaimanapun, kebanyakan pemohon-pemohon tidak memenuhi syarat-syarat yang dikehendaki, maka mereka tidak layak mendapat pinjaman melalui skim ini.

Walaupun bagaimanapun, seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat, pinjaman yang diberikan sekarang iaitu sebanyak \$7,500 melalui rancangan ini dirasakan tidak mencukupi. Kementerian sedang mengkaji untuk membuat cadangan supaya angka ini diubahsuai mengikut keadaan yang terdapat sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong.

(Soalan No. 11 Y.B. Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong tidak hadir).

Timbalan Yang di-Pertua: Dr Leo Michael Toyad.

(Soalan No. 12 Y.B. Dr Leo Michael Toyad tidak hadir).

SISWAZAH KEMENTERIAN PELAJARAN—PELUANG PEKERJAAN

13. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah terdapat siswazah-siswazah anjuran Kementerian Pelajaran yang menganggur. Jika ada sila nyatakan:

- (a) bilangan mereka sehingga 30-6-85;
- (b) sebab-sebab mereka masih menganggur;
- (c) jenis-jenis bidang pengajian mereka; dan
- (d) langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah ini.

Menteri Pelajaran (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang di-Pertua, sehingga tarikh 30-6-1985, tidak ada siswazah anjuran Kementerian Pelajaran yang menganggur. Semua siswazah anjuran Kementerian Pelajaran yang telah tamat pengajiannya sehingga tarikh tersebut telah ditempatkan.

Dr Tan Seng Giaw: Soalan tambahan. Jawapannya, nampaknya Yang Berhormat Menteri tidak sedar ada pihak yang menganggur. Adakah ini bermakna pihak Kementerian Pelajaran tidak menjalankan kejian ke atasnya ataupun berpunca daripada definisi anjuran mahasiswa dan mahasiswi?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, soalannya berkaitan dengan sama ada mahasiswa tajaan Kementerian Pelajaran ada yang menganggur atau

tidak. Jawabnya tidak ada. Kalau ada yang menganggur, mungkin tajaan daripada agensi lain.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya hendak memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong tadi bahawa jawapannya jelas bahawa tidak ada siswazah-siswazah anjuran Kementerian Pelajaran yang menganggur. Jelas.

KEBAKARAN SETINGGAN DI KUALA LUMPUR

14. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan jumlah kebakaran yang berlaku di kawasan-kawasan setinggan di Kuala Lumpur dan sebab kebakaran ini berlaku serta apakah langkah-langkah yang diambil untuk mencegah berlakunya kebakaran ini.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tanggungjawab mengawal kebakaran di Wilayah Persekutuan ini adalah di bawah Jabatan Perkhidmatan Bomba. Walau bagaimanapun, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga terlibat secara tidak langsung dalam kes-kes kebakaran, khususnya di kawasan-kawasan setinggan.

Dalam bulan Januari sehigga bulan Ogos, 1985 sebanyak 17 kes kejadian kebakaran telah berlaku di beberapa buah kampung-kampung setinggan. Jumlah keluarga yang terlibat ialah 124 keluarga dan pecahan mengikut bangsa ialah:

Bangsa	Jumlah keluarga terlibat
Melayu	33
Cina	73
India	15
Indonesia	3

Seramai 83 keluarga yang terlibat dengan kebakaran itu telah pun ditawarkan menduduki rumah-rumah pangsa dan juga rumah panjang Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur. 26 keluarga pula disyorkan untuk mendirikan rumah mereka semula di tapak kebakaran. 15 keluarga sedang menumpang di rumah saudara mara mereka. 26 keluarga yang disyorkan untuk mendirikan semula rumah-rumah mereka itu di tapak kebakaran tersebut. Walau bagaimanapun, sekarang ini telah mendirikan rumah-rumah tersebut dan mendudukinya.

Sementara itu 15 keluarga yang sedang menumpang di rumah saudaramara mereka akan ditawarkan rumah-rumah sama ada untuk dibeli ataupun disewa.

Tuan Mamat Ghazalee bin Haji Abdul Rahman: Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah cara-cara persediaan yang dibuat di dalam kawasan-kawasan setinggan yang keadaannya sangat sesak dan tinggi kemungkinan berlaku kebakaran. Misalnya adakah penduduk-penduduk di situ diberi latihan tentang mencegah kebakaran, pili-pili air diadakan ataupun adakah atau tidak kawasan-kawasan setinggan itu akan disusun semula supaya di dalam penyusunan semula kawasan setinggan itu diadakan fire-breakers supaya dengan cara macam itu kemalangan dapat dicegah daripada merebak secara besar-besaran.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, fire-breakers atau fire-bricks?

Tuan Mamat Ghazali bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, fire-breakers.

Tuan Ahmad Shah Tambakau bin Datuk Hussein Tambakau: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana dasar Kementerian saya tidak

mengalakkan penumbuhan setingan, maka kita tidaklah memberi kemudahan-kemudahan yang tetap dan kekal di kawasan-kawasan setingan.

Walau bagaimanapun, saya difahamkan Jabatan Bomba sedia dan sedang pun menjalankan latihan jangka pendek/jangka panjang kepada para penduduk kawasan-kawasan setingan untuk mengajar mereka macam mana cara menentang jika sekiranya ada kebakaran di satu-satu kawasan setingan.

Juga saya katakan tadi selain daripada Jabatan Perkhidmatan Bomba, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga membantu daripada segi membekalkan kenderaan, membekalkan air semasa kebakaran dan tempat-tempat mangsa kebakaran itu.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Gooi Hock Seng.

Tuan Lim Kit Sing: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 8.

**SOUTH PACIFIC INTER—
GOVERNMENT HUMAN
RIGHT COMMISSION—
CADANGAN LAWASIA**

8. Tuan Lim Kit Siang (di bawah S.O. 24 (2)) minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan memberi sokongan sepenuhnya kepada pembangunan sebuah "South Pacific Inter-Governmental Human Rights Commission" yang dicadangkan oleh LAWASIA.

Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato Syed Mohammed: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak menyokong pembangunan badan yang dicadangkan oleh Lawasia tersebut

kerana difikirkan ia tidak ada memberi apa-apa manfaat kepada negara ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Chen Man Hin.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 9.

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA—
KENAIKAN PANGKAT**

9. Tuan Lim Kit Siang (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah satu Pesuruhjaya yang bebas akan ditubuhkan bagi menyasat sebab-sebab perletakan jawatan beramai-ramai di kalangan kakitangan Akademik Universiti Sains dan tuduhan-tuduhan bahawa kenaikan pangkat dibuat atas pilih kasih dan dengan sesukanya tidak atas prinsip merit dan juga untuk merekomen prinsip-prinsip dan panduan-panduan bagi mengekalkan berlang penyelewengan itu berlaku di masa depan.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah tidak benar berlaku perletakan jawatan beramai-ramai di kalangan kakitangan Akademik Universiti Sains Malaysia baru-baru ini. Apa yang berlaku hanya seorang sahaja yang meletakkan jawatan atas sebab peribadi.

Adalah tidak benar anggapan Ahli Yang Berhormat bahawa kenaikan pangkat kakitangan Akademik Universiti Sains Malaysia dibuat atas dasar pilih kasih dan tidak mengikut prinsip merit. Sebenarnya, perlantikan dan kenaikan pangkat adalah dibuat oleh Majlis Universiti mengikut perakuan daripada Jawatankuasa Naik Pangkat Universiti tersebut.

Bagi Jawatan-jawatan tertinggi dan profesor beberapa orang penilai khas di luar daripada USM dilantik bagi menilai kecemerlangan akademik seseorang pensyarah itu. Berdasarkan fakta di atas, Kementerian Pelajaran tidak bercadang untuk menubuhkan sebuah Pesuruhjaya Khas bagi menyasat anggapan yang tidak benar oleh Ahli Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa sungutan dan ketidakpuas hati di kalangan akademik-akademik di USM dan di lain-lain universiti adalah satu masalah yang besar, dan bukan satu andaian. Sebenarnya, ada satu symposium, seminar atau worksyop yang diadakan di mana masalah mereka ada dibincang dengan panjang lebar baru-baru ini. Jadi adakah pihak Kementerian atau Kerajaan serius untuk menyasat, mengkaji pandangan-pandangan komplek-komplek mereka yang dibuat bukan secara budak-budak atau tanpa seriousness supaya masalah mereka yang bersangkutan-paut mengenai mutu akademik universiti kita boleh dapat satu penyelesaian.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, kita menyedari bahawa dalam mana-mana organisasi pun ada masalah dan rasa tidak puas hati oleh anggota-anggota organisasi itu. Ini adalah perkara yang lazim berlaku, tetapi walau bagaimanapun usaha-usaha mestilah diteruskan bagi memperbaiki keadaan perkhidmatan mereka itu sama ada daripada segi peluang untuk menjawat jawatan yang tinggi, sama ada daripada segi memperbaiki skim-skim perkhidmatan mereka ataupun syarat-syarat yang lain, yang difikirkan dapat meningkatkan lagi semangat untuk berkhidmatan dan meninggikan lagi mutu perkhidmatan mereka itu.

Dalam hal ini, Kementerian sentiasa memberi perhatian dan berusaha ke arah mencapai matlamat itu.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan hasrat Kerajaan tadi, adakah Yang Berhormat bercadang untuk mengadakan siri dailog khas untuk berbincang, bertukar-tukar pendapat dengan pihak ahli akademik sama ada di USM ataupun di universiti yang lain supaya masalah seperti ini dapat dikurangkan.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, saya biasa mengadakan dailog combine wakil-wakil akademik yang mewakili daripada universiti-universiti tempatan yang ada dalam negara ini, dan banyak cadangan-cadangan yang telah dikemukakan, yang telah dapat saya ketengahkan dan ada juga hasil daripada permintaan mereka itu, tetapi pada waktu ini saya belum lagi dapat mengumumkan apakah langkah-langkah yang telah diambil hasil daripada permintaan mereka itu. Insya Allah dari semasa ke semasa perjumpaan dan dailog-dailog itu boleh diadakan.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Pelajaran, apakah kriteria ataupun perkara yang diberikan oleh Kementerian Pelajaran ini kepada Jawatankuasa Kenaikan Pangkat bagi menilaikan merit seorang pensyarah untuk dinaikkan pangkat dan apakah penilaian-penilaian yang diberi oleh student dan juga pembangkang dikira bagi kenaikan pangkat seseorang pensyarah ataupun kakitangan akademik di universiti-universiti.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran tidak campurtangan dalam hal menentukan

apakah syarat-syarat dan perkara-perkara yang mesti diberi penilaian oleh pihak universiti dalam menentukan sesuatu kenaikan pangkat itu kerana ini adalah hal-hal yang berkaitan dengan perkara akademik dan sudah semestinya diberi peranan yang lebih kepada universiti-universiti berkenaan untuk menentukannya. Sebarang desakan atas prinsip-prinsip di luar daripada apa yang telah ditentukan oleh universiti sendiri sama ada datang daripada pihak pembangkang ataupun pihak pelajar tentu sekali tidak dapat dilayan.

GURU-GURU UTS SABAH

11. Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) bolehkah Menteri berkenaan memberi penjelasan terhadap masalah yang dihadapi oleh Guru-guru UTS Sabah; apakah syor-syor yang terbaru yang dikemukakan oleh Kementerian untuk mengatasi masalah Guru-guru UTS Sabah; dan
- (b) adakah Kementerian berhasrat untuk mensetarakan pangkat Pegawai-pegawai Pelajaran di Sabah dengan Pegawai-pegawai Pelajaran di Semenanjung Malaysia.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Guru-guru UTS Sabah telah diserapkan ke dalam perkhidmatan tetap Kerajaan melalui Pekeliling Perkhidmatan Kementerian Pelajaran Bil 12/79 mulai 1-1-1980. Masalah utama yang dihadapi oleh bekas guru-guru

UTS Sabah tersebut ialah mengenai kelayakan kepujian Bahasa Malaysia bagi guru-guru yang masih belum disahkan dalam jawatan dan masalah supaya guru-guru yang telah diserapkan ke jawatan tetap tersebut di kebelakangan tarikh penyerapan mereka ke tahun 1974 atau 1976.

Kementerian Pelajaran telah menyediakan Kertas Kabinet bagi pertimbangan Jawatankuasa Kabinet Perjawatan bagi memberikan kelonggaran syarat bagi kepujian Bahasa Malaysia syarat lulus sahaja bagi maksud pengesahan mereka dalam jawatan.

Mengenai rayuan supaya tarikh penyerapan tersebut dikebelakangan telah tidak dapat dipersetujui kerana prinsip penyerapan adalah berkuatkuasa mulai tarikh semasa dan ianya tidak boleh dikebelakangan.

- (b) Kementerian Pelajaran juga tidak berhasrat untuk membeza-bezakan taraf atau pangkat di antara Pegawai-pegawai Pelajaran yang berkhidmat di Sabah dengan Pegawai-pegawai Pelajaran di Semenanjung kerana mereka semuanya adalah pegawai-pegawai di bawah Kementerian Pelajaran, jadi perbezaan-perbezaan itu tidak sewajarnya diwujudkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Leo Michael Toyad.

Tuan Thomas Salang Siden: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 12.

**RANCANGAN MALAYSIA
KELIMA—PANJANG JALANRAYA**

12. Tuan Thomas Salang Siden (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (a) berapa kilometernya jumlah panjang jalan raya yang dicadangkan untuk pembinaan baru di bawah peruntukan Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kelima;
- (b) berapakah peruntukan yang dicadangkan itu; dan
- (c) berapa peratus dari jumlah jalan raya ini akan dibina di Sarawak.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam lawatannya ke negeri Sarawak pada akhir tahun 1984 telah membuat beberapa pengumuman dan arahan bagi menaikkan taraf dan memperbaiki beberapa rangkaian jalan-jalan utama di negeri Sarawak, termasuk cadangan supaya beberapa jalan-jalan itu diambil alih sebagai jalan-jalan raya Persekutuan. Lanjutan dari arahan itu pada awal tahun 1985, saya sendiri telah membuat lawatan ke negeri Sarawak untuk mengenalpasti jalan-jalan raya utama yang akan dinaikkan taraf dan dicadangkan untuk diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan itu.

Jalan-jalan raya yang telah dikenalpasti itu berjumlah 1,259.58 kilometer yang mana juga ada di dalam beberapa peringkat taraf iaitu 875 kilometer batu kelikir, 325 kilometer tar dan 42.58 kilometer jalan-jalan raya yang menuju ke stesyen-stesyen Persekutuan seperti stesen VHS dan stesyen telekom.

Perbincangan telah pun diadakan di antara Kementerian saya dan agensi-agensi Kerajaan Pusat yang lain

dengan Kerajaan Negeri Sarawak dan cadangan telah pun dibuat bagi membina dan menaikkan taraf beberapa jalan-jalan raya utama itu di dalam Rancangan Malaysia Kelima.

Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada Ahli Yang Berhormat kepada soalan:

- (a) jumlah panjang jalan raya yang baru dicadangkan untuk dibina di bawah Rancangan Malaysia Kelima dengan peruntukan Kerajaan adalah seperti berikut:
 - (i) jalan-jalan raya di Semenanjung Malaysia 1,413 kilometer.
 - (ii) jalan-jalan raya di Sarawak 1,618.90 kilometer.
 - (iii) jalan-jalan raya di Sabah 1,259 kilometer. Jumlahnya 4,290.9 kilometer.
- (b) untuk membina jalan-jalan tersebut jumlah peruntukan yang dicadangkan adalah:
 - (i) jalan-jalan raya di Semenanjung Malaysia \$2,425 juta.
 - (ii) jalan-jalan raya di negeri Sarawak \$1,469 juta.
 - (iii) jalan-jalan raya di negeri Sabah \$1,107.6 juta. Jumlahnya \$5,001.6 juta atau \$5 billion.
- (c) mengenai peratus dari jumlah panjangnya jalan raya baru tersebut yang dicadangkan untuk dibina di negeri Sarawak, bilangan % adalah 43.9%.

Tuan Sim Kwang Yang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Memandangkan bahawa pihak Kerajaan Persekutuan akan meningkatkan jalan-jalan raya di Negeri Sarawak yang memerlukan langkah tersebut, bolehkah Yang

Berhormat Menteri berkenaan memberitahu kepada Dewan yang mulia ini sama ada pihak Kerajaan boleh menimbang apabila pihak Kerajaan Persekutuan mengambil alih jalan itu, menimbang untuk mengecualikan kutipan tol di Negeri Sarawak dan Sabah. Oleh kerana Sabah dan Sarawak orang dengar berita yang jahat daripada tindakan kekerasan daripada mengutip tol di "Samy Vellu Tol" di Semenanjung Malaysia.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat setelah memberi satu nama yang baru, tol-tol itu akan dinamakan Samy Vellu Tol. Walau bagaimanapun, saya terima juga jikalau ada beri nama saya kepada tol-tol itu, saya harap bapa saya pun sedap hati. Nasib baik dia tiada lagi sekarang ini.

Untuk jawapan kepada Ahli Yang Berhormat, saya berjanji seperti apa yang telah saya janjikan di dalam Dewan yang mulia ini, kita tidak ada apa-apa cadangan untuk mengutip tol di Negeri Sarawak dan Sabah. Ini janji daripada saya.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, saya ingin tahu sama ada jumlah panjang jalan raya yang akan dibina ini adakah termasuk lebu-lebuhraya yang akan dibina iaitu seperti Lebuhraya Bukit Kayu Hitam ke Johor Bahru. Dan adakah jumlah ini juga termasuk jalan-jalan negeri yang dibina oleh Kerajaan-kerajaan Negeri.

Soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, daripada jumlah perbelanjaan yang begini banyak untuk jalan raya dalam Rancangan Malaysia Kelima, saya ingin tahu cara-cara pelaksanaan pembinaan jalan raya ini sama ada

akan dibina oleh Jabatan Kerja Raya sendiri ataupun diberi secara kontrak ataupun secara turn-key ataupun sebagainya dan kepada siapakah keutamaan diberi untuk pembinaan jalan-jalan raya tersebut.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, jalan-jalan raya seperti apa yang saya kata tadi ialah melalui Kementerian Kerja Raya. Kadangkala kerja-kerja ini akan dijalankan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia atau Jabatan Kerja Raya.

Walaupun bagaimanapun, apabila kita menerima peruntukan daripada Kementerian Kewangan, kita mesti menawarkan kerja-kerja dan kita beri kepada semua pemborong-pemborong daripada negeri kita sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada satu bahagian soalan lagi. Adakah angka-angka ini termasuk Lebuhraya Bukit Kayu Hitam/Johor Bahru?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, ini masuk bersama-sama dengan lebuhraya yang belum dibina itu lebih daripada 530 kilometer termasuk dalam Lebu-lebuhraya dari Bukit Kayu Hitam ke Johor Bahru.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan sudah habis.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di bawah Peraturan Mesyuarat 26 (1) (p).

Timbalan Yang di-Pertua: Sebentar, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Kemukakan satu Usul Privilege di mana tidak berkehendakkan notis, kerana ini adalah berkenaan dengan hak dan kebebasan. Untuk memudahkan Tuan Yang di-Pertua mengikuti usul, saya ada satu salinan di sini untuk Tuan

Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, privilege motion ini yang diputuskan oleh Tuan Yang di-Pertua, pada 22hb November, 1984 tidak perlu notis dan bila-bila masa boleh dikemukakan dan usul yang saya mahu mengenengahkan ialah berbunyi:

Timbalan Yang di-Pertua: Sebentar Yang Berhormat, biar saya bacakan usul itu.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, 26 (1) (p). Bolehkah saya baca 26 (1) (p) ini?

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Tuan Lim Kit Siang: Kecuali jika ada syarat-syarat lain dalam Peraturan-peraturan Mesyuarat ini, usul-usul yang hendak dibawa ke dalam mesyuarat hendaklah didahulukan dengan pemberitahu kecuali usul-usul yang tersebut di bawah ini: "(p)" ialah usul berkenaan dengan hak dan kebebasan. Dan ini pun ada diputuskan oleh Tuan Yang di-Pertua dalam kes usul terhadap Yang Berhormat dari Jelutong di mana beliau ada kata, saya baca dalam Hansard, usul boleh dikeluarkan di dalam Dewan ini pada mana-mana mengikut Peraturan Mesyuarat.

Usul yang saya kemukakan, Tuan Yang di-Pertua, ialah berbunyi:

Timbalan Yang di-Pertua: Sebentar, Yang Berhormat. Yang Berhormat kemukakan Peraturan Mesyuarat. Saya memutuskan dahulu.

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya akan putuskan. Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, Ketua Pembangkang, telah mengemukakan satu usul berasaskan Peraturan Mesyuarat 26 (1) (p) mengenai hak dan kebebasan. Saya telah meneliti

usul ini dan memutuskan bahawa saya akan membenarkan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mengemukakan usulnya sesudahnya selesai urusan Kerajaan dalam Aturan Urusan Mesyuarat.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, point of order. Bolehkah saya menimbulkan keputusan Tuan Yang di-Pertua sendiri pada 19hb November dan keputusan Tuan Yang di-Pertua pada 22hb November, 1984 di mana ada dengan terus terang bahawa benarkan satu privilege tanpa notis dikemukakan dan di mana mengikut keputusan Tuan Yang di-Pertua sendiri pada 19hb November bahawa lepas itu keputusan terserah kepada Tuan Yang di-Pertua sama ada akan memberi precedent sungguhpun saya tidak bersetuju dengan perkara itu tetapi apa yang saya kemukakan untuk kemukakan Usul ini adalah mengikut precedent yang diadakan pada 22hb November, 1984 dan juga baru-baru ini 19hb November, 1985 untuk kemukakan Usul privilege. Sama ada priority akan diberikan, keutamaan akan diberikan mengikut keputusan 19hb November, 1985 terserah kepada Tuan Yang di-Pertua.

Sungguhpun saya ada berkata saya tidak bersetuju dan saya pun ada satu substantive motion untuk soal perkara itu dan itu saya tidak mahu menimbulkan, tetapi apa yang saya mengingatkan Tuan Yang di-Pertua, ialah bahawa Tuan Yang di-Pertua sendiri pada 19hb November sudah buat satu keputusan, satu precedent dan ini pun mengikut precedent 22hb November, 1984 bahawa bila-bila masa boleh dikemukakan.

Sungguhpun keutamaan dibenarkan atau tidak dibenarkan, itulah diputuskan selepas itu. Dan saya harap bahawa kita boleh mengikut precedent di mana saya boleh dikemukakan usul privilege ini dan

sama ada akan diberi keutamaan atau tidak, barulah terserah kepada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Kota Melaka, Ketua Pembangkang, telah mengemukakan hujah-hujah mempersoalkan keputusan saya yang telah saya tetapkan, bahawa saya akan membenarkan beliau mengemukakan usul ini sesudah sahaja urusan Kerajaan dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini dengan membangkitkan precedent-precedent yang telah pun disebutkan oleh beliau.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya memutuskan sekali lagi dan saya tidak akan membenarkan ianya dipertikaikan kerana Peraturan Mesyuarat memberi kuasa penuh kepada saya memutuskan secara muktamat dan saya mengaitkan keputusan saya dalam masalah precedent-precedent yang telah pun disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi, dengan menyatakan bahawa adalah menjadi pendapat saya keputusan saya hari ini tidak bertentangan dengan semangat precedent-precedent yang telah pun disebutkan, maka sekali lagi saya memutuskan bahawa saya akan membenarkan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mengemukakan usul ini sesudah sahaja selesai urusan Kerajaan dalam Aturan Urusan Mesyuarat (*Tepuk*).

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, on a point of order. Saya mahu minta satu penjelasan. Keputusan Tuan Yang di-Pertua muktamat, saya terima. Saya tidak mahu cabar di peringkat ini keputusan Tuan Yang di-Pertua. Saya mahu bertanya dua perkara. Yang pertama, sama ada termasuk di dalam Peraturan-peraturan Mesyuarat di mana Tuan

Yang di-Pertua boleh satu hari buat satu keputusan dan hari yang kedua keputusan yang lain pada perkara yang sama dan menggunakan bahawa ada peraturan di mana Tuan Yang di-Pertua ada maha kuasa, bukankah kita ada precedent-precedent yang kita perlu mengikut. Dan kedua, saya akan memberi.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat. . . .

Tuan Lim Kit Siang: Point of order, saya akan habiskan. Yang kedua, bolehkah kita dapat satu jaminan bahawa masa akan diperuntukkan selepas Urusan Kerajaan.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Point of order.

Tuan Lim Kit Siang: Saya belum habis, Tuan Yang di-Pertua, atas point of order.

Timbalan Yang di-Pertua: Penjelasan atau Peraturan Mesyuarat.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua: Berapa Yang Berhormat?

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: 43.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Melaka, minta duduk sebentar.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: 43, Tuan Yang di-Pertua, saya bacakan. Peraturan 43 berbunyi demikian, Tuan Yang di-Pertua:

“43. Tuan Yang di-Pertua dalam Majlis Mesyuarat atau Pengerusi dalam Jawatankuasa adalah bertanggung ke atasnya menjaga

supaya Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat atau Jawatankuasa diindahkan dan keputusannya berkenaan dengan apa-apa perkara Peraturan Mesyuarat tidak boleh diminta ditimbang semula (*Tepuk*) dan tidak boleh diulangkaji oleh Majlis Mesyuarat kecuali dengan di keluar usul bersendirinya kerana itu.”

Jadi, saya minta ruling.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak cabar keputusan, perkara ini tidak timbul. Tuan Yang di-Pertua, tidak payah ruling, saya tahu dan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya memutuskan di atas Peraturan Mesyuarat yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau dan saya memutuskan bahawa Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka hendaklah mengambil ingatan terhadap Peraturan Mesyuarat 43.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi Peraturan Mesyuarat 43, saya tahu bahawa sesuatu keputusan Tuan Yang di-Pertua tidak boleh dicabar selain daripada substantive motion dan saya pun ada memberi notis dua substantive motions dan apa guna Peraturan Mesyuarat 43 kalau masa tidak diperuntukkan. Saya mahu tahu, sama ada masa akan diperuntukkan selepas Urusan Kerajaan untuk dua-dua usul privilege dan dua-dua usul substantive dibahaskan atau mereka akan dibenarkan selepas Urusan Kerajaan.

Kita rela berbahas sampai esok pukul 6.00 pagi, 7.00 pagi tetapi tidak guna disebutkan Peraturan 43 kalau tidak mahu memberi masa untuk membahaskan usul di bawah Peraturan 43—substantive motion di mana saya ada memberi notis dua-dua dan saya rasa ini mustahak dan kalau

tidak, ini adalah satu helah sahaja, satu tipu sahaja, (*Tepuk*) menggunakan peruntukan ini untuk salahguna kuasa.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua. . . .

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya mengatakan sebagai penjelasan jika hendak diberi.

Tuan Lim Kit Siang: Atas hak apa, Tuan Yang di-Pertua, dia berdiri atas penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat atau minta penjelasan.

Dato' K. Pathmanaban: Minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Point of order, minta penjelasan. Mahu tanya?

Dato' K. Pathmanaban: Duduklah!

Tuan Lim Kit Siang: Duduk terlebih dahulu. Saya mahu tanya atas apa dia berdiri?

Dato' K. Pathmanaban: Penjelasan. Saya sudah kata sepuluh kali, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang: Apa penjasannya? Boleh beri penjelasan. . . . (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua: Sila arahkan ucapan itu kepada saya.

Tuan Lim Kit Siang: Ya. Kalau ada peruntukan di mana boleh berdiri atas penjelasan, saya ada banyak penjelasan yang mahu dikemukakan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, arahkan ucapan itu kepada saya. Ya, Yang Berhormat.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua. . . .

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak beri dia jalan?

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak mahu beri jalan, sekarang saya mahu teruskan. . . .

Dato' K. Pathmanaban: Saya minta. . . .

Datuk Dr James P. Ongkili: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat. . . .

Dato' K. Pathmanaban: Sekali lagi Peraturan Mesyuarat. . . .

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua minta saya beri jalan, ini menunjuk saya ada hak untuk berucap. . . .

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat semua duduk. Tadi saya ada kelihatan Yang Berhormat Menteri membangkitkan Peraturan Mesyuarat atau penjelasan.

Datuk Dr James P. Ongkili: Saya ingin mengemukakan satu usul. . . .

Tuan Lim Kit Siang: Hal ini belum selesai, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Peraturan Mesyuarat? Bukankah Yang Berhormat membangkitkan Peraturan Mesyuarat, nombor berapa?

Datuk Dr James P. Ongkili: Peraturan Mesyuarat untuk mengemukakan satu usul.

Timbalan Yang di-Pertua: Peraturan Mesyuarat nombor berapa Yang Berhormat? 11,12, 13.

Datuk Dr James P. Ongkili: 12.

Timbalan Yang di-Pertua: 12. Terima kasih. Ya, apa?

Tuan Lim Kit Siang: Perkara ini belum selesai. Tuan Yang di-Pertua, perkara ini belum selesai, kita tidak boleh bertindak. . . .

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat. Sebentar Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat, sila teruskan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN MESYUARAT

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan satu usul:

Bahawa mengikut. . . .

Tuan Lim Kit Siang: Apa Dewan ini. . . .

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua telah memberi saya berucap.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat 12.

Tuan Lim Kit Siang: Mana sense of justice, sebab itu BERJAYA jatuh, lebih baik duduk. . . .

Datuk Dr James P. Ongkili: "Bahawa. . . ."

Tuan Lim Kit Siang: Perkara ini belum selesai.

Datuk Dr James P. Ongkili: Minta dia duduk, Tuan Yang di-Pertua, kerana saya. . . .

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dalam Dewan ini hanya kita berdua yang diizinkan bercakap sekarang.

Datuk Dr James P. Ongkili: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengemukakan satu usul:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua Urusan Kerajaan yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan, dan sebaik sahaja selepas itu Dewan hendaklah ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dan merujuk kepada percakapan liar daripada Ketua Pembangkang yang mesti lebih tahu, perbuatan percakapan liar beliau saya harap dapat diambil tindakan daripada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat menyokong usul itu?

Dato' K. Pathmanaban: Ya, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah satu usul atas nama Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua Urusan Kerajaan yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan, dan sebaik sahaja selepas itu Dewan hendaklah ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua Urusan Kerajaan yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan, dan sebaik sahaja selepas itu Dewan hendaklah ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

(Ahli-ahli DAP keluar Dewan)

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG BANK ISLAM (PINDAAN)

Bacaan Kali yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (5hb Disember, 1985).

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh dijemput menyambung ucapan.

4.21 ptg.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Yang di-Pertua, saya berasa agak tidak puas kerana sekerat-sekerat bercakap dalam bahagian bank kewangan ini. Jadi hari ini saya akan bercakap sepuas-puasnya berkenaan dengan bank dan juga pelaksanaannya supaya ianya berjalan mengikut hasrat atau konsep Islam yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat dukacita dengan penghinaan yang diberi oleh Wakil dari Kota Melaka terhadap Dewan ini sekejap tadi, seolah-olah dialah yang merupakan memberi keadilan dan juga untuk mengambil hak dan privilege kepada orang-orang lain yang berkelakuan kurang baik katanya dan menyakit hati orang lain. Tetapi perbuatan Wakil dari Kota Melaka itulah yang merupakan kelakuan yang tidak baik, kelakuan yang menghina Dewan ini dan juga kelakuan yang boleh dibawa kepada Jawatankuasa Hak dan Keistimewaan Dewan ini kerana perbuatan itu nyata sekali ia menghina Dewan ini dan kalau tidak percaya kita dengar tape ataupun kita akan membaca *Hansard* apakah katanya kepada Dewan ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta maaf kerana perkara ini tidak berkenaan dengan masalah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Bank Islam, 1983. Sila tumpukan kepada masalah di hadapan Majlis, Yang Berhormat. Silakan.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Ya, Tuan Yang di-Pertua, itu mukaddimahnyanya (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak menyambung yang saya sudah terlupa kelmarin, iaitu dari segi mudharabah yang disebutkan oleh Bank Islam kelmarin iaitu yang boleh diberi pinjaman 100% tanpa cagar kepada pengusaha-pengusaha yang berkehendakkan pinjaman ini. Tetapi malangnya sistem cara mudharabah ini tidak dapat dijalankan dan masih lagi tidak dijalankan oleh Bank ini kerana tidak berkeyakinan untuk memberi pinjaman ataupun dengan cara mudharabah yang disebutkan itu. Sebagaimana yang kita tahu bahawa setakat ini sistem mudharabah ini dijalankan oleh pengusaha-pengusaha ataupun pelanggan kepada Bank

dengan cara simpanan ataupun simpanan tetap yang diberi itu. Tetapi keuntungan yang diberinya tidak akan menjadi sama dengan mudharabah atau dengan cara Bank ini menanam modal dengan pengusaha-pengusaha.

Kalau Bank ini memberi pinjaman katanya kepada pengusaha-pengusaha, ianya akan dibahagi keuntungan, 70% ataupun 30%; 80% kepada Bank, 20% kepada pengusaha; atas persetujuan berdasarkan pinjaman cara mudharabah ini. Tetapi sebaliknya mudharabah dengan cara ini wang pengusaha atau pelanggan ini diberi kepada Bank, dibayar keuntungan kurang daripada 10%. Ini adalah cara yang agak kurang sesuai, kalau sekiranya sistem mudharabah ini benar-benar berjaya dan boleh diterima oleh setengah pihak yang ingin mengamalkan cara simpanan yang halal kerana kalau sekiranya pihak Bank menanam modal kepada pengusaha, jika menerima keuntungan, mereka itu mendapat keuntungan yang lebih daripada 20% ataupun 30%, tetapi kalau pelanggan-pelanggan ini menyimpan pula kepada Bank, maka hanya diberi kurang daripada 10%. Maka ini adalah keuntungan yang tidak munasabah sebagai satu daripada perkara yang kita tidak kehendaki iaitu penindasan di dalam sistem bank sebagaimana yang kita katakan selama ini.

Satu lagi dalam pinjaman sekuriti atau pinjaman cagaran, Arab kata: "Al-Bithaman Ajil", kalau saya silap minta maaf, iaitu pinjaman untuk membeli rumah ataupun membeli harta-harta. Apa yang kita sangsikan di sini bahawa pihak bank tidak begitu menjelaskan dengan seterang-terangnya apakah cara yang digunakannya kerana apa yang berlaku sebagaimana yang telah berlaku pinjaman ini, kalau kita membeli rumah berharga \$186,000 — saya tidak mahu berselindung atau

hipokrit di dalam perkara ini kerana kita mahu benar-benar supaya orang Islam yakin benda ini boleh diterima—dengan \$186,000 misalnya, dalam jangka 15 tahun maka ia menjual balik rumah itu kepada kita dengan harga \$423,150.

Sebenarnya kadar ini adalah lebih kurang sama dengan kadar daripada bank-bank biasa yang ada. Itu tidak mengapa, walaupun sama tidak mengapa; tetapi kita hendaklah menerangkan cara manakah kiraan maka menjadi \$423,150 itu. Kita tidak mahu pakai kadar-kadar, ini kadar kiraan kita. Kadar kiraan kita inilah yang hendak diterangkan sebenar-benarnya supaya kita dapat tahu dan bandingkan dengan kadar yang dibuat oleh bank biasa supaya kita dapat menentukan ikhlasnya kita kepada pinjaman itu. Kalau tidak akan merebak merata-rata, terutama orang-orang PAS yang membawa perkara ini sebagaimana yang dilaungkan oleh Wakil dari Pengkalan Cera, yang ia juga faham tentang cara urusan Bank Islam yang ada sekarang ini. Jadi kita hendak menerangkan kadar jangkaan untung selama 15 tahun itu, bagaimana dikira.

Kalau dari segi penindasan, kalau pinjaman \$186,000 bayar \$23,150; itu merupakan penindasan kalau kata bebanan. Jadi bagaimana kira, apakah kiraan keuntungan ini boleh dikurangkan sedikit, mengapa kita mesti ikut kadar yang dibuat oleh bank biasa. Inilah keyakinan yang kita kehendaki. Nyatakan terang-terang, kita tidak mahu tidak nyata. Kalau ditanya, pandailah kita buat, adalah kadar kita. Ini yang kita tidak mahu, terang-terang kita nyatakan kepada pelanggan-pelanggan supaya mereka boleh tahu mengapa benda itu jadi begitu dan mereka boleh terang. Kalau kita tidak terangkan sejelas-jelasnya, maka ini akan menjadi satu perkara yang kurang baik kepada

pelaksanaan Bank ini, lebih-lebih lagi bayaran peguam. Bayaran peguam sekali ganda lebih mahal.

Sepatutnya bayaran pertama ditanggung oleh Bank Islam sama, kerana bayaran pertama ialah pemaju jual ataupun Bank beli daripada pemaju. Ini sekali urusanniaga berlaku, dia kena setem dan segalanya. Kali yang kedua, Bank jual kepada pelanggan, ini juga pemindahan berlaku dan kena bayar setem dan segalanya. Dan kali yang ketiga, pelanggan ini cagar balik kepada Bank, tiga kali urusanniaga berlaku, sebab itulah bayaran pelanggan terlampau tinggi dan ini patut ditanggung separuh oleh Bank yang melaksanakan ini kerana beli peringkat pertamanya itu adalah Bank beli daripada pemaju, tetapi kalau dengan keadaan biasa hanya pelanggan beli daripada pemaju dan cagar kepada Bank. Tetapi oleh kerana hendak menjalankan peraturan yang baik ini maka terpaksa berlaku urusan pembelian dua kali menyebabkan kenaikan yang berlaku kepada bayaran peguam, juga bayaran setem yang berlaku dalam penilaian itu menyebabkan bayaran ini dua kali ganda.

Perkara-perkara ini patut diambil perhatian dan terangkan sejelas-jelasnya. Satu lagi saya hendak sebut tentang lafaz, akad. Kita tahu perbezaan di antara Bank Islam dengan bank lain adalah berdasarkan pada akad ataupun lafaz jual beli. Tetapi kita tidak pernah melakukan lafaz jual beli. Perkara ini tidak dilaksanakan. Kita hanya pergi sains depan loyar, depan peguam sahaja. Serupa kita buat pinjaman dengan bank lain juga, sains sahaja. Kita tidak pernah melafazkan bahawa kita sanggup, atau dengan ini, “saya belilah rumah ini dengan harga sekian-sekian banyak”. Dia tidak pernah sebut lafaz itu. Kalau ini menjadikan hukum yang halal, maka kenapa

perkara ini tidak dilakukan (enforce) supaya ianya benar-benar dilaksanakan dan sebaliknya pula kalau kita melafaz membeli rumah, katalah harga rumah sebenarnya \$186,000, maka kita lafaz, "bahawa saya belilah rumah daripada Bank Islam ini sebanyak \$423,000".

Kalau takdirnya saya kena lottery atau ayah saya meninggalkan pesaka banyak, saya hendak bayar jelas rumah ini, maka saya tidak boleh bayar kurang daripada apa yang saya lafazkan tadi kalau mengikut urusan jual beli. Ini juga dipersoalkan oleh setengah pihak yang cuba hendak merendah-rendahkan pelaksanaan cara Bank Islam yang kita nyatakan ini. Perkara yang saya sebutkan ini adalah perkara rungutan yang berlaku dan boleh melemahkan pelaksanaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya hendak sebut dari segi pertukaran wang asing. Pada 26hb Julai 1984, sebanyak \$5,760 dan pada 8hb Ogos 1984 sebanyak \$5,616 berjumlah sebanyak \$11,360.16. Saya telah menjalankan pertukaran dengan Bank Islam ini. Apabila saya bertanya bagaimanakah wang pertukaran ini? Jawab Pengurus Bank itu, seperti bank-bank lain juga, seperti biasa. Oleh kerana saya seorang pelanggan yang taat kepada Bank Islam oleh kerana sama, maka saya mengeluarkan wang terus menukarkan wang bersama-sama orang lain yang meminta saya menukarkan wang untuk pergi ke Mekah pada tahun itu.

Saya tanya kadarnya berapa? \$1 duit Arab, 72¢ duit Malaysia. Apakah kadar ini kadar yang berlaku pada bank-bank lain? Ya, kadar inilah yang berlaku pada bank-bank lain. Apabila saya kira balik dalam \$1 Malaysia, kadar rial Saudi ialah \$1.38.88¢. Jadi dalam \$1.39 Malaysia, begitulah lebih kurang. Daripada \$11,360.16 ini saya

terima duit Arab sebanyak \$15,778 tetapi yang mendukacitakan saya, kadar pertukaran ini sudah jauh berbeza, kalau setakat 5¢, kalau setakat 3¢ tak apa lagi, tetapi jauh berbeza. Apabila kita pergi kepada Lembaga Urusan dan Tabung Haji yang membekalkan wang rial yang sama, dalam \$1 dia beri \$1.52.5¢. Kalau dalam \$100 jadi \$152.50. Dan kalau pergi ke Mekah pada masa itu, kita bawa duit berguni-guni kerana hendak bawa pergi sana, kita tukar, kita akan dapat \$147, \$148 dalam \$100 kita ataupun \$1 dapat \$1.47 atau \$1.48, di mana-mana kita boleh dapat. Kalau tukar banyak, kita akan dapat \$150 dan bank-bank tempatan juga dalam kadar yang begitu. Dengan ini bermakna perbezaan yang saya tukar itu adalah 13¢ lebih daripada yang lain. Saya menanggung kerugian sebanyak \$1,546 Saudi rial.

Perkara ini saya telah kemukakan kepada bank dan yang paling menyedihkan bagi saya, saya menerima amanah orang untuk menukarkan wang ini. Apabila saya menyerahkan wang yang ditukar kepada Bank Islam ini tidak mencukupi kadar yang dikehendaki, maka kata orang itu, "Wah! Yang Berhormat ambil untung ya?" Saya kata, saya tidak ambil untung. Inilah kadar yang diberi kepada saya pada masa itu sehingga saya sanggup membayar balik kerugian yang dia kata saya ambil untung itu. Tetapi apabila kita tulis balik kerugian itu, jawab pihak yang berkenaan, "Surat Yang Berhormat mengenai tuntutan wang kekurangan sebanyak \$1,546.24, kami mohon maaf kerana tidak dapat menunaikannya, kerana akad urusan tersebut telah sempurna dan selesai. Kami telah menawarkan pertukaran wang Arab Saudi kepada Yang Berhormat pada hari tersebut pada 26hb Julai, 1984 dan 8 Ogos, 1984 dengan kadar \$1 bersamaan dengan \$1.38.88 dan Yang Berhormat

pada hari itu di masa yang sama telah bersetuju menerimanya”.

Saya tidak pernah melakukan akad. Saya pergi tukar wang serupa dekat agensi-agensi lain. Tetapi yang mendukacitakan saya kenapa tidak diberi penerangan yang sebenar-benarnya. Perbezaan yang begitu banyak berlaku di antara bank yang kita kehendaki ini dengan bank-bank lain. Inilah perkara yang menimbulkan keraguan dan menimbulkan perkara-perkara yang tidak disenangi oleh pihak-pihak tertentu kerana kita tidak mahu dengan nama Islam ini sahaja kita boleh menimbulkan satu perkara yang tidak baik terhadap perkara-perkara yang kita lakukan kerana kita lakukan kerana kita tidak mahu apa yang berlaku ini boleh mengelirukan orang ramai kerana sekarang ini kita dapati penggunaan Islam ini ramai orang-orang alim yang pandai dalam agama Islam, kita akui tentang kebolehan mereka yang alim dalam Islam tetapi mereka tidak alim dalam bahagian politik atau bahagian ekonomi negara, tetapi mereka itu mengakui yang mereka itu alim dan perbuatan inilah yang tidak kita kehendaki. Dan banyak badan-badan pertubuhan yang menggunakan nama Islam tetapi amalan badan itu tidak secara Islam kerana Islam mengamalkan yang baik, yang suci yang tidak menyakitkan hati orang lain serta tidak membebankan sesiapa.

Kadang-kadang Islam digunakan oleh badan politik untuk memancing undi, kadang-kadang Islam digunakan oleh penjahat, penjenayah untuk meneruskan kejahatannya untuk menentang polis, kadang-kadang Islam digunakan oleh peminta sedekah untuk mencari rezeki dengan membaca “Fatihah” di tepi-tepi jalan dan sebagainya. Kadang-kadang Islam digunakan oleh pemimpin PAS untuk mencari derma, dibubuhnya dalam tukir. Kalau bubuh wang berbunyi pahalanya kurang, kalau bubuh wang

yang tidak berbunyi, pahalanya lebih. Tentulah yang tidak berbunyi itu wang kertas, lebih besar daripada wang yang berbunyi. Tok-tok guru kadang-kadang menggunakan Islam untuk kahwin empat dan Islam digunakan oleh guru Yahya untuk memperkosa anak-anak gadis, ini dalam TV, Tuan Yang di-Pertua. Jadi Islam dipergunakan sewenang-wenangnyanya. . . .

Timbalan Yang di-Pertua: Itu khayalan sahaja.

Tuan Haji Mohd. Najib bin Haji Wan Mohamad: Saya tengok guru Yahya, itu sebab saya sebut TV, saya takut ada guru Yahya yang marah pada saya di sini. Jadi ketinggian Islam telah disalahgunakan dengan cara-cara yang tidak dikehendaki.

Kembali kepada Islam yang digunakan oleh badan politik juga digunakan untuk memancing undi, kadang-kadang apabila dekat pilihanraya banyak sepanduk-sepanduk memperjuangkan itu dan ini seolah-olah pada masa itulah syiar Islam datang dengan ucapan berapi-api dengan kopiah putih serban berterbangan masuk kampung dengan suara bergema “Allahuakbar” berkali-kali. Selama ini tidak pernah sebut seolah-olah hendak perang sabil lakunya. Jadi penggunaan Islam seperti ini yang kita tidak kehendaki. Jadi kita tidak mahu perkara-perkara yang menggunakan nama Islam ini akan dijadikan sebagai satu asas untuk kita melakukan sesuatu yang tidak memberi keuntungan kepada orang Islam.

Tuan Yang di-Pertua, Wakil Pengkalan Chepa telah berucap tentang Belanjawan dan juga tentang kemelesetan ekonomi dan juga tentang Bank Islam dengan menyatakan sesuatu yang ideal yang tak dapat dicapai. Kadang-kadang dia menceritakan seolah-olah sesuatu

perkara itu datang daripada alam khayalan mereka dan seolah-olah yang diharapkan itu seperti angan-angan Mat Jenin yang tidak tercapai ke alam nyata. dia menganggapkan bahawa bank ini akan menjalankan sebagaimana yang diharapkan itu yang akan menyentuh dengan perkara-perkara lain, diminta supaya negara ini dijalankan dengan semangat negara Islam dan menganggapkan bahawa negara Iran sebagai negara Islam yang berjaya dan juga menimbulkan berbagai-bagai perkara yang boleh menjadikan persoalan kepada kita, yang mungkin perkara itu ideal dan tidak tercapai oleh kita.

Anggapan Wakil Pengkalan Chepa juga institusi kewangan bank perdagangan lain berbeza dengan Bank Islam, seperti api dengan air, kata dia, tentang haram dan halal riba ataupun tidak; satu menghalalkan dan satu mewajibkan, satu mewajibkan riba yang memeras dan menekan sedangkan yang satu lagi mengharamkan riba dan menyekat penindasan dan pemerasan dengan tujuan melahirkan pertalian kemanusiaan dan persaudaraan di antara pemodal dan pekerja, disebut dalam ucapannya. Sebenarnya penilaian Wakil dari Pengkalan Chepa ini berdasarkan nama sahaja. Apabila nama Islam, maka halal bagi dia, apabila nama riba—haram, apabila nama faedah—haram, apabila nama untung—halal. Apakah bila kita menyebut riba, maka berlakukah pemerasan ataupun penindasan tetapi sebaliknya apabila kita sebut keuntungan, maka tidak berlaku pemerasan ataupun tidak berlaku penindasan.

Kalau inilah penilaian yang dilakukan oleh Wakil Pengkalan Chepa, maka beliau adalah amat jahil tentang memberi penilaian sesuatu tentang haram dan halal. Sebab itulah pemimpin-pemimpin PAS amat

mudah sekali mengeluarkan fatwa, kadang-kadang fatwa ataupun hukum-hukum sehingga kucar-kacir, sehingga bingung, sehingga fatwa-fatwa yang salah dikeluarkan oleh pemimpin mereka kerana dengan panggilan riba, dengan panggilan interest, maka haram tetapi dengan panggilan untung dan tak ditetapkan, maka ianya halal. Tetapi di sebalik perkataan-perkataan ini sebenarnya ada nilai-nilai lain yang patut dilaksanakan, tidak mahu penilaian dibuat oleh Wakil Pengkalan Chepa itu kerana nilai-nilai di sebalik keuntungan ini apa yang patut kita beri, iaitu tidak membebankan dan biarlah ianya memberi perbezaan, jangan kita mengikut cara yang dibuat oleh bank-bank biasa. Biarlah ianya menjalankan kaedah yang betul dan menguntungkan kerana setakat ini pegawai-pegawai Bank Islam juga kita tahu mereka ini bukan malaikat, mesti tak salah dan sebagainya, mereka juga manusia biasa seperti kita. Sebab itulah saya menegur supaya Bank Islam ini berjalan mengikut luns ataupun konsep Islam, bukan berjalan seperti PAS yang namanya Islam, tetapi tindak-tanduknya adalah jauh seperti api dengan air, daripada hasrat dan semangat Islam yang kita kehendaki.

Apabila kita sebut Islam; Irankah, Arabkah atau berlaku pembunuhan atau berlaku kezaliman ataupun sebagainya yang berlaku, maka disifatkannya baik. Sebab itulah Wakil Pengkalan Chepa selalu menganggapkan negara Iran sebagai negara Islam yang berjaya dan mungkin juga Wakil dari Pengkalan Chepa ini hendak jadi "Khomeini" di dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau Bank Islam ini berjalan dengan luns-luns dan konsep prinsip Islam yang dirancang, dirangka dan diberitahu kepada kita, maka ianya adalah lebih baik daripada bank biasa walaupun Wakil dari Pengkalan Chepa

menganggap bank-bank biasa ini akan meranap atau mematikan Bank Islam. Sebab itulah saya bercakap ini dari segi pelaksanaannya yang benar-benar memberi keuntungan dan yang benar-benar memberi perbezaan yang jauh kepada umat-umat Islam yang menggunakan bank ini, tetapi kita tidak mengharapkan sesuatu yang besar tetapi ianya biar berbeza. Dengan secara berdikit-dikit ianya akan hidup sebagai sebuah bank yang akan bukan sahaja memati, tetapi akan menjadikan bank ini begitu popular. Tiap-tiap yang baik, yang menguntungkan dan tiap-tiap satu yang halal itu sudah tentulah ianya diredhai oleh Allah s.w.t., melainkan perkara-perkara yang tidak baik, yang tidak diredhai oleh Allah s.w.t., mungkin seperti PAS kerana kadang-kadang terdapat pemimpinnya pandai berucap, berpidato, memberi contoh ini dengan contoh perjuangan Nabi Muhammad s.a.w., dengan mencontoh perjuangan Nabi tetapi tindak-tanduk mereka tidak seperti Nabi, tetapi adalah merupakan tindak-tanduk iblis dan syaitan yang cuba hendak memecahbelahkan di antara kita ini. Kadang-kadang kata kita yang biasa ini: capak tak serupa bikin.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, orang Melayu akan aman kalau tak ada PAS, begitu juga orang Cina akan bersatu kalau tidak ada DAP. Dengan ini, saya menyokong Bank Islam yang dibentangkan pada petang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

4.58 ptg.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Yang Berhormat dari Pasir Puteh di atas pandangan-pandangan yang telah diberikan oleh beliau terhadap Rang Undang-undang Bank Islam (Pindaan) 1985 ini.

Secara ulasan, Tuan Yang di-Pertua, dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya perjalanan urusan bank-bank perdagangan dan perjalanan Bank Islam yang ada di Malaysia ini memang tidak banyak perbezaannya. Yang berbeza ialah bank-bank perdagangan itu berjalan atas prinsip urusan bank secara "secular" di mana faedah dikenakan dan ini merupakan unsur pertama, sedangkan Bank Islam itu adalah satu bank yang tidak beroperasi dengan mengenakan faedah sama sekali. Maka itu, sebagai gantinya Bank Islam mengamalkan konsep berkongsi keuntungan dengan peminjam.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, seperti Yang Berhormat sedia maklum, matlamat utama penubuhan Bank Islam ini ialah untuk menjalankan fungsi-fungsi Bank Perdagangan Islam dengan berlandaskan hukum syarak, juga menyediakan kemudahan dan khidmat bank kepada masyarakat Islam dan juga kepada masyarakat bukan Islam di negara ini.

Di dalam menjalankan urusan bank berdasarkan hukum-hukum syarak ini, sudah tentulah bank itu ingin mendapat keuntungan untuk membayar gaji dan imbuhan-imbuhan kepada pekerja-pekerja serta juga supaya dapat berkembang dari masa kesemasa. Jadi, berdasarkan kepada matlamat ini, yang saya sebutkan tadi dan mengambil kira kalau kita lihat dari segi operasi yang telah bermula dua tahun sudah, tahun 1983, lebih kurang 2½ tahun sekarang; kejayaan yang telah dicapai oleh Bank Islam boleh dikatakan menggalakkan.

Menyebut sedikit tentang kadar keuntungan bank ini, Tuan Yang di-Pertua, memanglah pada permulaan operasinya, keuntungan yang telah dicapai adalah sedikit sahaja. Walau bagaimanapun, Bank Islam telah

dapat memperbaiki kedudukannya dan meningkatkan kadar pembayaran ke atas akaun simpanan dan akaun pelaburan.

Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, pada bulan Jun tahun lepas, kadar pembayaran bagi akaun simpanan adalah 4.96% dan kadar ini telah meningkat kepada 5.26% pada bulan Jun tahun 1985. Bagi akaun pelaburan, akaun yang dikira secara tahunan, kadar pembayaran ialah 7.39%, berbanding dengan 7.19% bagi tempoh yang sama tahun lepas.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh juga menimbulkan kemungkinan kekeliruan di kalangan pelanggan-pelanggan termasuk Yang Berhormat sendiri mempunyai, dengan izin, practical experience, di mana Yang Berhormat telah terasa tertipu ataupun mendapati bahawa penukaran wang di Bank Islam kurang baik dari segi kadar pertukaran matawang dari matawang Malaysia kepada matawang Saudi.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya memaklumkan bahawa ini adalah satu operasi yang barangkali tidak berkaitan dengan prinsip atas mana bank ini telah ditubuhkan. Ertinya, Bank Islam yang kita wujudkan ini seperti saya katakan tadi adalah satu bank yang berlandaskan kepada hukum-hukum syarak, sama ada keuntungan yang dibuat pada satu-satu ketika itu berlebihan sangat dibandingkan dengan bank-bank lain, terpaksa kita teliti dahulu dan saya sendiri memberi akaun kepada Yang Berhormat bahawa apa yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat dari Pasir Puteh tadi akan kita hubungi pihak yang berkenaan dan saya percaya bukanlah tujuan Bank Islam untuk membuat keuntungan yang berlebihan, tetapi keuntungan yang berpatutan sekadar bank-bank lain juga.

Dalam pada itu, sukalah saya memaklumkan bahawa sebelumnya Bank Islam ini ditubuhkan, memang banyak orang mengatakan bahawa apabila sampai waktunya bank ini ditubuhkan, maka dapatlah kita meminjam wang tanpa faedah, dengan harapan bahawa meminjam daripada Bank Islam itu tanpa dikenakan sebarang bayaran. Ertinya, seolah-oleh dapat meminjam dengan lebih senang sebab ini Bank Islam, meminjam tanpa membayar lebih dan sebagainya. Jadi, barangkali kalau masih lagi ada yang berpendapat sedemikian, sudah sampai waktunya kita sedari bahawa perkara seperti ini tidak akan berlaku. Cuma barangkali dengan izin, terminologynya yang berbeza. Saya pun tak erti juga menyebut semua terminology yang digunakan oleh Bank Islam.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat dari Pasir Puteh, sebenarnya memang banyak "bah" dalam perkataan-perkataan yang digunakan. Memang betul ini cuma ditranslate sahaja perkataan-perkataan itu, tetapi soalnya Bank Islam ini adalah berdasarkan kepada prinsip-prinsip yang dibolehkan dari hukum syarak. Itu yang pentingnya.

Perkara-perkara lain yang disebut oleh Yang Berhormat dari Pasir Puteh, sama ada kita hendak menggunakan perkataan Islam seperti PAS, itu tak payahlah saya ulas.

Itu sahajalah yang saya hendak sebutkan, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi terima kasih saya kepada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh dan hujah-hujah beliau itu saya beri jaminan bahawa saya akan sampaikan kepada pihak Bank Islam supaya memperbaiki lagi, kalau sekiranya ada operasinya bank ini yang tidak menyenangkan pihak-pihak pelanggan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang-kan dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

AKTA KASTAM 1967

5.00 ptg.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen (2) seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 35) 1985;
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 36) 1985;

- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 37) 1985;
- (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 38) 1985;
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 39) 1985;
- (vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 40) 1985;
- (vii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 41) 1985;
- (viii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 42) 1985;
- (ix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 43) 1985;
- (x) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 44) 1985;
- (xi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 45) 1985;
- (xii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 46) 1985;
- (xiii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 47) 1985;
- (xiv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 48) 1985;
- (xv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 49) 1985;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut Bil. 190 hingga 204 tahun 1985 disahkan.

Tuan Yang di-Pertua, **Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 35) 1985** adalah bertujuan untuk mengujudkan no. kepala tarif khusus bagi "packed tea and bulk tea" dan mengenakan duti import sebanyak \$1 per kg. ke atas "bulk tea" serta mengekalkan duti import sebanyak 30% advalorem ke atas "packed tea". Langkah ini bermaksud untuk memberikan perlindungan kepada penanam-penanam teh dengan tidak membebankan pengguna-pengguna yang mengimport bahan tersebut.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 36) 1985 pula bertujuan untuk

mengujudkan kod tarif baru bagi "filled milk" dan meminda kadar duti import ke atasnya supaya sama dengan kadar duti yang dikenakan ke atas susu biasa.

Perintah Duti Kastam (Pindaan (No. 37) 1985 pula bertujuan untuk memansuhkan duti import ke atas tepung-tepung makanan bayi yang dulunya dikenakan duti import 35% ad voleram. Langkah ini dibuat memandangkan tepung makanan bayi adalah merupakan barangan perlu.

Perintah Duti Kastam (Pindaan (No. 38) 1985 bertujuan untuk mewujudkan nombor kepala tarif khusus bagi iklan bilis serta mengenakan duti import sebanyak 15% ad valorem dan menghapuskan duti eksport ke atasnya untuk membantu industri ikan bilis tempatan yang menghadapi berbagai masalah ketika ini.

Perintah Duti Kastam (Pindaan (No. 39) 1985 adalah untuk menaikkan kadar duti import bagi besi berongga dan sisa besi daripada 3% ad valorem kepada \$100 se tan metrik dan mengenakan pelesenan import bilet keluli. Langkah tersebut bermaksud untuk memberikan perlindungan tarif kepada syarikat tempatan yang mengeluarkan bahan tersebut di negara ini.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Perintah Duti Kastam (Pindaan (No. 40) 1985 bertujuan untuk menghapuskan duti import yang dikenakan ke atas gula mentah. Langkah ini bermaksud untuk memperbaiki keadaan bekalan gula di negara ini serta mengurangkan harga barang keperluan ini.

Perintah Duti Kastam (Pindaan (No. 41) 1985 bertujuan untuk menyelaraskan duti import ke atas

simen di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak menjadi 50% ad valorem atau \$80.00 se tan metrik yang mana lebih tinggi. Langkah ini diambil untuk tujuan menggalakkan kemasukan simen dari Semenanjung bagi mengisi kekurangan di Sabah dan Sarawak.

Perintah Duti Kastam (Pindaan (No. 42) 1985 pula bertujuan mengenakan satu siling duti eksport ke atas "RBD Palm Oil". Langkah ini bermaksud untuk mencegah aktiviti "cocktail" kelapa sawit.

Perintah Duti Kastam (Pindaan (No. 43) 1985 pula bertujuan untuk mengenakan duti eksport ke atas "Palm Fatty Acid Distillate" dan "Palm Acid Oil" kepada 10% dan menaikkan duti eksport ke atas "Crude Palm Stearine" dari 5% kepada 20%. Langkah ini dibuat bagi melindungi industri "Oleo Chemical" yang baru sahaja ditubuh di negara ini.

Perintah Duti Kastam (Pindaan (No. 44) 1985 pula bertujuan untuk memberi perlindungan tarif ke atas "moltice door locks" dan mewujudkan nombor kepala tarif baru khusus untuknya serta menyelaraskan duti import ke atas semua jenis kunci pintu.

Perintah Duti Kastam (Pindaan (No. 46) 1985 pula bertujuan untuk mengenakan duti import sebanyak 15% ad valorem ke atas "galvanised iron sheets" di samping kadar yang telah ada iaitu 32 sen semeter persegi. Langkah ini diambil untuk mengatasi pelarian cukai bagi pengimportan "galvanised iron sheets" yang lebih tebal.

Perintah Duti Kastam (Pindaan (No. 45) 1985 adalah bertujuan untuk mengenakan duti import ke atas "mosquito mats" sebanyak 5% ad valorem dengan mewujudkan satu nombor kepala tarif baru khusus

untuknya. Langkah ini bermaksud untuk menyelaraskan duti import ke atas barang-barang pengguna yang bukan merupakan barang-barang perlu.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 47) 1985 pula bertujuan untuk meminda kod tarif yang sesuai bagi "film and tiles of polyvinyl chloride or copolymers" kerana kod tarif yang dipakai bagi barangan ini di bawah Perintah Duti Kastam 1978 adalah tidak sesuai.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 48) 1985 bertujuan untuk memberi perlindungan tarif atas "V-type transmission" dengan mengenakan duti spesifik sebanyak \$4.20 di samping kadar 50% ad valorem yang sedia ada. Perlindungan tarif ini adalah untuk memberikan perlindungan kepada pengeluar-pengeluar "V-type transmission belt" tempatan yang menghadapi persaingan dengan barangan yang diimport.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 49) 1985 dibuat dengan tujuan untuk mengenakan duti import sebanyak 35% ke atas "optical lenses". Langkah ini bermaksud untuk memberikan perlindungan tarif kepada syarikat tempatan yang mengeluarkan bahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah

bahawa usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan, iaitu:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen (2) seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 35) 1985;
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 36) 1985;
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 37) 1985;
- (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 38) 1985;
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 39) 1985;
- (vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 40) 1985;
- (vii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 41) 1985;
- (viii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 42) 1985;
- (ix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 43) 1985;
- (x) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 44) 1985;
- (xi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 45) 1985;
- (xii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 46) 1985;
- (xiii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 47) 1985;
- (xiv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 48) 1985;
- (xv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 49) 1985;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut Bil. 190, 191, 192, 193, 194, 195, 196, 197, 198, 199, 200, 202, 203, dan 204 tahun 1985 disahkan.

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan dipersetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan atas usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen (2) seksyen 11, Akta Kastam 1967, perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 35) 1985;
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 36) 1985;
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 37) 1985;
- (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 38) 1985;
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 39) 1985;
- (vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 40) 1985;
- (vii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 41) 1985;
- (viii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 42) 1985;
- (ix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 43) 1985;
- (x) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 44) 1985;
- (xi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 45) 1985;
- (xii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 46) 1985;
- (xiii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 47) 1985;
- (xiv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 48) 1985;
- (xv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 49) 1985;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut Bil. 190, 191, 192, 193, 194, 195, 196, 197, 198, 199, 200, 202, 203, dan 204 tahun 1985 disahkan.

AKTA EKSAIS 1976

**Perintah Duti Eksais (Pindaan)
(No. 6) 1985**

**Perintah Duti Eksais (Pindaan)
(No. 7) 1985**

5.13 ptg.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen (2) seksyen 6 Akta Eksais 1976, Perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 6) 1985;
- (ii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 7) 1985;

yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut Bil. 205 dan 206 tahun 1985 disahkan.

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 6) 1985 adalah bertujuan untuk membetulkan kesilapan kadar-kadar duti eksais atas keluaran petroleum. Pembetulan ini dibuat bagi mengelakkan kehilangan hasil Kerajaan dan untuk menyamakan kadar duti eksais dan kadar duti import atas bahan-bahan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 7) 1985 pula bertujuan untuk memansuhkan duti eksais ke atas gula bertapis yang dikeluarkan oleh kilang-kilang tempatan. Langkah ini bermaksud untuk mengurangkan harga bekalan tersebut di pasaran tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan yang berbunyi:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen (2) seksyen 6, Akta Eksais 1976, Perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 6) 1985;
- (ii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 7) 1985; yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut Bil. 205 dan 206 tahun 1985 disahkan.

hendak disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen (2) seksyen 6, Akta Eksais 1976, Perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 6) 1985;
- (ii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 7) 1985; yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas-kertas statut bil. 205 dan 206 tahun 1985 disahkan.

AKTA KASTAM 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 52) 1985

5.15 ptg.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh subseksyen (2) seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 52) 1985 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut Bil. 183 tahun 1985 disahkan.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 52) 1985 adalah bertujuan untuk:

- (1) Mengurangkan kadar duti import ke atas beberapa jenis bahan-bahan mentah dan bahagian-bahagian komponen kepada kadar 2% untuk menyenangkan pengilang-pengilang mendapat bahan-bahan mentah dan bahagian-bahagian komponen tersebut;
- (2) Menaikkan duti import lebih kurang 15% ke atas beberapa jenis minuman keras serta menyamakan duti import atas brandy, whisky, rum dan gin bagi maksud tidak menggalakkan minuman-minuman tersebut.
- (3) Menaikkan duti import antara 2% hingga 8% ke atas beberapa jenis tembakau yang siap di kilang untuk memberi perlindungan yang lebih tinggi kepada industri tembakau tempatan.
- (4) Memindahkan struktur duti eksport ke atas lada untuk meringankan beban duti

eksport ke atas penanam-penanam barangan ini, bertujuan membantu industri ini yang kini menghadapi beberapa kesulitan.

- (5) Menghapuskan duti import ke atas beberapa jenis alat seperti sonar, echo sounder, rada dan mesin menuai yang digunakan oleh sektor perikanan dan pertanian untuk menggalakkan nelayan-nelayan dan petani-petani menggunakan alat-alat moden.

- (6) Mengenakan duti import yang lebih tinggi ke atas bir dan stout yang mempunyai kandungan alkohol lebih dari 10° proof spirit supaya asas pengenaan duti atas minuman-minuman ini disamakan dengan minuman-minuman keras yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalah ialah bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh subseksyen (2) seksyen 11, Akta Kastam, 1967 Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 52) 1985 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut Bil. 183 tahun 1985 disahkan.

hendak disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh subseksyen (2) seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 52) yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut Bil. 183 tahun 1985 disahkan.

AKTA EKSAIS 1976

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 8) 1985

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 9) 1985

5.20 ptg.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh subseksyen (2) seksyen 6, Akta Eksais 1976, Perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 8) 1985; dan
- (ii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 9) 1985;

yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut Bil. 184 dan 185 tahun 1985 disahkan.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 8) 1985 adalah bertujuan untuk mengenakan duti yang lebih tinggi sebanyak 5% ke atas minuman bir dan stout yang mempunyai kandungan alkohol lebih dari 10% proof spirit supaya asas pengenaan duti atas minuman-minuman ini disamakan dengan minuman-minuman keras yang lain.

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 9) 1985 pula bertujuan untuk meminda kadar duti yang dikenakan ke atas minuman ringan dari kadar 3% ad valorem kepada kadar spesifik 2 sen seliter. Langkah ini dibuat bertujuan memudahkan pentadbiran kastam serta meringankan beban kerja ke atas industri minuman ringan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan yang berbunyi:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh sub-seksyen (2) seksyen 6, Akta Eksais 1976, Perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 8) 1985;
- (ii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 9) 1985; yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut Bil. 184 dan 185 tahun 1985 disahkan.

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh sub-seksyen (2) seksyen 6, Akta

Eksais 1976, Perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 8) 1985;
- (ii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 9) 1985; yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut Bil. 184 dan 185 tahun 1985 disahkan.

AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 1975

Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai) (Pindaan) 1985

5.23 *ptg.*

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh sub-seksyen (2) seksyen 5, Akta Cukai Perkhidmatan 1975, Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai) (Pindaan) 1985 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut Bil. 186 tahun 1985 disahkan.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai)—(Pindaan) 1985 adalah bertujuan untuk menurunkan kadar Cukai Perkhidmatan dari 10% kepada 5% untuk membantu industri pelancongan dan perniagaan restoran di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya sekarang terbuka untuk dibahas.

Sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan iaitu:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh subseksyen (2) seksyen 5 Akta Cukai Perkhidmatan 1975, Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai) (Pindaan) 1985 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut Bil. 186 tahun 1985 disahkan.

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh subseksyen (2) seksyen 5, Akta Cukai Perkhidmatan 1975, Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai) (Pindaan) 1985 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut Bil. 186 tahun 1985 disahkan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG UNDANG BANK NEGARA MALAYSIA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.25 ptg.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Bank Negara Malaysia 1958 dibaca bagi kali yang kedua.

Selaras dengan pindaan dalam Akta Bank dan Akta Syarikat Kewangan, Ordinan Bank Negara Malaysia akan juga dipinda bagi membolehkan Bank Negara dengan persetujuan Kerajaan untuk memberi pinjaman atau membeli saham-saham institusi kewangan yang pada pendapatnya telah tidak berupaya menjelaskan tanggungannya atau akan menggantungkan pembayaran.

Memandangkan institusi kewangan yang sedang menghadapi masalah boleh menjejaskan keyakinan orang ramai, adalah perlu bagi Bank Negara untuk mengambil tindakan segera bagi melindungi penyimpan-penyimpan dan mengelakkan krisis keyakinan dalam sistem bank.

Pindaan ini juga bertujuan memperuntukkan penubuhan satu Panel Penasihat bagi menasihatkan Kerajaan ke atas mana-mana cadangan pembelian atau penjualan saham bank atau syarikat kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Suatu Akta untuk meminda Ordinan Bank Negara Malaysia 1958 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

5.27 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, Ordinan Bank Negara Malaysia 1958 dipinda untuk memasukkan satu seksyen yang baru iaitu seksyen 31A, yang membenarkan Bank Negara Malaysia memberikan bantuan sama ada dalam bentuk

pinjaman atau membelikan saham-saham sesebuah bank atau syarikat kewangan yang dilesenkan semasa menghadapi masalah menepati tanggungan-tanggungannya.

Pindaan ini merupakan satu langkah ke arah yang betul kerana terdapat kekurangan disiplin kewangan, kepakaran serta kesesuaian di setengah-setengah syarikat kewangan. Pelbagai institusi kewangan termasuk Bumiputera Malaysia Finance (BMF) di Hongkong dan Setia Timur di Malaysia yang membuktikan hakikatnya, sebab itulah saya mengatakan ini satu langkah ke arah yang betul.

Kesusahan atau krisis yang dialami oleh Supreme Finance sekarang dengan penyimpan-penyimpan wang yang berpusu-pusu dan berebut-rebut mengeluarkan simpanan masing-masing membayangkan kekurangan keyakinan rakyat terhadap institusi-institusi kewangan di negara ini. Mahu tidak mahu Bank Negara terpaksa berikhtiar untuk memulihkan keadaan berebut-rebut ini supaya krisis ini tidak merebak ke institusi-institusi kewangan yang lain, yang tidak mempunyai asas yang kukuh dan di sini juga selain daripada tindakan yang diambil oleh Bank Negara, kelemahan-kelemahan di bursar saham itu hendaklah diselesaikan kerana itulah yang penting, yang sama penting dengan pindaan yang ada di sini sekarang. Dengan krisis seperti ini institusi-institusi kewangan tidak dapat memainkan peranan yang sepenuhnya seperti yang diharapkan di dalam kegiatan ekonomi Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya dari menjadi penyelamat Agensi-agensi di Luar Belanjawan serta Kerajaan-kerajaan Negeri dan Badan-badan Berkanun, pihak Kerajaan sekarang menjadi penyelamat institusi-institusi kewangan yang telah menyeleweng, dan kurang cekap

seperti Syarikat Kewangan Setia Timur Berhad bagi membiayai kesulitan kewangan yang dialami oleh pihak Agensi-agensi di Luar Belanjawan. Kerajaan Negeri serta Badan-badan Berkanun pihak Kerajaan telah juga meminjam serta menjadi peminjam-peminjam dari dalam dan luar negeri. Jadi adakah pihak Kerajaan Persekutuan akan menggunakan sumber yang sama bagi menyelamatkan institusi-institusi kewangan, jika tidak dari manakah Bank Negara akan memperolehi sumber kewangan untuk membiayai institusi ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan saham-saham yang diperolehi akan dijual sebaik sahaja Bank Negara berpendapat bahawa syarikat-syarikat kewangan dan bank-bank yang terlibat telah mengatasi krisisnyanya. Adalah juga difahamkan bahawa Bank Negara serta Menteri Kewangan akan menentukan siapakah yang akan menjadi pembeli-pembeli saham itu. Menteri berkenaan bersama-sama Bank Negara menerima nasihat daripada satu Panel Penasihat mengenai cara yang berfaedah sekali untuk berbuat demikian. Panel Penasihat ini kononnya akan terdiri daripada orang-orang yang dilantik oleh Menteri sendiri atas syor-syor Bank Negara.

Pihak Kementerian Kewangan serta Bank Negara harus mengesyorkan bahawa ahli-ahli panel ini akan terdiri daripada orang-orang yang merupakan pakar dan sekurang-kurangnya berpengalaman serta berpengetahuan mengenai bidang ini. Mereka juga mestilah terdiri daripada orang-orang yang berdisiplin dan bertulang belakang sendiri supaya dapat memberikan nasihat yang objektif dan bermanfaat.

Saya berharap pihak Bank Negara tidak akan membuat syor-syor untuk melantik pak-pak turut sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut cara perangkaan ayat dalam Fasal 2, Seksyen 31A Menteri serta Bank Negara tidak semestinya menerima nasihat Panel Penasihat. Ini bermakna bahawa kedua-dua pihak Menteri serta Bank Negara masih mempunyai kekuasaan yang sewenang-wenangnya.

Jadi, untuk mengesyorkan bahawa tidak adanya kejadian penyelewengan atau kelemahan, sebarang tindakan yang diambil oleh Menteri dan Bank Negara harus diumumkan dan dijelaskan kepada orang ramai, kecuali perkara-perkara yang dimasukkan di dalam confidentiality. Begitu juga dengan nasihat-nasihat yang diberi oleh Panel Penasihat.

Perkara ini adalah penting untuk mengembalikan kepercayaan dan keyakinan orang ramai terhadap institusi-institusi kewangan, manakala rahsia hanya akan merumitkan keadaan ketika terbongkar di dalam skandal-skandal dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada ini, pindaan tidak menyatakan dengan terus terangnya sama ada pihak Kementerian Kewangan atau Bank Negara Malaysia akan selanjutnya mengawal institusi-institusi yang telah menerima bantuannya apabila saham-saham itu dijual. Oleh kerana itulah kita perlu diberitahu bakal waris saham-saham yang diperolehi oleh Menteri dan Bank Negara semasa menghulurkan bantuan mereka.

Sementara itu pihak Kerajaan juga harus menerangkan apakah bentuk-bentuk kawalan serta pembaikan yang akan dikenakan ke atas institusi-institusi kewangan yang kurang cekap ini. Jika bakal waris saham-saham tersebut terdiri daripada Badan-badan Berkanun Kerajaan, ataupun sebarang wakil Kerajaan maka seperti di dalam pindaan Akta Bank tahun

1973, langkah itu akan memperkukuhkan tanggapan orang ramai bahawa Kerajaan mempunyai hajat untuk memilik negara akan sektor kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi membolehkan Bank Negara memberi sokongan bantuan ataupun mengambil alih walaupun buat sementara syarikat-syarikat kewangan dan bank-bank yang lemah, ia mestilah memperbetulkan kelemahan-kelemahan yang ada di dalamnya. Bank Negara hendaklah mempunyai kakitangan yang cukup, yang benar-benar profesional dan memperolehi pengalaman di dalam bank-bank komersial dan institusi-institusi kewangan yang lain. Untuk menguatkuasakan pindaan tersebut, penguatkuasa-penguatkuasa seharusnya menunjukkan pemahaman, pengertian, deria, keinsafan dan kesetiaan untuk mengetahui masalah-masalah yang terdapat dalam institusi-institusi kewangan terutamanya bank-bank komersial.

Soal yang pokok ialah adakah Bank Negara memperolehi bilangan kakitangan seperti ini yang cukup untuk mengelolakan, mengambil alih ataupun menguruskan institusi-institusi kewangan yang menghadapi krisis dengan cekapnya.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah pihak Bank Negara patutlah mengambil langkah-langkah positif untuk mengkaji semula latar belakang, pengalaman, keamanan serta kewibawaan tiap-tiap pegawai, terutamanya yang memegang jawatan kanan di kalangan kakitangan Bank Negara.

Ia seharusnya membuat satu kewajipan bahawa setiap pegawai kanan terpaksa mempunyai sekurang-kurangnya lima tahun pengalaman di dalam bank komersial selain daripada kelayakan profesional yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, Bank Negara adalah bertanggungjawab untuk membekalkan wang di dalam negara ini, akan tetapi ia tidak seharusnya menjadi penjaga atau pemelihara binatang serta pemburu gelap dengan serentaknyanya, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, Bank Negara cannot be a game keeper and poacher at the same time seperti yang terdapat sekarang. Seandainya keadaan ini berterusan skandal kewangan seumpama skandal BMF akan berulang dan segala usaha untuk menyembunyikan rahsia atau confidentiality mengenai skandal BMF sebagaimana yang cuba dilakukan oleh Kerajaan tidak akan menyelesaikan kekurangan disiplin kewangan yang ada di negara ini sekarang. Oleh itu adalah penting bagi Kerajaan untuk menubuhkan satu inspektorat bank dengan serta-merta, inspektorat ini adalah bebas, tidak bergantung kepada sesiapa pun, cuma bertanggungjawab kepada Menteri Kewangan dan kepada Parlimen.

Ahli-ahli inspektorat ini hendaklah mempunyai, dengan izin, hindsight, insight and foresight, di dalam hal urusan bank-bank komersial dan institusi-institusi kewangan untuk menyelenggarakan prestasi mereka. Sistem seperti ini adalah dijalankan dengan sangat berkesan di negara-negara, umpamanya, Canada dan German Barat. Di German Barat, Deutsche Bundice Bank hanya mengambil pegawai-pegawai, terutamanya pegawai-pegawai kanan di dalam perkhidmatannya sekiranya mereka mempunyai sekurang-kurangnya empat atau lima tahun pengalaman di dalam bank-bank komersial. Tuan Yang di-Pertua, Deutsche Bundice Bank ialah Bank Negara di German Barat.

Rang Undang-undang yang di hadapan Dewan ini juga tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. Inilah ayat yang mengakhiri pindaan yang

dibuat terhadap Ordinan ini. Jika ini tidak akan melibatkan wang tambahan bagaimana pula pihak Kerajaan akan menghulurkan pinjaman serta pembelian saham-saham dilaksanakan. Tambahan lagi adakah ayat tersebut merujuk kepada perbelanjaan dalam bentuk gaji kepada ahli-ahli Panel Penasihat. Jika ia, maka ahli-ahli Panel Penasihat merupakan pekerja-pekerja sukarela.

Tuan Yang di-Pertua, semua persoalan di atas harus diterangkan dengan jelasnya kepada orang ramai kerana sektor kewangan merupakan pembekal sumber kewangan yang utama sekali kepada para usahawan. Jika institusi-institusi ini akan dikawal oleh pihak Kerajaan apabila dilaksanakan kelak, ianya mungkin mempunyai kesan ke atas kebebasan institusi-institusi tersebut untuk memberi pinjaman dan hanya para usahawan yang disukai oleh pihak Kerajaan mungkin akan mempunyai peluang yang baik sekali untuk mendapatkan pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam konsep semangat pindaan tersebut walaupun ianya adalah baik jika boleh dilaksanakan dengan berkesan dan dengan beramanah, fungsi yang penting bagi saya untuk Bank Negara ialah di dalam menggalakkan institusi-institusi kewangan ke arah aktiviti-aktiviti yang sehat, termasuk pengambil-alihan yang sihat, dengan izin, take-overs. Setakat itu Kerajaan dan Bank Negara kurang mengambil perhatian terhadap hal ini, terutamanya semasa musim bergelora yakni yang mengalami kemerosotan yang kian bertambah buruk ini. Setengah-setengah institusi kewangan bank berminat menceburkan diri dalam operasi atau ventures, dengan izin, yang mempunyai risiko yang terlalu besar.

Sebenarnya, Bank Negara hendaklah menjadi kubu yang kukuh untuk mewujudkan institusi-institusi

yang berdasarkan kepada asas yang kukuh yang dibina batu bata demi batu bata. Ia seharusnya dianggotai oleh kakitangan-kakitangan yang mempunyai status profesional demi satu profesional dididikan dari setahun ke setahun.

Perkembangan dan kemajuan institusi-institusi kewangan sama seperti dengan syarikat-syarikat yang lain hendaklah berdasarkan kepada konsep langkah demi langkah bukan seperti lompat katak, atau dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, leap-frogging, step by step, bukan leap-frogging seperti yang boleh dilihat sekarang. Pengalaman Pan-Electric itu, salah satu punca kerana tidak mengembangkan, memajukan dengan langkah demi langkah kerana melompat secara katak. Sehingga tidak dapat membayar balik pinjaman \$350 juta itu. Dan ini ekor daripada itu, institusi-institusi kewangan di negara ini seperti Supreme Finance, yang ada kena-mengena dengan Ahli Yang Berhormat dari kawasan Damansara, yang menyebabkan Bursa Saham Kuala Lumpur dan di Singapura menimbulkan kucar-kacir yang terbesar, sehingga mengalami kerugian berpuh atau beratus-ratus juta ringgit.

Tuan Yang di-Pertua, konsep lompat katak ataupun konsep jutawan segera ataupun menjadi kaya dengan serta-merta, dengan sekelip mata, adalah konsep yang buruk kalau dibiarkan membiak, dibiarkan berterusan akan merosakkan negara ini. Saya berharap Bank Negara dengan pindaan ini dapat berikhtiar untuk menghapuskan konsep dan falsafah seperti lompat katak ini seperti jutawan segera ini supaya ia tidak akan terus menjadi satu ancaman kepada keadaan kewangan dan ekonomi negara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.48 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kebanyakan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong sewaktu membincangkan Rang Undang-undang ini adalah sama juga matannya dengan yang telah dibangkitkan sewaktu membincangkan dua Rang Undang-undang Bank (Pindaan) 1985 dan Syarikat Kewangan (Pindaan) 1985, cuma caranya sahaja berbeza. Maka rasa saya tidak ada yang saya hendak tambah, cuma yang baru, yang dapat saya kesan tadi, Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah memetik satu ayat yang kecil di bawah sekali dalam Rang Undang-undang itu di mana dinyatakan pindaan ini tidak melibatkan kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apabila kita menyebut perkara yang tidak melibatkan kewangan, ertinya tidak menambah dari segi budget dan sebagainya. Di dalam hal kalau pun ada apabila ditubuhkan Lembaga Penasihat dan sebagainya, ini akan dibiayai oleh Bank Negara sendiri, ertinya Bank Negara akan menggunakan sumber kumpulan wangnya sendiri, ertinya tidak daripada peruntukan-peruntukan lain.

Satu lagi perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong tadi, ialah mengenai kawalan Bank Negara dalam masa ini berkenaan dengan pembeli-pembeli saham terhadap syarikat-syarikat kewangan ataupun syarikat bank yang mungkin menghadapi kesukaran membuat bayaran-bayaran dan

sebagainya. Itu yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat takut kalau-kalau pihak Kerajaan akan memilih kasih agak saya, sebab Yang Berhormat itu juga menyebutkan bahawa Kerajaan tidak semestinya menerima nasihat Panel Penasihat.

Tuan Yang di-Pertua, inginlah saya memaklumkan bahawa kita mesti jujur, apabila kita jujur kita juga menganggap orang lain jujur. Kalau kita selalu mempunyai syak wasangka terhadap orang lain oleh sebab kita sendiri tidak jujur, jadi ini hanya akan menunjukkan kekurangan kejujuran kita. Buat saya, untuk menasihati kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong, kalau sekiranya kita percaya kepada kita sendiri sebab kita jujur, harus kita beri kepercayaan itu kepada orang lain sebab kita ini pun tidak begitu baik sangat juga. Kalau kita baik, orang lain pun harus kita anggap seperti itu. Ini tiap-tiap kali yang kita hendak buat, ada sahaja pada pandangan Ahli Yang Berhormat yang perbuatan-perbuatan ini hanya untuk mementingkan sesuatu kaum, sesuatu orang atau sesuatu golongan.

Ini yang sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, terpaksa dibuat untuk menyelaraskan pindaan-pindaan yang dibuat terhadap Rang Undang-undang Bank dan juga Rang Undang-undang Syarikat Kewangan dahulu, tidak ada lebih daripada itu, kerana kalau kita tidak ubah Rang Undang-undang ini, kita tidak selaraskan, maka tujuan kita untuk memastikan supaya tidak ada bank-bank, tidak ada syarikat-syarikat kewangan di dalam negeri kita ini yang mempunyai keadaan-keadaan yang membimbangkan dapat diselamatkan. Jadi ini tujuan kita ubah sedikit Rang Undang-undang ini.

Selain daripada itu, saya rasa tidak ada apa-apa perkara yang saya hendak sebut, hendak ulas lagi kerana Yang Berhormat juga menyebutkan

Syarikat Setia Timur, kita sudah jawab ini sewaktu membincangkan kedua-dua Rang Undang-undang yang saya sebutkan tadi.

Satu perkara lagi, Yang Berhormat dari Kepong mencadangkan supaya seseorang yang bekerja di Bank Negara terlebih dahulu bekerja dengan bank swasta, sekurang-kurangnya 5 tahun. Ini berbeza dengan keadaan sekarang, biasanya yang bekerja di Bank Negara yang berhenti, bekerja di bank-bank perdagangan, kecuali kalau tidak silap Gabenor sekarang sahaja daripada bank perdagangan, daripada private sector masuk ke Bank Negara. Yang lain biasanya sesudah dia bekerja dengan Bank Negara kemudian dia masuk bank perdagangan. Walau bagaimanapun, saya difahamkan keadaan ini juga diizinkan dengan sewenang-wenangnya, kecuali jika difikirkan ada keperluan untuk negara.

Jadi sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada perkara yang saya hendak ulas selain daripada ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalah ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *memperkerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN (No. 2)

Bacaan Kali Yang Kedua
dan Ketiga

5.57 ptg.

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Suatu Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Cukai Pemindahan Syer (Syarikat Berasaskan Tanah) 1984 dan Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibaca kali kedua sekarang.

Pindaan-pindaan ini adalah bagi menguatkuasakan cadangan-cadangan cukai yang dibuat dalam Belanjawan 1986.

Di sini saya mohon memberi penjelasan mengenai beberapa perkara penting yang dikemukakan melalui Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Bab I Rang Undang-undang ini adalah mengandungi peruntukan-peruntukan permulaan sahaja. Bab II, iaitu dari Fasal 3 hingga Fasal 25 adalah mengenai pindaan yang hendak dibuat kepada Akta Cukai Pendapatan 1967. Fasal 4 bertujuan menukar tafsiran "pinjaman yang diluluskan". Di bawah tafsiran baru ini hanya pinjaman yang diberi kepada Kerajaan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan atau Badan Berkanun, termasuk mana-mana pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan

atau Kerajaan Negeri, akan dianggap sebagai pinjaman yang diluluskan dan layak mendapat pengecualian cukai. Pengecualian cukai ke atas faedah adalah diberi jika perjanjian bagi pinjaman yang diluluskan itu ditandatangani di Malaysia. Jika perjanjian itu dilaksanakan di luar Malaysia, pengecualian cukai hanya diberi jika kelulusan Menteri Kewangan telah pun diperolehi terlebih dahulu untuk berbuat demikian.

Tafsiran bagi pinjaman jangka panjang yang terdapat di bawah Akta adalah dimansuhkan. Pindaan-pindaan ini adalah berkuatkuasa pada 25hb Oktober, 1985. Walau bagaimanapun, pinjaman yang dibuat pada atau sebelum 25hb Oktober tahun ini adalah terus dikecualikan dengan syarat pinjaman-pinjaman tersebut telah dibuat selepas mendapat kebenaran daripada Bank Negara.

Tuan Yang di-Pertua, bagi kerana tujuan cukai keuntungan berlebihan, cadangan telah pun dibuat supaya satu hak, dengan izin "franking" sahaja digunakan bagi semua syarikat pemastautin atau bukan pemastautin. Dengan ini Fasal 4 telah memansuhkan tafsiran Kumpulanwang Pemegang Syer yang tidak lagi diguna bagi menentukan pengenaan cukai keuntungan berlebihan.

Fasal 5 mengenakan hak "franking" ini pada tahap \$2 juta bagi semua syarikat.

Selanjutnya pindaan ke atas seksyen 2 Akta dibuat dengan memasukkan sub-seksyen baru bagi membolehkan keuntungan yang diterima dan perbelanjaan yang ditanggung dalam urusniaga yang dijalankan mengikut prinsip-prinsip syariah diberi layanan cukai yang sama seperti faedah yang diperolehi dalam urusniaga yang

dijalankan mengikut prinsip-prinsip lama urusaniaga biasa.

Fasal 6 (b), 7 (c), 18 dan 22 bertujuan memasukkan peruntukan baru ke dalam Akta supaya cukai pegangan sebanyak 5% dikenakan ke atas faedah yang dibayar kepada pemastautin perseorangan atau bank-bank dan institusi-institusi kewangan lain. Pengecualian ke atas faedah yang terdapat sekarang ini adalah dikekalkan. Ini bermakna cukai pegangan ini hanya dikenakan ke atas faedah yang tidak dikecualikan daripada cukai sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 8 adalah bertujuan untuk meminda Seksyen 13 Akta supaya syarat berkaitan dengan penggunaan penerbangan dimansuhkan. Dengan pindaan ini mereka yang layak mendapat kemudahan ini bolehlah menggunakan mana-mana syarikat pengangkutan pilihannya sendiri

Fasal 9 dan 16 adalah bertujuan meminda Seksyen 18 Akta dan 60A Akta supaya peruntukan berkaitan perniagaan insurans dan premium insurans biasa dipakai bagi perniagaan takaful yang menjalankan skim insuran yang berpandukan kepada prinsip-prinsip Islam.

Fasal 10 adalah bagi membolehkan apa-apa derma wang yang tunai yang diluluskan yang dibuat oleh perempuan bersuami yang ditaksirkan cukai pendapatan secara berasingan dibenar sebagai potongan untuk dirinya.

Fasal 11 juga adalah bertujuan untuk memberi layanan cukai yang saksama kepada kaum wanita yang bekerja. Dengan pindaan ini, pencen yang diterima oleh isteri yang bersara secara pilihan bolehlah ditaksirkan secara berasingan mengikut pilihan penerimanya.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan dasar penswastan Kerajaan pada masa ini, Fasal 23 adalah bertujuan memasukkan perenggan baru 67A ke dalam Jadual 3 supaya perbelanjaan apa-apa modal yang ditanggung bagi pembinaan jalan raya awam atau struktur yang berkaitan layak mendapat elaun modal.

Fasal 24(a) pula bertujuan memasukkan perenggan baru 30A ke dalam Jadual 6 supaya pencen ahli-ahli politik dikecualikan cukai apabila ahli politik itu mencapai 55 tahun atau apabila ia berhenti atas sebab-sebab kesihatan. Hak pengecualian cukai untuk satu pencen yang lebih tinggi atau tertinggi sahaja akan terus berkuatkuasa.

Fasal 27 bertujuan memotong bahagian II dan IV Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967 dengan tujuan memansuhkan cukai keuntungan timah dan kayu-kayuan mulai tahun taksiran 1986. Dengan pemansuhan ini, syarikat-syarikat ini adalah tertakluk kepada cukai keuntungan tambahan biasa.

Bab IV iaitu Fasal-fasal 28 hingga 42 adalah berkaitan dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan dibuat kepada Akta Cukai Keuntungan Hartanah 1976.

Fasal 28 hingga Fasal 39 bertujuan untuk memperkemas pentadbiran cukai keuntungan harta tanah dan bagi membolehkan urusaniaga Bank Islam yang dijalankan mengikut prinsip-prinsip Syariah diberi layanan cukai yang sama di bawah Akta ini.

Fasal 40 bertujuan memasukkan proviso baru kepada sub-perenggan 1, perenggan 3 Jadual 3 supaya seseorang isteri yang warganegara Malaysia atau pemastautin tetap tetapi berkahwin dengan seorang bukan warganegara Malaysia atau bukan pemastautin tetap di Malaysia juga berhak

mendapat pengecualian cukai daripada keuntungan pelupusan rumah kediamannya.

Fasal 41 bertujuan meminda perenggan 2 Jadual 4 untuk membolehkan tuan punya bersama menuntut pengecualian daripada cukai sebanyak \$5,000 atau 10% daripada keuntungan yang boleh dikenakan cukai mengikut yang mana lebih besar, apabila ia melupuskan bahagian hartanya. Pindaan-pindaan ini adalah dibuat untuk memperkemaskan lagi Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976.

Tuan Yang di-Pertua, Bab V iaitu Fasal-fasal 42 hingga 50 adalah berkaitan dengan pindaan-pindaan yang dicadang dibuat kepada Akta Cukai Pindaan Syer (Syarikat Berasaskan Tanah) 1984 bertujuan memperkemaskan pentadbiran cukai pemindahan syer bagi mengatasi beberapa kesulitan yang timbul semenjak Akta ini diperkenalkan.

Fasal 43 meminda tafsiran "pelepasan" di mana peruntukan dan pembatalan syer daripada pengeluaran stok pinjaman atau debentur dan pertukaran stok pinjaman atau debentur kepada syer tidak lagi dianggap sebagai pelepasan. Seterusnya Fasal 43 juga meminda tafsiran syarikat berasaskan tanah dengan tujuan menghadkan skop tafsiran yang sedia ada bagi syarikat yang tidak mempunyai harga tanah secara langsung.

Di bawah pindaan ini, syarikat seperti ini akan hanya dianggap syarikat berasaskan tanah jika syarikat itu memiliki lebih daripada 20% syer mengundi dalam sesuatu syarikat berasaskan tanah atau mempunyai subsidiari yang memiliki lebih daripada 20% syer mengandungi dalam syarikat berasaskan tanah. Syarikat yang mempunyai tanah untuk bangunan hotel (termasuk

kemudahan-kemudahan rekreasi sampingan) tidak juga akan dianggap sebagai syarikat berasaskan tanah.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini perpindaan syer yang merupakan sebahagian daripada skim penyusunan semula selaras dengan Dasar Ekonomi Baru adalah dikecualikan daripada cukai atas permohonan. Untuk melicinkan pentadbiran, Fasal 45 memukakan Seksyen baru 4A di mana pemindahan syer untuk tujuan ini tidak akan dikira sebagai pelupusan, dengan syarat skim ini telah mendapat kelulusan Ketua Pengarah Jabatan Hasil Dalam Negeri terlebih dahulu.

Fasal 50 pula adalah bertujuan untuk tidak mengenakan cukai ke atas pelupusan bagi seseorang prinsipal atau nomininya dan di antara nomini-nomini atau pemegang-pemegang amanah.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, Bab Ke VI iaitu Fasal-fasal 51 hingga 53 adalah berhubung dengan pindaan-pindaan yang dibuat ke atas Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967.

Fasal 52 bertujuan memasukkan tafsiran baru "perkongsian" ke dalam seksyen 2 Akta ini. Pindaan ini adalah dibuat untuk memperkemaskan lagi pentadbiran Akta ini. Pindaan-pindaan lain adalah merupakan pindaan-pindaan kecil yang dibuat untuk melengkapkan Rang Undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 1985 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang-kan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-
pergerusikan Jawatankuasa*).

Fasal 1 dan 2—

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 2 dalam text bahawa Inggeris dipinda dengan menggantikan tahun "1967" yang terdapat di baris ketiga dengan angka "1976". Pindaan kepada Fasal ini adalah bagi membetulkan kesilapan perkeranian sahaja.

Tuan Pengerusi: Masalah ialah Fasal 2 dipinda dengan perkataan gantikan "1967" yang terdapat dalam baris ketiga dalam text bahasa Inggeris dengan tahun "1976", sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Masalah ialah Fasal 2 dipinda dengan perkataan gantikan tahun "1967" yang terdapat dalam baris tiga dalam text bahasa Inggeris dengan tahun "1976", dipersetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 1 dan 2 sebagaimana yang dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 3—

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan pindaan seperti berikut:

"3(6) (i) Masukkan perkataan "Perjanjian" sebelum sahaja perkataan-perkataan "pinjaman jangka panjang" pada baris pertama dan kedua proviso.

(ii) Gantikan perkataan-perkataan "di mana pinjaman telah di-dahulukan seseba-hagian mana-mana bahagiannya telah diremitkan ke Malaysia sebelum tarikh tersebut" yang terdapat pada perenggan (i) proviso dengan perkataan-perkataan, "telah diikat dan baginya kebenaran telah diberi oleh Pengawal Pertukaran Asing di bawah Akta Kawalan Pertukaran 1953 pada atau sebelum 25hb Oktober, 1985"."

Tuan Pengerusi, pindaan ini adalah dibuat bagi membolehkan pinjaman jangka panjang yang telah diikat pada atau sebelum 25hb Oktober, 1985 dan kebenaran baginya telah diberi di bawah Akta Kawalan Pertukaran 1953 menikmati pengecualian cukai walaupun pinjaman itu belum diremitkan ke Malaysia.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah pindaan-pindaan yang dicadangkan itu sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah pindaan-pindaan yang dicadangkan itu dipersetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 3 sebagaimana yang dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 4—

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Pengerusi saya mohon mencadangkan bahawa *Fasal 4(d)* dipinda dengan memotong perkataan-perkataan “principles of” yang terdapat pada baris akhir subseksyen (7).

Pindaan ini adalah bagi memperbaiki kesilapan gubalan sahaja.

Tuan Pengerusi: Masalah ialah pindaan yang dicadangkan itu sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Masalah ialah pindaan yang dicadangkan itu dipersetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 4 sebagaimana yang dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 5 hingga 38 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 39—

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan pindaan seperti berikut:

“39(c) Potong perkataan-perkataan “prinsip-prinsip” yang terdapat pada baris kelima sub-perenggan (5).

39(e) Potong perkataan “prinsip-prinsip” yang terdapat pada baris keempat dan perkataan “Al-Murabahah” yang terdapat pada baris sub-perenggan (g).

39(g) Gantikan perkataan-perkataan “pinjaman daripada suatu

bank Islam yang diberi mengikut prinsip-prinsip Syariah Al-Murabahah atau Al-Bithaman Ajil” yang terdapat pada sub-perenggan (2) perenggan 15B perkataan-perkataan “kemudahan kewangan yang diberi oleh suatu bank Islam mengikut Syariah”.

Tuan Pengerusi: Enjoy pula itu!

Dato Sabbaruddin Chik: Yang Berhormat bercakap Arab, saya tak pandai bercakap Arab saya pandai cakap Cina sahaja.

39(k) Masukkan perkataan-perkataan “perolehan aset oleh penerima legasi dengan suatu” di antara perkataan-perkataan “suatu” dengan “harga” yang terdapat pada baris kesembilan sub-perenggan baru (3A).

39(l) Gantikan perkataan-perkataan “pinjaman daripada suatu bank Islam yang diberi mengikut prinsip-prinsip Syariah Al-Murabahah atau Al-Bithaman Ajil” yang terdapat pada sub-perenggan (7) dengan perkataan-perkataan “kemudahan kewangan yang diberi oleh sesuatu bank Islam mengikut Syariah”.

Di dalam slip pindaan yang diedarkan, perkataan-perkataan “kemudahan pinjaman” digunakan. Tuan Pengerusi, ini adalah satu kesilapan perkeranian sekali lagi. Perkataan-perkataan ini diganti dengan perkataan-perkataan “kemudahan kewangan”.

Pindaan-pindaan ini adalah bagi memperbaiki kesilapan-kesilapan gubalan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah pindaan-pindaan yang dicadangkan itu sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Masalah ialah pindaan-pindaan yang dicadangkan itu dipersetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 39 sebagaimana yang dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 40 hingga 53 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG DAGANGAN KOMODITI

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.23 ptg.

Menteri Perumahan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menubuhkan Suruhanjaya Dagangan Komoditi, bagi mengadakan peruntukan mengenai penubuhan suatu bursa komoditi, bagi mengawal perdagangan kontrak hadapan komoditi dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dan yang bersampingan dengannya, dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Dagangan Komoditi 1985 ini ialah untuk menggantikan Akta Dagangan Komoditi 1980, bertujuan memberikan peruntukan kuasa-kuasa tambahan bagi menyelaras, mengawas dan mengawal aktiviti pasaran hadapan komoditi di negara ini secara lebih berkesan dan menyeluruh disamping memberikan jaminan perlindungan yang lebih baik dan sempurna kepada pihak pedagang-pedagang.

Dari sejak ianya ditubuhkan pada tahun 1980 sehingga bulan Mac 1984, Bursa Komoditi Kuala Lumpur telah mencapai kemajuan yang pesat. Pasaran tersebut telah membuktikan keupayaannya sebagai pusat penetapan harga dan melindungi nilai hadapan komoditi. Ia juga telah menarik minat antarabangsa untuk berdagang dan menggunakannya sebagai pusat rujukan harga.

Bursa Komoditi Kuala Lumpur pada awal tahun 1984 telah mengalami kemungkinan besar di pasaran hadapan minyak kelapasawit mentah. Peristiwa itu telah mendedahkan beberapa kelemahan asas dalam amalan dan pengawalan aktiviti urusniaga di Bursa tersebut. Antara kelemahan yang jelas ialah tiadanya penentuan bidang tugas yang jelas dan sistem penyelarasan yang berkesan antara Bursa dan pusat penjelasan. Majlis Dagangan Komoditi tidak diperuntukkan kuasa bertindak segera bagi mengatasi krisis ini. Sistem jaminan kontrak adalah kurang tepat dan sandaran kewangan ahli Bursa dan pusat penjelasan tidak mencukupi. Di samping itu terdapat segolongan kecil pedagang di pasaran yang bersikap kurang berdisiplin dan dengan itu menyebabkan tergugatnya keutuhan pasaran.

Dengan tergugatnya keyakinan di pasaran, Kementerian saya telah mengambil langkah-langkah segera dan berunding serta berbincang dengan semua pihak yang terlibat dengan perkara ini. Satu Pasukan Petugas telah ditubuh bertujuan untuk mengkaji secara mendalam dan menyeluruh terhadap masalah dan kelemahan yang dihadapi serta membuat rumusan dan syor-syor bagi memulih dan memperbaiki keadaan.

Beberapa siri perundingan dan perbincangan telah dijalankan dengan pihak industri melalui tempoh yang

panjang melebihi 18 bulan semata-mata bagi memberikan peluang secukupnya untuk meneliti dan menganalisa segala aspek yang berkaitan dengan perkara ini. Bagi membantu usaha-usaha ini, sebuah syarikat pakar perunding komoditi antarabangsa yang terkemuka, juga telah dilantik untuk membawa idea-idea dan contoh-contoh yang baru dan lebih kemaskini sepertimana yang diamalkan di pasaran hadapan yang lebih maju di dunia. Langkah ini diambil bagi membolehkan satu sistem yang teratur dan kemaskini digubal dan dilaksanakan bagi meningkatkan daya maju pasaran, sesuai dengan cabaran masa kini dan dapat pula setanding dengan pasaran hadapan komoditi yang maju di dunia.

Segala pandangan, buah fikiran dan rumusan telah diambilkira dalam mewujudkan bentuk pasaran hadapan komoditi yang baru ini. Ini termasuklah aspek perundangan, sistem dan struktur pasaran, kaedah dan peraturan pasaran, di samping mengambil kira kepentingan negara sebagai pengeluar terbesar beberapa komoditi di dunia.

Operasi Bursa akan terus diasaskan kepada konsep mengawal diri sendiri, bertujuan mengekalkan tanggungjawab mengawal dan memelihara pasaran terletak kepada ahli-ahli Bursa. Konsep ini merupakan satu asas penting menentukan ahli-ahli sentiasa waspada dan bertindak dengan penuh disiplin dan tanggungjawab bagi memelihara dan memajukan pasaran. Setiap peringkat dalam susunan dagangan akan memastikan bidang tanggungjawab mereka dipenuhi.

Bagi melicinkan urusaniaga dan mengukuhkan keyakinan di kalangan pengguna-pengguna pasaran, semua kontrak yang diurusniagakan di Bursa akan dijamin secara automatik oleh pusat penjelasan. Untuk

melaksanakan konsep ini, peraturan-peraturan pusat penjelasan telah dipinda di mana semua kontrak yang diniagakan dalam Bursa akan dijamin secara automatik setelah diterima oleh pusat penjelasan.

Bagi perlindungan yang lebih baik kepada pasaran, keperluan modal berbayar ahli-ahli pusat penjelasan telah dinaikkan daripada \$250,000 pada masa lalu kepada \$1 juta di samping mengekalkan setiap masa, harta nyata bersih sebanyak \$2 juta.

Untuk memelihara kepentingan bersama antara Bursa dan pusat penjelasan, Bursa akan memiliki ekuiti dalam pusat penjelasan. Struktur ekuiti bagi pusat penjelasan sepertimana yang telah dipersetujui ialah 40% dimiliki oleh Bursa, 30% oleh ahli-ahli pusat penjelasan dan 30% oleh satu konsortium yang terdiri daripada 16 buah bank-bank utama tempatan.

Satu pusat penjelasan yang baru telah ditubuhkan dan dikenali sebagai Malaysia Futures Clearing Corporation (MFCC) dan modal berbayar akan ditambah daripada \$2.5 juta kepada \$25 juta bagi meneguhkan kedudukan kewangannya, supaya dapat ianya memberikan jaminan kewangan yang lebih baik ke atas kontrak-kontrak dagangan yang diurusniagakan.

Perkhidmatan pengurusan pusat penjelasan akan didapatkan daripada International Commodities Clearing House (ICCH), London. Dengan itu daripada permulaannya MFCC akan diuruskan oleh seorang pegawai dagang yang dipinjamkan oleh ICCH. Di samping itu pakar perunding antarabangsa yang dilantik akan terus memberikan khidmat nasihat berkaitan pengurusan Bursa dan juga MFCC sehingga pasaran pulih dengan baik.

Kaedah dan peraturan Bursa dan MFCC telah juga diselaraskan bagi menentukan kedua-dua badan berkenaan bekerjasama memikul tanggungjawab bersama memelihara keutuhan pasaran. Satu Jawatankuasa pusat penjelasan terdiri daripada ahli-ahli dan ketua eksekutif Bursa dan juga MFCC telah diwujudkan bagi menentukan penyelarasan aktiviti kedua-dua badan ini serta mengesan aktiviti-aktiviti urusniaga di pasaran dan mengambil tindakan segera sekiranya berlaku keadaan darurat di pasaran.

Satu ciri penting dalam rang undang-undang yang baru ini ialah pertukaran status Majlis Dagangan Komoditi daripada sebuah Jabatan di bawah Kementerian Perusahaan Utama kepada sebuah badan berkanun yang akan dikenali sebagai Suruhanjaya Dagangan Komoditi. Ini akan memberikannya keupayaan yang lebih luas dari segi pentadbirannya dan juga dari segi menjalankan tindakan-tindakan bersabit dengan tugas dan tanggungjawabnya. Suruhanjaya dan Pesuruhjaya juga akan diperuntukkan dengan kuasa-kuasa tambahan bagi membolehkan mereka melaksanakan aktiviti-aktiviti penyelarasan dan pengawasan secara lebih cekap dan berkesan bagi memelihara keutuhan pasaran setiap masa.

Dalam mengawasi pasaran, terutama sekali dalam keadaan darurat, Suruhanjaya akan mempunyai kuasa untuk bertindak campurtangan di pasaran sekiranya Bursa tidak menjalankan tindakan sewajarnya. Di samping itu Suruhanjaya juga akan diberikan kuasa mengarahkan Bursa dan juga MFCC melaksanakan kaedah dan peraturannya, menetapkan had perdagangan kontrak dan had dagangan, bertujuan untuk

mengelakkan kegiatan manipulasi dan spekulasi yang berlebihan di mana-mana pasaran di Bursa.

Suruhanjaya juga akan diperuntukkan bidangkuasa yang penuh ke atas KLCE dan juga MFCC. Ianya akan menguatkuasakan disiplin ke atas kedua-dua badan ini termasuk individu yang berkhidmat dengannya. Selaras dengan susunan struktur yang baru, Tribunal Dagangan Komoditi sepertimana diperuntukkan dalam Akta yang ada akan dimansuhkan dan Suruhanjaya akan diberikan kuasa menyiasat tuduhan salahlaku ke atas Bursa, MFCC dan juga individu yang berkhidmat dengannya.

Peruntukan juga diberikan di dalam Rang Undang-undang supaya segala perselisihan yang timbul diselesaikan menerusi proses perundingan. Peraturan ini penting bagi mengelakkan rujukan dibuat terus kepada mahkamah sebelum proses "inhouse" digunakan. Bagi melindungi kepentingan awam, peruntukan juga dibuat supaya dilantik pengarah-pengarah bebas dalam Lembaga Pengurusan Bursa. Di samping itu peruntukan juga dibuat supaya manipulasi pasaran dianggap sebagai kesalahan serius di mana pesalah boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi \$100,000 dan lima tahun penjara.

Bidangkuasa tambahan ini tidaklah dimaksudkan untuk mengawasi industri ini secara berlebihan. Apa yang dipentingkan ialah memperkemarkan aktiviti pengurusan dan penyelarasan supaya sistem dagangan dapat berjalan dengan lancar dan teratur serta berkembang maju. Di samping itu tujuannya ialah untuk memelihara pasaran daripada kegiatan yang kurang bertanggungjawab oleh mana-mana pihak yang boleh menjejaskan keutuhan pasaran.

Segala usaha yang rapi dan bersungguh-sungguh telah dijalankan bagi memulihkan dan memajukan semula pasaran. Struktur dan sistem dagangan telah disusun dan diperlengkapkan. Satu sistem jaminan yang lebih kemas dan mantap telah diwujudkan bagi melicinkan urusaniaga dan meneguhkan keyakinan para pedagang. Keperluan kewangan ahli-ahli Bursa dan juga pusat penjelasan telah ditambah bagi memberikan perlindungan yang lebih baik ke atas kontrak yang diurusniagakan. Peruntukan undang-undang yang lebih baik dan kemaskini juga telah digubal dan disusun untuk membolehkan aktiviti pengawasan, penyelarasan dan pengawalan yang lebih baik dan berkesan dijalankan. Semua ini adalah diarahkan kepada mencapai cita-cita menjadikan Bursa sebagai pusat dagangan komoditi yang maju dan berwibawa di rantau ini.

Dalam melaksanakan usaha-usaha ini, pihak industri telah diajak berbincang dan berunding di setiap peringkat dan ketika. Malahan usaha pemulihan ini bolehlah dianggap sebagai contoh kerjasama yang rapat antara pihak industri dan juga pihak awam. Sessi-sessi seminar, dalog dan bengkel juga telah dan sedang dijalankan bagi memberikan penjelasan dan juga mendapatkan maklumbalas dari pihak industri. Penerangan yang luas juga telah dibuat di media massa bagi menerangkan aspek-aspek usaha pemulihan pasaran. Wakil-wakil pihak industri juga telah menyatakan sokongan mereka terhadap usaha-usaha ini serta berjanji akan menyertai secara aktif dalam pasaran yang dipulihkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak industri di atas sokongan mereka dan ingin menggesa supaya

mereka terus menyokong dan menyertai secara aktif apabila ia dipulihkan nanti.

Sokongan dan kerjasama ini akan membuka harapan mencapai cita-cita bersama menjadikan Bursa Komoditi Kuala Lumpur sebagai Pusat Dagangan Komoditi yang terkemuka di rantau ini dan juga di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu akta bagi menubuhkan Suruhanjaya Dagangan Komoditi bagi mengadakan peruntukan mengenai penubuhan suatu Bursa Komoditi bagi mengawal perdagangan, kontrak hadapan komoditi dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dan yang bersampingan denganya sekarang terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Batang Padang.

6.42 ptg.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun berucap menyokong Rang Undang-undang Dagangan Komoditi, 1985 yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan iaitu Bursa Komoditi ini telah pun ditubuhkan pada tahun 1980 dan pindaan ini untuk mengawal, mengawas dan melindungi kegiatan tersebut.

Di bawah Rang Undang-undang Dagangan Komoditi, 1985, Fasal 33 yang mana ia memperuntukkan bahawa mereka yang berdagang di

dalam kontrak serahan hadapan komoditi hendaklah berdaftar di bawah Akta dengan Suruhanjaya. Syarikat-syarikat yang memohon pendaftaran itu dikehendaki mempunyai modal berbayar minima sebanyak \$500,000 untuk layak menjadi ahli Bursa dan modal \$1 juta untuk menjadi ahli Pusat Penjelasan. Hanya syarikat-syarikat yang mempunyai modal berbayar minima seperti yang ditetapkan itu sahaja yang layak untuk memohon dan diberikan pendaftaran di bawah Akta baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 33 (5) iaitu mana-mana orang yang dengan disedarinya melanggar seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi \$500,000 dan mengenai sesuatu kesalahan yang berterusan denda tambahan sebanyak \$1,000 bagi tiap-tiap satu hari kesalahan itu berterusan.

Pada pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, peruntukan ini adalah satu daya usaha Kerajaan untuk mengukuhkan lagi keyakinan awam terhadap aktiviti dagangan ataupun berlalulah zaman di mana syarikat dengan modal \$2 pun melibatkan diri dalam dagangan hadapan walhal tanggungjawab dengan risiko perniagaan terlalu tinggi.

Saya kira peraturan ini akan menentukan hanya syarikat-syarikat yang mampu dan berupaya sahaja akan melibatkan diri dalam aktiviti ini. Dengan demikian, kepercayaan dan keyakinan pihak awam akan dapat dipulihkan semula.

Pendaftaran syarikat-syarikat broker ini adalah sangat perlu bagi memastikan mereka yang benar-benar layak sahaja yang akan didaftarkan. Hukuman berat sepatutnya dikenakan kepada syarikat-syarikat yang menjalankan perniagaan tanpa mendapatkan

pendaftaran terlebih dahulu. Ini disebabkan syarikat-syarikat berkenaan akan berdagang di pasaran bagi pihak orang awam. Orang awam perlulah mendapat jaminan yang cukup supaya urusniaga mereka tidak diselewengkan.

Saya yakin orang-orang awam yang berdagang ini sedar tentang risiko yang dihadapinya. Apa yang penting ialah syarikat-syarikat broker itu mestilah sah berdaftar dengan pihak Suruhanjaya dan tertakluk kepada semua undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan. Ini akan menjamin perdagangan mereka terpelihara, sama ada untung atau rugi sudah jadi adat dan risiko perdagangan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai aspek perlindungan tambahan, saya dapati peruntukan juga telah diberi supaya dilantik anggota pengarah bebas ke dalam Lembaga Pengarah Bursa iaitu dalam Fasal 22 (2) (b), tidak lebih daripada tiga orang anggota untuk mewakili kepentingan awam yang mana hendaklah dilantik oleh Menteri selepas berunding dengan Suruhanjaya. Perlantikan mereka adalah berdasarkan kepada merit individu yang berkenaan dari segi pengetahuan, pengalaman, kepakaran dan juga kewibawaannya.

Saya fikir ini adalah satu langkah yang bijak. Saya ingin membuat syor di sini, kalau boleh salah seorang wakil itu dilantik menjadi Pengerusi kepada Lembaga, ini penting kerana kepentingan awam adalah terlibat sepenuhnya malahan kepentingan negara juga terlibat. Oleh yang demikian, saya berpandangan perspektif individu ini akan menjadi lebih luas, dia akan memandang semua aspek yang berkaitan sebelum membuat sesuatu keputusan dan tidak akan terkongkong kepada suatu aspek tertentu sahaja.

Di samping itu peruntukan juga dibuat di bawah Fasal 79 sehinggalah kepada Fasal 99 iaitu Kumpulanwang Pampasan. Saya anggapkan peruntukan ini sebagai dua pelindungan berlapis bagi melindungi orang awam yang menanggung kerugian akibat kemungkinan broker berkaitan dengan kontrak hadapan mereka. Ini bermakna orang awam boleh menuntut ganti kerugian yang mereka alami akibat dari kemungkiran tersebut dan termasuk juga bagi kos dan faedah yang mereka layak menerima.

Ciri ini merupakan satu sistem jaminan yang penting di mana keutuhan dan kemantapan sistem perniagaan adalah dijamin. Ini bermakna orang awam akan terlindung dari tindakan tidak bertanggungjawab oleh pihak broker. Misalnya, penyalahgunaan wang perdagangan bagi pihak pelanggan tanpa persetujuan pelanggan berkenaan dan sebagainya.

Bagi memudahkan pengurusan akaun pula, sistem menyimpan akaun terasing telah dimestikan di bawah Fasal 51 iaitu akaun pelanggan akan diasingkan dengan akaun syarikat. Dengan cara ini pihak awam yang berdagang akan dapat perlindungan yang sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, semuanya ini adalah bukti sikap Kerajaan yang jujur dan sentiasa mengambil berat melindungi kepentingan awam dan memelihara pihak awam daripada teraniaya oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Namun begitu, Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya mengingatkan di sini bahawa di samping sistem jaminan yang lengkap dan undang-undang yang komprehensif, kerja pencegahan aktiviti penipuan ke atas orang awam memerlukan orang awam sendiri mengambil berat tentang urusan perdagangan mereka. Mereka

mestilah menentukan bahawa syarikat broker itu mempunyai pendaftaran yang sah tetapi wakil syarikat yang berurusan dengannya itu juga hendaklah mempunyai pendaftaran yang sah. Kalau tidak, mereka akan terkecuali daripada perlindungan yang disebutkan tadi.

Di samping itu pula orang awam yang terlibat dengan perdagangan itu perlulah memahami risiko-risikonya sebelum mereka menandatangani apa juga perjanjian untuk membeli atau menjual kontrak dagangan hadapan. Yang penting sekali adalah bahawa mereka mesti mempunyai satu idea ataupun persiapan mental tentang apa yang akan terjadi sekiranya pasaran komoditi tersebut tidak bergerak ke arah yang mereka jangkakan. Ini penting difahami supaya keadaan yang buruk dapat dielakkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendapat tahu bahawa negara kita adalah negara membangun yang pertama di dunia ini yang menubuhkan pasaran komoditinya sendiri. Langkah ini saya fikir membuktikan sekali lagi tentang sikap Kerajaan kita yang dinamik dan berpandangan jauh dalam usaha memajukan ekonomi negara dan juga meningkatkan imej negara di mata dunia.

Negara kita memang terkenal dengan komoditi-komoditinya, Tuan Yang di-Pertua, seperti getah, timah, minyak kelapa sawit, koko, papan lapis, lada hitam dan sebagainya adalah komoditi-komoditi yang menjadi tunjang ekonomi negara.

Dari jumlah eksport negara, 70% adalah dari bahan komoditi tidak termasuk petroleum. Ini menjadi bukti bahawa komoditi telah menjadi tunjang kekuatan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, kemajuan sektor komoditi bukanlah semata-mata satu kebetulan sahaja, kemajuannya adalah juga bergantung

kepada sikap berpandangan jauh pihak Kerajaan dan juga pihak industri. Pendirian inilah yang menyebabkan berjuta-juta wang ringgit dilaburkan untuk tujuan perancangan, penyelidikan, pembangunan tanah, pemasaran dan sebagainya.

Kita bersyukur di atas kurniaan ini. Dengan hasil komoditi negara telah dapat membangun dengan pesat, infrastruktur dibina, perkhidmatan pelajaran dan sosial ditingkatkan dan sektor industri perkilangan digerakkan. Tidak dapat dinafikan sumbangan sektor komoditi kepada negara sangatlah besar dan negara bolehlah berbangga dengan kemajuan ini. Di kalangan negara-negara membangun, negara ini terbilang sebagai negara yang telah maju. Memandangkan kepada keadaan ini, saya sangat mengalu-alukan langkah Kerajaan ini dan menyeru semua pihak supaya memberikan sokongan sepenuhnya terhadap usaha ini, usaha ini adalah semata-mata untuk kebaikan negara di masa hadapan. Dengan adanya pasaran ini, Tuan Yang di-Pertua, pergantungan kita kepada pasaran luar negeri seperti di London, Tokyo, New York akan berkurangan. Di samping itu pelabur-pelabur di Malaysia boleh menggunakan pasaran ini untuk membuat pelaburan mereka. Ini akan menyekat pengaliran keluar wang kita ke luar negeri.

Saya difahamkan banyak pelabur kita yang melabur di pasaran komoditi di Tokyo, Hongkong dan sebagainya. Ini semua merugikan negara. Mereka patut melabur di negaranya sendiri. Sekarang Kuala Lumpur sudah ada Bursar Komoditi sendiri, tidak ada sebab berdagang di Tokyo atau di Hongkong lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini saya ingin menyeru pihak Kerajaan dan juga pihak

industri supaya lebih bergiat memajukan bursar ini. Kita mestilah mempunyai cita-cita tinggi untuk menjadikannya sebagai sebuah bursar yang berwibawa di rantau ini dan juga terkemuka di dunia. Kita mesti berpandangan jauh ke hadapan untuk mendapatkan faedah jangka panjang dan dapat mengeneppikan apa-apa prasangka dan juga kepentingan jangka pendek yang sedikit. Jangan masalah kecil atau kesukaran kecil yang dihadapi dijadikan alasan untuk menjadi lemah semangat. Saya pasti cabarannya amat berat, terutama dari negara maju yang lebih cenderung memelihara kepentingan mereka. Sudah terjadi ada negara yang memburukkan minyak kelapa sawit dengan menyebarkan dakyah palsu di arena pasaran antarabangsa, semua ini boleh berlaku belaka.

Kita patut berani, Tuan Yang di-Pertua, jangan terkejut dengan cabaran dan jangan pula diperalat. Ini semua akan terbukti dalam sejarah sebagai sikap kita yang ikhlas dan berani demi untuk kepentingan negara. Dengan semangat kerjasama Persyarikatan Malaysia, ianya akan boleh dicapai. Kalau Proton Saga telah menjadi kenyataan seluruh pelusuk tanah air, bursar komoditi juga akan boleh menyingkap lembaran sejarah negara sebagai pusat dagangan komoditi yang ulung di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, perancangan yang teliti adalah diperlukan bagi menjadikan Bursar Komoditi Kuala Lumpur sebuah bursar yang maju.

Pada masa ini hanya minyak kelapa sawit mentah dan getah RSSI sahaja yang didagangkan. Pada pandangan saya komoditi lain juga patut didagangkan. Sebagai contoh isirong kelapa sawit, getah SMR 20, koko, lada hitam, papan lapis, timah dan hasil kayu-kayuan tropika dalam negara kita ini juga patut didagangkan. Di samping itu pasaran matawang dan

index stock juga patut diniagakan. Langkah ini bukan sahaja akan dapat meningkatkan urusan dagangan, tetapi juga dapat menarik minat para pedagang.

Masalah yang berlaku di pasaran logam London baru-baru ini patut diambil kesempatan untuk menubuhkan pasaran timah di Bursa Komoditi Kuala Lumpur. Negara kita mengeluarkan timah terbanyak sekali di dunia dan kalau dilihat dari sudut serantau, rantau ini mengeluarkan lebih 50% daripada timah di dunia, sewajarnya pasaran timah dunia terletak di rantau sebelah ini.

Bagi menggalakkan lagi penyertaan dan pasaran, saya ingin mengesyorkan supaya pihak bursar dan Kementerian yang berkenaan meningkatkan dan memperhebatkan lagi aktiviti penggalakan. Buat permulaan usaha-usaha patutlah ditumpukan kepada pedagang-pedagang dalam negeri. Ini boleh dijalankan dengan menganjurkan bengkel-bengkel dan seminar-seminar tertentu bagi menerangkan sistem baru yang diwujudkan itu dan juga memulihkan keyakinan mereka.

Bagi peringkat kedua pula misi perunding dan galakkan hendaklah diadakan di kalangan negara-negara rakan dalam ASEAN dan juga lain-lain negara di rantau ini seperti Hongkong, Australia. Bagi peringkat seterusnya misi-misi seumpama ini patut dijalankan di negara-negara pengguna yang utama, yang banyak menggunakan bahan mentah kita seperti di Amerika Syarikat dan juga Britain.

Tuan Yang di-Pertua, kemajuan bursar komoditi bergantung sepenuhnya ke atas sikap tanggungjawab pihak-pihak yang terlibat, di samping mempergiatkan usaha memajukan pasaran, pihak yang

terlibat juga hendaklah sentiasa waspada dan cekap dalam memelihara keutuhan pasaran.

Saya yakin memang sentiasa ada anasir-anasir yang cuba menggugat dan meruntuhkan pasaran. Anasir-anasir ini akan bertindak sama ada untuk kepentingan mereka sendiri sebab didorong oleh sifat tamak haloba ataupun diperalatkan oleh pihak tertentu untuk tujuan pihak ketiga. Dalam siasatan ekonomi dunia perkara ini bukanlah suatu yang mustahil, perkara ini lebih-lebih lagi sangat kritikal bagi pasaran komoditi disebabkan keadaan peredaran dagangan yang sungguh cepat.

Pengalaman pahit yang dialami oleh pasaran minyak sawit mentah pada tahun 1984 patutlah dijadikan tauladan. Masalah yang dihadapi di pasaran logam London baru-baru ini juga patut diambil iktibar. Banyak perkara boleh terjadi, pasaran lama wujud di Amerika Syarikat juga telah terlepas daripada ancaman ini dan banyak contoh-contoh tidak dapat saya terangkan di sini.

Ia boleh berlaku dan akan berlaku jika tiada waspada dan langkah yang teliti dan berkesan tidak diambil. Dalam usia yang masih muda, bursar komoditi Kuala Lumpur telah mengalami peristiwa pahit ini, masa itu pasaran telah mula berkembang maju, tetapi disebabkan sikap tidak bertanggungjawab segelintir manusia, pasaran tersebut telah musnah. Usaha memulihkan telah memakan masa lebih 18 bulan dan melibatkan kos yang banyak. Saya berpendapat pesalah-pesalah di dalam kes seumpama ini patut dihukum dengan berat, Tuan Yang di-Pertua.

Saya berasa sukacita dan ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang telah bersikap berani dan teguh menghadapi cabaran dengan melalui pahit maung bursar

komoditi telah berjaya dipulihkan dengan imej baru dan kekuatan yang bertambah. Pengalaman pahit tidak mengecewakan, malahan memberikan kekuatan dan keazaman yang lebih tinggi. Ini satu contoh sikap terpuji Kerajaan kita.

Saya ingin menyeru pihak industri dan pihak pedagang supaya mengambil contoh kepada pendirian ini serta berdiri teguh menyokong dan menjayakan usaha ini. Ini semua adalah untuk kesejahteraan bersama.

Saya juga menyokong segala usaha pemulihan dan penggalakan yang dijalankan oleh Kerajaan, di samping itu saya menyokong supaya anasir-anasir jahat yang mementingkan diri dan menjalankan usaha meruntuhkan pasaran diberikan hukuman seberat-beratnya iaitu \$100,000 dan penjara 5 tahun seperti yang diperuntukkan dalam Rang Undang-undang ini.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanjong Karang.

6.58 ptg.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail (Tanjong Karang) Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah dihuraikan dengan panjang lebar oleh Yang Berhormat Menteri dan juga oleh Yang Berhormat dari Batang Padang, kita mengetahui bahawa Rang Undang-undang Dagangan Komoditi 1985 adalah mengganti Akta Dagangan Komoditi 1980 yang mempunyai banyak kelemahan-kelemahan disebabkan tiadanya hak atau kuasa bagi Kerajaan untuk campurtangan bilamana timbul satu-satu masalah.

Dengan Rang Undang-undang Dagangan Komoditi 1985 di mana

dimuatkan pindaan-pindaan dan tambahan-tambahan, maka ciri penting yang dapat diwujudkan ialah kawalan dagangan komoditi berdasarkan kawalselia oleh diri sendiri oleh bursar itu sendiri. Sungguhpun bursar dan pihak pusat penyelarasan boleh mengadakan peraturannya sendiri dan mewujudkan peraturan-peraturan itu, tetapi ianya mestilah terlebih dahulu mendapat kelulusan Kerajaan. Syarat ini sangat penting kerana ianya menjaga kepentingan orang ramai.

Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang telah dapat mengemukakan Rang Undang-undang Dagangan Komoditi 1985 ini dan perbuatan ini menunjukkan kebijaksanaan Kerajaan dalam memperbaiki pasaran komoditi negara ini dengan mengeneipkan kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam sistem lama yang diganti dengan ciri-ciri yang baik dari contoh-contoh sistem-sistem yang telah maju di dunia ini dan dengan menyesuaikan pula dengan keperluan-keperluan dan keadaan di negara kita sendiri.

Saya menganggap Bursa Komoditi Kuala Lumpur ini amat penting kerana ianya dapat menjadikan Kuala Lumpur sebagai pusat pasaran komoditi yang aktif dan terkenal di dunia. Kita berbangga bahawa Malaysia adalah negara sedang membangun yang pertama yang telah dapat mewujudkan Bursa Komoditinya sendiri sehingga seluruh dunia merujuk kepadanya mengenai penetapan harga komoditi yang berkenaan. Kalau kita teliti kita dapati bahawa prestasinya sungguh menggalakkan tetapi sayangnya bila ada pihak-pihak yang memperalatkan badan ini untuk manipulasi, maka ianya menjadi rosak dan menghilangkan kepercayaan awam, maka seluruh dunia juga akan tidak percaya kepada negara kita.

Inilah yang hendak dikawal dan cuba dielakkan dengan pindaan dan tambahan dalam Akta ini. Kalau dahulu dalam Akta Dagangan Komoditi 1980 tidak ada kebolehan penyelarasan, Majlis Dagangan yang sekarang menjadi Suruhanjaya Dagangan Komoditi tidak ada kuasa hendak bertindak dengan segera dalam krisis dan tidak ada sistem jaminan kontrak yang tepat, juga sandaran tidak cukup dan terdapat pedagang-pedagang yang tidak berdisiplin seperti yang disebutkan oleh Menteri tadi.

Mudah-mudahan dengan Rang Undang-undang Dagangan Komoditi 1985 ini dapat mengatasi masalah-masalah ini semua. Dan sayugia dimaklumkan komoditi yang diperdagangkan masa ini yang aktif ialah minyak mentah kelapa sawit. Dan mengikut pendapat dan penyelidikan yang termoden hari ini adalah difahamkan bahawa minyak sawit adalah minyak sayur yang terbaik dari segi khasiat kesihatannya; tidak ada kolesterol dan mempunyai kandungan Vitamin A yang banyak.

Jadi sebaik-baiknya rakyat Malaysia yang dalam keadaan kebanyakannya tidak boleh makan itu, tidak boleh makan ini kerana kolesterol berpindah kepada minyak kelapa sawit untuk masakan-masakan sehari-harian.

Dan kebbaikannya ini memang terdapat dan pasti diketahui dan diberitahu dan difahamkan kepada orang ramai dan seluruh rakyat Malaysia.

Saya menyeru supaya badan-badan yang membuat penyelidikan, POREM misalnya, berusaha menyampaikan maklumat-maklumat ini kepada orang awam dan sebaik-baiknya POREM memilih target groupnya, dengan izin, iaitu persatuan-persatuan pengguna yang boleh digunakan untuk

menyebarkan maklumat ini. Begitu juga kepada suri-suri rumahtangga yang kebanyakannya kerana suaminya tidak boleh makan minyak kelapa kerana banyak kolesterol terpaksa membeli minyak jagung dan minyak jagung berganda-ganda lebih mahal daripada minyak kelapa sawit dan dengan itu saya berharap sangat supaya usaha ini dapat dilaksanakan oleh POREM.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai keyakinan iaitu Bursa Komoditi Kuala Lumpur atau KLCE berkemampuan meluaskan bidang tugasnya kepada komoditi-komoditi lain dalam negara kita ini. Dan dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Dagangan Komoditi 1985.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

7.04 mlm.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya nampaknya setengah-setengah peruntukan ada di dalam Rang Undang-undang ini adalah ke arah yang baik dan saya berharap ianya dapat dilaksanakan dalam erti kata yang sebenarnya. Sebenarnya, saya hanya mempunyai satu, dua point sahaja untuk membangkitkan, yang pertamanya belum jelas di dalam Rang Undang-undang ini mengenai sistem brokerage ataupun broker. Kalau kita memandang masalah yang terdapat dengan Bursa Saham Kuala Lumpur dan Bursa Saham Singapura ini salah satu punca ialah tamak haloba para broker yang sebelum ini dapat meminjam wang daripada bank-bank yang tertentu untuk membeli saham-saham bagi pihak pedagang-pedagang ataupun pelanggan-pelanggan terlebih dahulu.

Kemudian apabila harga saham itu turun, pihak pelanggan-pelanggan enggan menerima jualan ataupun kontrak ini, menyebabkan berjuta-juta ringgit saham tidak dapat diterima oleh pihak pelanggan. Ini adalah salah satu punca yang menyebabkan pasaran bursa yang terjejas dan menyebabkan kekurangan disiplin sehingga menimbulkan kucar-kacir. Sebab itulah saya bangkitkan perkara ini, saya meneliti semua peruntukan selain daripada kuasa-kuasa yang diberi kepada Suruhanjaya ini tidak disebutkan. Saya berharap corak perdagangan para broker ini dapat dijelaskan dan dapat disemak dari semasa ke semasa.

Mungkin dagangan secara hantaran serta-merta adalah satu langkah yang sesuai untuk dagangan komoditi, sebab baru-baru ini kita nampak semasa Bursa-bursa Kuala Lumpur dan Singapura memulih semula dagangan cara hantaran serta merta sahaja digunakan untuk mengurangkan spekulasi dan jualan kucar-kacir dan sebagainya.

Satu aspek lagi ialah kita seharusnya memastikan bahawa apa yang berlaku di pasaran logam di London tidak dapat diulangkan di negara ini kerana saya pun bersetuju dengan pihak Yang Berhormat Menteri yang menyatakan negara-negara maju, negara-negara perindustrian yang memainkan peranan yang besar di dalam krisis pasaran logam di London yang terbesar di dalam sejarah bijih timah di mana negara-negara maju yang mengambil kesempatan untuk menindas negara seperti Malaysia.

Setahu saya dan Yang Berhormat-Yang Berhormat yang ada di dalam Dewan yang mulia ini, dengan komoditi yang dikeluarkan oleh Malaysia, sama ada bijih timah sekarang oleh negara seperti negara China, negara Brazil bertambah pengeluarannya, mungkin pada satu

hari akan mengeluarkan lebih banyak bijih timah daripada Malaysia. Dan adakah kemungkinan mengadakan satu Komoditi Bijih Timah ditubuhkan di Kuala Lumpur yang dibenarkan oleh Rang Undang-undang ini. Satu perkara yang seharusnya ditimbang dengan baik-baik, dengan masak-masak oleh negara ini.

Yang kedua mengenai minyak kelapa sawit. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menekankan bahawa negara ini kadangkala melakukan sesuatu dengan terburu-buru tanpa memikir secara jangka panjang. Misalnya, dengan mengambil alihan kumpulan. . . .

Timbalan Yang di-Pertua: Macam keluar Dewan itu perbuatan yang terburu-buru atau tidak?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, ini perbincangan yang penting bagi satu Rang Undang-undang yang sangat penting untuk negara yang mengeluarkan komoditi-komoditi yang terbanyak di negara ini di dunia. Dan dengan minyak kelapa sawit ini seperti itu syarikat-syarikat yang terbesar diambil alih oleh negara ini dengan harga yang sangat mahal, menyebabkan pihak pelabur ini dengan wang yang banyak diperolehi daripada Malaysia.

Satu kehilangan tukaran asing dan wang yang banyak ini digunakan oleh pihak syarikat antarabangsa, transnational untuk melaburkan di negara-negara seperti di negara yang sesuai di Afrika, Papua New Guinea dan sebagainya, mungkin di Indonesia pun dengan mengeluarkan minyak kelapa sawit yang banyak, yang bertambah banyak yang akan mendahului Malaysia tidak lama lagi. Langkah yang seperti inilah yang tidak wajar. Dengan ini, dengan adanya Commodity Exchange atau Bursa Komoditi ini, saya berharap pihak

Kementerian dapat memerhatikan bagaimana negara seperti Indonesia yang menanam kelapa sawit dengan banyak dan lebih banyak daripada Malaysia pada masa akan datang akan memainkan peranan mengenai Bursa Commodity negara ini. Sebab, kalau mereka mengeluarkan dengan banyak mungkin akan mencari langkah-langkah untuk menjejaskan Bursa di Malaysia. Ini satu aspek lagi hendaklah diteliti oleh pihak Yang Berhormat Menteri.

Mengenai getah pun begitu juga. Malaysia ini walaupun mempunyai gred ataupun kualiti getah yang baik tetapi dengan dagangan sekarang ini hanya untuk RSSI sahaja dan mungkin tidak lama lagi akan bertambah SMR20 yang lebih baik. Walau bagaimanapun, dengan negara Thailand dan Indonesia bertambah banyak pengeluaran dan bertambah banyak jualan kepada pasaran tradisional Malaysia, adakah langkah-langkah yang positif yang diambil oleh pihak Kementerian untuk memperkukuhkan Bursa Commodity untuk getah di negara ini, satu soalan yang penting.

Satu lagi iaitu di dalam bahagian 3, kekuasaan dan fungsi-fungsi Suruhanjaya berkenaan dengan pendaftaran dan pampasan adalah kecil dan tidak jelas. Maka ini bererti bahawa Rang Undang-undang ini telah dirumuskan secara terburu-buru walaupun keperluan untuk satu Suruhanjaya adalah mendesak, tetapi ini tidak bermakna bahawa Kerajaan boleh meluluskan Rang Undang-undang ini tanpa kajian yang mendalam dan menyeluruh walaupun Yang Berhormat Menteri tadi mengatakan ini telah mengadakan perbincangan yang panjang lebar dengan pihak-pihak tertentu. Akibatnya kekuasaan-kekuasaan pegawai-pegawai tinggi Suruhanjaya amatlah meluas dan dapat membuka jalan kepada misalnya perbuatan

rasuah dan penyelewengan dan kecurangan yang besar.

Untuk mencegah penyelewengan dan perbuatan rasuah, Suruhanjaya harus bertanggungjawab ke atas setiap keputusan yang dibuat, Ahli-ahli Parlimen mestilah diberi hak untuk mempersoal, meneliti dan membahaskan laporan tahunan yang terperinci Suruhanjaya ini. Hanya dengan cara begini baharulah orang-orang ramai dapat jaminan bahawa segala penyelewengan yang mungkin terjadi akan dikesan dan tindakan tatatertib diambil dengan serta-merta. Ini hanyalah adil kerana mengikut Bahagian 5 Suruhanjaya berkuasa untuk mengaudit dan mengkaji prestasi Syarikat Bursa dan pusat penjelasan. Akaun serta prestasinya sendiri juga mesti diperiksa agar keberkesanan badan ini dapat diukur dan seterusnya dipertingkatkan. Suruhanjaya yang mempunyai kuasa yang begitu besar dan untuk ciri printing Rang Undang-undang ini ialah perluasan kuasa-kuasa Suruhanjaya dan juga tanggungjawab Suruhanjaya untuk menyelia aktiviti-aktiviti pusat penjelasan sebagai tambahan kepada aktiviti-aktiviti Syarikat Bursa dan peruntukan-peruntukan inilah yang penting bagi Rang Undang-undang ini sebab itulah saya mencadangkan bahawa Suruhanjaya ini bertanggungjawab kepada Parlimen supaya kita dapat mengawal sebarang penyelewengan yang mungkin akan berlaku.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam menjawab dan menggulung perbahasan.

7.17 mlm.

Dato' Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, saya Menteri Perusahaan Utama bukan Awam.

Timbalan Yang di-Pertua: Minta maaf, Menteri Perusahaan Utama. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Perusahaan utama. Marah Yang Berhormat Menteri silap sebut nama jawatan.

Dato' Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan terima kasih kepada minat yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah turut serta dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang ini. Saya suka mengucapkan terima kasihlah kerana Ahli-ahli Yang Berhormat telah memberi sokongan yang penuh terhadap Rang Undang-undang ini.

Sebenarnya, Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh fasal-fasal dan telah memberi sebab-sebab yang mana fasal-fasal ini adalah perlu untuk mendapat satu bursa yang teratur dan yang baik. Oleh sebab itu, saya tidak suka menyentuh sebab-sebab terhadap Fasal 33 atau 33 (5), Fasal 22 (b), Fasal 79 hingga Fasal 99 kepada Dewan ini. Apa yang saya suka menegaskan di sini iaitu objektif dan pasaran-pasaran terhadap commodity ini, saya fikir ini sangat penting kerana objektif Bursa Komoditi Kuala Lumpur ialah bagi menetapkan harga ataupun to have a discovery of future prices as realistically as possible, dengan izin, dan melindungi nilai komoditi ataupun to hedge against price fluctuation, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Dengan tertubuhnya Bursa ini adalah diharapkan proses menetapkan harga komoditi ini akan lebih cenderung kepada membela kepentingan negara sebagai pengeluar bahan-bahan utama. Proses menetapkan harga yang berdasarkan perniagaan yang terbuka ini ataupun "open price system" akan memastikan harga yang ditunjukkan sentiasa competitive. Pihak Kerajaan akan memastikan perjalanan pasaran

ini sentiasa terkawal dan tidak diganggu oleh pihak-pihak yang ingin menggugat keutuhannya.

Tuan Yang di-Pertua, harga komoditi pada dasarnya ditetapkan oleh keadaan dan penawaran dan permintaan ataupun "overall supply and demand" di pasaran dunia. Namun demikian, peranan dan sentimen penggerak pasaran adalah penting dalam menguasai proses menetapkan harga ini. Oleh sebab itu adalah perlu bagi Malaysia untuk mewujudkan Bursa di Kuala Lumpur memandangkan Malaysia adalah satu pengeluar bahan-bahan utama seperti timah, minyak kelapa sawit, kayu-kayuan dan getah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengawasi ataupun mengelakkan manipulasi, satu fasal yang baru telah didorongkan dalam perletakan dalam Rang Undang-undang ini iaitu Fasal 72 yang mana manipulasi ataupun borongan akan menjadi kesalahan. Dalam Fasal 72 ini, kalau sesiapa disabitkan, hendaklah dikenakan denda tidak melebihi \$100,000 dan penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun. Fasal ini sangat mustahak kerana manipulasi ini boleh dielakkan di Bursa Komoditi. Ini satu lesson yang telah diterima oleh Bursa Kuala Lumpur.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Minta penjelasan sedikit—kerana saya bimbang walaupun ini satu fasal yang perlu untuk mengelakkan manipulasi dan penyelewengan, saya hendak mengetahui apakah faedah untuk mengelakkan ahli-ahli sendiri sama ada daripada Suruhanjaya ataupun daripada Bursa yang melakukan manipulasi ini kerana "insider trading" dan sebagainya.

Dato' Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Bursa ada kuasa untuk menyelesaikan ataupun mengkaji kegiatan-kegiatan manipulasi. Di bawah peraturan-peraturan Rang Undang-undang ini, Suruhanjaya ada kuasa juga untuk mewujudkan satu jawatankuasa untuk mengkaji kegiatan-kegiatan yang tidak sihat ini. Orang-orang berpengalaman boleh dijemput untuk menjadi ahli Jawatankuasa. Oleh yang demikian, pihak industri telah memberi sokongan terhadap kuasa Suruhanjaya untuk mengelakkan kegiatan-kegiatan Futures Trading yang tidak sihat di Bursa ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kami telah mendapat satu krisis di Bursa ini pada awal Mac tahun yang lalu, kami telah mendapat peraturan-peraturan yang terbaik untuk mengelakkan krisis yang akan dilakukan di Bursa ini. Dengan mendapat syor-syor dan pandangan-pandangan yang tersangat baik daripada pakar-pakar ataupun pihak industri dan juga daripada pihak awam, saya fikir pada masa ini dan pada masa akan datang Malaysia boleh mendapat satu Bursa yang sangat teratur dan yang berdisiplin. Ini aspirasi rakyat Malaysia kerana harga yang akan ditetapkan oleh Bursa seperti minyak kelapa sawit boleh disalurkan kepada dunia supaya peniaga-peniaga ataupun pengimport-pengimport ataupun pengeksport-pengeksport minyak sayur-sayuran selalunya mendapat harga minyak kelapa sawit mentah yang ditetapkan oleh Bursa ini sebagai harga rujukan kepada minyak sayur-sayuran di pasaran dunia.

Selain daripada ini, Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa pada masa ini dua bahan-bahan utama telah dinyatakan di Bursa ini iaitu getah RSSI dan minyak kelapa sawit mentah. Pada awal tahun hadapan

saya harap bahan-bahan utama yang lain boleh dinyatakan di Bursa ini. Contohnya SMR20 dan isirong kelapa sawit dan selepas itu saya fikir adalah peluang yang baik untuk melihat bahawa minyak isirong kelapa sawit ataupun FOP processed palm oil, dengan izin, timah, koko dan plywood akan dinyatakan di Bursa Komoditi Kuala Lumpur.

Di sini saya suka memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa minyak kelapa sawit Malaysia boleh bersaing dengan minyak sayur-sayuran di pasaran dunia kerana hasil daripada pokok-pokok kelapa sawit di Malaysia adalah tinggi kalau berbanding dengan hasil daripada sayur-sayuran yang lain yang dikeluarkan oleh negara-negara yang lain. Kita ada peluang yang sangat baik untuk bersaing dengan minyak kelapa sawit.

Kalau Ahli Yang Berhormat suka tahu persaingan minyak kelapa sawit Malaysia dengan minyak kelapa sawit dari Indonesia, saya suka berkata bahawa kita boleh bersaing dengan Indonesia kerana hasil daripada pokok-pokok kelapa sawit di Malaysia adalah tinggi dan telah disokong oleh penyelidikan dan pembangunan daripada PORIM.

Selain daripada ini kita telah menggalakkan pemasaran minyak kelapa sawit di dunia. Contohnya, India, Pakistan, Bangladesh, Korea, Jepun

Dr Tan Seng Giaw: Minta jalan.

Timbalan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat

Dr Tan Seng Giaw: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua: Minta penjelasan.

Dr Tan Seng Giaw: Yang Berhormat, bukankah pasaran tradisi Malaysia untuk minyak kelapa sawit

ini semakin hari semakin diambil alih oleh negara seperti negara Indonesia. Walaupun hasil yang baik di Malaysia tidak boleh dinafikan akan tetapi kerana modal dan harga di Indonesia itu lebih murah, ia dapat menembusi pasaran tradisional Malaysia.

Satu contoh lagi getah daripada negara Thailand walaupun hasil atau grade itu tidak begitu baik dibanding dengan Malaysia tetapi mereka dapat menembusi pasaran. Pihak pembeli itu dapat menggunakan proses yang baru atau yang berlainan untuk memproses hasil yang tidak bermutu ini.

Dato' Paul Leong Khee Siong: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah melancarkan program-program untuk mendapatkan "downstream activities" bagi bahan-bahan utama. Sebenarnya lebih kurang 98% daripada semua minyak kelapa sawit mentah telah diproses di Malaysia. Selain daripada ini kita juga mendapat kilang-kilang "oleo chemical" iaitu "downstream activities" bagi palm kernel oil yang mana detergent boleh dikeluarkan daripada kegiatan-kegiatan ini. Aktiviti-aktiviti ini saya fikir boleh mempertahankan kedudukan minyak kelapa sawit Malaysia dibandingkan dengan minyak kelapa sawit mentah dari Indonesia. Tetapi saya ingin menegaskan di sini Malaysia mesti terus memperbaiki proses-proses downstream activities ini untuk mendapatkan nilai tambahan terhadap bahan-bahan utama di negara kita. Adalah tanggungjawab Kementerian saya untuk memberi dunia tahu "medical value" bagi minyak kelapa sawit kerana ada "adverse propaganda" terhadap minyak kelapa sawit daripada pihak-pihak yang tertentu. Minyak kelapa sawit ada vitamin "A", vitamin "E" dan ada "anti-thrombotic effect", dengan izin. Ini medicinal value daripada minyak kelapa sawit.

Saya fikir kalau Malaysia terus mempergiatkan kegiatan-kegiatan

seperti R & D (penyelidikan dan pembangunan) pasaran yang sangat baik dan downstream activities, saya fikir kita boleh mempertahankan kedudukan minyak kelapa sawit di Malaysia. Sebenarnya harga minyak kelapa sawit telah dinaikkan daripada \$640 setan daripada bulan yang lalu kepada \$740 atau \$750 setan pada masa ini. Pada tahun depan saya fikir harga minyak kelapa sawit akan dinaikkan lagi.

Inilah jawapan saya, Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tidak menjawab perkara-perkara yang telah disebutkan atau yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya akan mengambil perhatian dan tindakan ke atas perkara-perkara wajar yang telah disentuh ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang-kan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*).

Fasal 1 hingga 141 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
DADAH BERBAHAYA
(LANGKAH-LANGKAH
PENCEGAHAN KHAS)
(PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.40 mlm.

Menteri Pelajaran (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu Akta bagi meminda Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985, dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Seperti yang termaklum negara kita Malaysia kini sedang menghadapi satu fenomena. Fenomena yang berbentuk universal ini nampaknya masih berterusan, masih mengancam dan masih mencabar keseluruhan struktur masyarakat kita. Fenomena yang dimaksudkan itu tidak lain adalah masalah dadah.

Masalah dadah yang sedang melanda negara kita ini berpotensi menimbulkan berbagai-bagai implikasi terhadap "survival" kita pada keseluruhannya. Implikasi-implikasi itu termasuklah dari segi sosio-ekonomi, kebudayaan, budaya hidup, mahu pun dari segi ketahanan nasional dan keselamatan negara yang kita cintai ini. Malah, masalah dadah di negara ini akan sampai ke tahap yang boleh dipanggil wabak atau "epidemic" sekiranya tidak dibanteras habis-habisan dari sekarang. Itulah sebabnya maka Kerajaan, dengan kerjasama badan-badan sukarela dan khususnya rakyat jelata, telah mengambil usaha-usaha yang serius bagi menentang gejala dadah. Begitu serius soal penyalahgunaan dadah ini sehinggakan ia telah kita isytiharkan

sebagai musuh utama negara ini, selain daripada pengganas komunis. Pengisytiharan itu mencerminkan pengakuan kita bahawa penyalahgunaan dadah bukan hanya merupakan satu masalah nasional sahaja.

Bagi kita di Malaysia ini, perjuangan menentang penyalahgunaan dadah adalah satu perjuangan antara hidup dan mati. Perjuangan yang menentukan survival kita sebagai satu bangsa Malaysia. Perjuangan ini sudah menjadi urusan negara yang melibatkan bukan sahaja pucuk pimpinan negara yang tertinggi sekali, tetapi juga semua lapisan rakyat jelata. Sesungguhnya perjuangan ini haruslah dijadikan tugas dan tanggungjawab setiap lapisan masyarakat di negara ini tanpa mengira pegangan politik, asal keturunan atau kepercayaan agama. Malah perjuangan menentang dadah ini adalah satu pertahanan diri bagi kita semua di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, perangkaan menunjukkan bahawa seramai 108,027 orang penagih dadah telah dikenalpasti di seluruh negara setakat ini. Dari bilangan itu, 34.4% adalah belia-belia dalam lingkungan umur antara 20 hingga 24 tahun, 28.9% antara 25 hingga 29 tahun, manakala 9.2% di bawah umur 19 tahun. Dari angka-angka tersebut jelaskan bahawa sebahagian besar daripada penagih-penagih dadah di negara ini terdiri daripada generasi muda kita yang menjadi tulang belakang dan nadi penggerak bagi pembangunan negara.

Kita sedia maklum bahawa Malaysia bukan sebuah negara pengeluar atau pembekal dadah. Negara kita cuma merupakan sebuah negara "transit" bagi pembekalan dadah. Namun begitu, negara kita seolah-olah menjadi syurga bagi pengedar dan penagih dadah, sama ada kepada rakyat negara ini mahu pun dari kaca

mata orang-orang asing. Keadaan ini berlaku walaupun kita telah dan sedang menguatkuasakan berbagai-bagai undang-undang, di samping mengambil pelbagai tindakan bagi membasmi dadah. Malah undang-undang mengenai dadah di negara ini adalah di antara yang paling tegas dan keras di dunia. Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya, misalnya, mengenakan hukuman mati mandatori ke atas pengedar-pengedar dadah yang disabitkan kesalahannya.

Bilangan pengedar-pengedar yang diambil tindakan mahkamah di bawah Seksyen tersebut semakin bertambah dari setahun ke setahun. Untuk tahun 1985, seramai 466 orang telah ditangkap dan dihadapkan ke mahkamah di bawah Seksyen tersebut setakat bulan November sahaja. Pada keseluruhannya, mereka yang ditangkap di bawah Seksyen ini adalah terdiri daripada orang-orang upahan, sedangkan ketua-ketua sindiket, pembiaya dan pengurus dadah yang merupakan "pengedar maut" terlepas dari tindakan mahkamah. Ini disebabkan oleh taktik-taktik perniagaan mereka yang sungguh sofistikated dan halus hinggan sukar untuk membuktikan penglibatan mereka dalam kegiatan dadah. Oleh itu, satu-satunya tindakan yang dapat diambil terhadap mereka ini ialah dengan menguatkuasakan undang-undang pencegahan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha membasmi penyalahgunaan dadah, Kerajaan telah mengambil berbagai-bagai strategi dan pendekatan yang berbentuk jangka pendek dan jangka panjang. Antaranya ialah Kempen Anti-Dadah Kebangsaan yang dilancarkan di seluruh negara, penguatkuasaan undang-undang dan program-program pencegahan dan rawatan. Bagaimanapun, berasaskan pengalaman adalah didapati bahawa langkah-langkah tersebut sahaja tidak mencukupi bagi membasmi

sepenuhnya penyalahgunaan dadah. Apa yang lebih penting ialah mengatasi masalah dadah itu di peringkat puncanya atau "at source", dan puncanya ialah bekalan dadah itu sendiri. Jika ini dapat dilakukan, saya yakin bahawa masalah dadah ini akan dapat diatasi, atau sekurang-kurangnya dapat dikurangkan. Maka itulah sebabnya Kerajaan memberi keutamaan terhadap usaha-usaha menghapuskan kumpulan atau sindiket yang membekal dan mengedar dadah. Usaha-usaha ini termasuklah memutuskan bekalan dadah kepada pelanggan-pelanggan mereka. Dengan putusnya bekalan dadah, maka akan berkuranglah dan akhirnya terhapuslah peniagaan dadah di negara ini.

Untuk tujuan yang saya sebutkan tadi, Kerajaan telah pun menguatkuasakan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 yang khusus ditujukan kepada pengedar-pengedar dadah. Akta tersebut yang berkuatkuasa sejak 15hb Jun, 1985 membolehkan pihak berkuasa Kerajaan menahan lebih lama seseorang pengedar dadah. Sebelum ini, seorang pengedar itu boleh ditahan tidak lebih daripada dua tahun sahaja di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969. Walau bagaimanapun, pihak-pihak berwajib yang melaksanakan kuasa-kuasa di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 telah menghadapi beberapa masalah. Beberapa peruntukan di dalam Akta ini didapati tidak menepati kehendak-kehendak pelaksanaannya hingga membolehkan pengedar-pengedar dadah melepaskan diri akibat dari kelemahan-kelemahan di dalam Akta itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya sesuatu undang-undang itu digubal dan dikuatkuasakan bagi

menepati tujuan dan objektif tertentu. Undang-undang itu seharusnya praktikal dan dapat memenuhi seberapa mungkin matlamat ianya diadakan. Di pihak Kerajaan, kita sentiasa mengkaji, meneliti dan mengawasi bahawa setiap undang-undang itu dapat dikuatkuasakan dengan berkesan. Sekiranya terdapat apa-apa kecacatan, kelemahan atau kekurangan pada sesuatu undang-undang itu, maka adalah menjadi tugas dan tanggungjawab kita untuk membetulkan dan memperkemaskannya. Ini adalah kerana undang-undang itu adalah satu institusi yang sentiasa berkembang dan perkembangannya mestilah disesuaikan dengan keperluan dan kehendak semasa. Undang-undang tidak statik dan tidak wujud dalam satu kekosongan. Ia diwujudkan untuk berkhidmat dan memenuhi keperluan-keperluan masyarakat yang luas dan berbeza. Maka itulah sebabnya saya mohon mencadangkan beberapa pindaan kepada Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 ini atas sebab-sebab yang saya sebutkan sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, ada tiga tujuan utama mengapa cadangan pindaan ini dikemukakan. Pertama, untuk menentukan objektif menahan lebih lama pengedar-pengedar dadah itu tercapai. Kedua, untuk menjelaskan beberapa peruntukan yang kurang jelas supaya pihak-pihak yang bertanggungjawab ataupun pihak penguatkuasa dapat menjalankan tugas mereka tanpa sebarang keraguan. Tujuan yang ketiga ialah untuk mengemaskinikan beberapa peruntukan.

Secara ringkas, pindaan penting yang dicadangkan ialah:

Fasal 5 (1) (b) Rang Undang-undang yang menggantikan Seksyen 6 (5) Akta dengan Sub-Seksyen 5 yang

baru bertujuan untuk membolehkan suatu Perintah Tahanan atau suatu Perintah Sekatan dibuat terhadap seseorang yang telah ditahan sebelumnya di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969, sama ada atas alasan-alasan yang sama atau serupa kesemuanya atau sebahagian daripadanya. Dengan pindaan ini, objektif-objektif untuk menahan lebih lama pengedar-pengedar dadah yang dahulunya dibuat di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969, jika didapati perlu akan tercapai;

Fasal 5 (2) Rang Undang-undang bertujuan memperuntukkan bahawa apa-apa arahan yang dibuat oleh Menteri sebelum ini ke atas perlanjutan tahanan atau sekatan yang dibuat di bawah Ordinan hendaklah disifatkan sebagai satu Perintah yang sah. Orang yang dikenakan Perintah tersebut mempunyai hak untuk membuat representasi kepada Lembaga Penasihat;

Fasal 9 Rang Undang-undang memperkenalkan Seksyen 11A dan 11B. Seksyen 11A ialah untuk membolehkan suatu Perintah Tahanan atau Perintah Sekatan dilanjutkan oleh Menteri bagi tempoh-tempoh yang tidak melebihi dua tahun pada satu-satu masa. Jika perintah perlanjutan ini dibuat atas alasan yang berlainan atau sebahagian berlainan, orang yang berkenaan itu boleh membuat representasi kepada Lembaga Penasihat;

Seksyen 11B pula bertujuan untuk memberi kuasa kepada Menteri membatalkan mana-mana Perintah Tahanan atau mana-mana Perintah Sekatan jika difikirkan perlu dan adil dibuat demikian;

Fasal 14 Rang Undang-undang tersebut bertujuan untuk memasukkan Seksyen-seksyen baru

23, 24 dan 25. Seksyen baru 23 bertujuan membuat peruntukan supaya kaedah-kaedah, peraturan-peraturan dan arahan-arahan yang dibuat atau yang diberikan di bawah Ordinan terus berkuatkuasa sehingga diganti di bawah Akta ini;

Seksyen 24 pula memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong membuat perintah-perintah bagi menghapuskan apa-apa kesulitan atau anomali dalam mana-mana undang-undang bertulis disebabkan oleh berapa peruntukan dalam Akta;

Manakala Seksyen baru 25 bertujuan untuk mengelakkan keraguan bahawa peruntukan-peruntukan Akta tidak mengurangkan peruntukan-peruntukan Ordinan yang disebut terdahulu dalam pema-kaiannya mengenai mana-mana orang yang ada kaitan dengan apa-apa aktiviti yang berhubung dengan pendedaran dadah;

Fasal 15 Rang Undang-undang bertujuan untuk membuat peruntukan mengenai pengesahan perbuatan-perbuatan dan benda-benda yang dilakukan di bawah Akta sebelum pindaan ini.

Fasal 16 Rang Undang-undang pula bertujuan untuk membuat peruntukan mengenai tanggung rugi yang perlu berhubung dengan prosiding undang-undang yang berkenaan dengan perbuatan-perbuatan atau benda-benda itu;

Pindaan-pindaan lain adalah merupakan pindaan-pindaan kecil yang menjadi ekor kepada pindaan penting seperti yang saya sebutkan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan berpendapat bahawa pindaan-pindaan yang dicadangkan ini adalah wajar dan perlu. Bagi pihak Kerajaan, saya ingin memberi jaminan bahawa pindaan-pindaan ini bukanlah bertujuan untuk

memberi kuasa kepada pihak-pihak berkuasa Kerajaan semata-mata didorong oleh keinginan untuk berkuasa. Sebaliknya, matlamat utama pindaan-pindaan ini adalah untuk memberi kuasa secukupnya kepada pihak-pihak berwajib dalam melaksanakan tugas membasmi penyalahgunaan dadah yang mengancam keselamatan negara dan ketahanan nasional kita.

Saya ingin menegaskan sekali lagi hasrat dan tekad Kerajaan; iaitu kita tidak akan berkompromi dengan sesiapa sahaja yang dianggap sebagai musuh kita. Apatah lagi jika musuh kita itu berpotensi mengganggu-gugat keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran yang kita nikmati selama ini. Kita akan berbuat apa sahaja untuk menjamin dan memastikan bahawa Akta ini kelak mencapai matlamat asalnya. Marilah kita semua membaharui azam dan tekad kita untuk memerangi gejala dadah. Marilah kita berusaha bersama-sama mewujudkan sebuah masyarakat Malaysia yang bebas dari cengkaman dadah. Sesungguhnya matlamat ini memerlukan penyatuan tenaga dan usaha dari semua lapisan rakyat di negara ini, tanpa mengira kedudukan sosial atau politik mereka. Moga-moga kedaulatan, kewibawaan dan lebih-lebih lagi keselamatan negara kita akan terus terpelihara.

Saya yakin dan percaya bahawa pindaan-pindaan ini akan memperkukuhkan dan menguatkan lagi keberkesanan jentera penguatkuasa undang-undang di negara kita ini. Saya juga yakin bahawa adanya pindaan-pindaan ini, maka pihak-pihak berkuasa kita akan dapat membanteras dan seterusnya menghapuskan masalah dadah dari bumi Malaysia ini. Insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang dan dibuka untuk dibahas.

Yang Berhormat dari Bukit Bendera.

7.57 mlm.

Tuan Gooi Hock Seng (Bukit Bendera): Tuan Yang di-Pertua, Akta Dadah Merbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 yang kami kini diminta membahaskan telah dibahaskan di Dewan ini kurang 9 bulan dahulu dan dikuatkuasakan tidak kurang dari 6 bulan dahulu memang telah mencapai keistimewaan yang jarang sekali, di mana Akta tersebut mempunyai nyawa yang terpendek sekali di dalam sejarah Dewan dan negara ini.

Selain daripada mencapai keistimewaan yang jarang sekali ini, dengan menjadikan Akta tersebut mempunyai nyawa yang terpendek sekali, ia juga merupakan satu daripada Akta-akta yang jarang sekali digubal oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat dalam sejarah pembuatan undang-undang setelah memperolehi pandangan rakyat dari seluruh negara.

Adalah mengejutkan bahawa satu Akta yang diluluskan hanya baru-baru ini telah begitu cepat mengalami kesulitan sehingga ia perlu dipinda oleh tidak kurang dari 50 pindaan yang dicadangkan. Kerajaan tidak

sepatutnya, dengan izin, blind brute majority, meluluskan dan meminda undang-undang ini secara sewenang-wenang, tetapi hendaklah bersifat lebih bertanggungjawab terhadap proses membuat undang-undang terutamanya Akta ini.

Akta ini yang diluluskan dalam bulan Mac 1985 adalah berdasarkan atas fahaman bahawa ianya akan kekal bagi tempoh 5 tahun sahaja, kecuali dilanjutkan oleh kedua-dua Dewan Parlimen melalui satu resolusi.

Mungkinnya Dewan ini ialah bahawa Akta tersebut bukan sahaja harus kekal sebagai nama sahaja selama 5 tahun, tetapi juga dalam bentuk dan substance. Jangka masa 5 tahun tidaklah bermakna jika tidak ianya adalah satu kelucuan.

Cadangan Kerajaan sekarang untuk meminda Akta ini hanya boleh diterangkan dengan tepat sebagai memusnahkan kepercayaan rakyat yang dipertanggungjawabkan kepada Jawatankuasa Pilihan Khas.

Rakyat tidak boleh dipersalahkan sekiranya mereka merasa penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas itu adalah satu lakonan semata-mata untuk publisiti yang murah yang dijalankan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Jika Kerajaan Barisan Nasional tidak berniat menunaikan cadangan-cadangan Jawatankuasa Pilihan Khas dan pandangan-pandangan rakyat, maka Kerajaan tidak sepatutnya menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas oleh kerana ianya merupakan pembaziran wang awam dan masa orang ramai.

Adalah menjadi pandangan DAP bahawa tidak adalah sebarang kesulitan dalam Akta tersebut tetapi ianya adalah satu kekecewaan yang dilakukan oleh Kerajaan memandangkan selepas implimentasinya. Akta tersebut telah

mendedahkan dengan meluaskan pengabaian dan penghinaan hak-hak asasi rakyat serta merupakan penyalahgunaan kuasa-kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta ini seperti disahkan kini oleh keperluan untuk mencadangkan Fasal 15 Rang Undang-undang ini.

Kami di dalam DAP telah sejak awal-awal lagi membantah kelulusan Akta ini dan DAP membantah sepenuhnya sebarang undang-undang yang memperuntukkan tahanan tanpa perbicaraan yang bukan sahaja menjadi satu penghinaan kepada hak-hak asasi yang dijamin oleh Perlembagaan tetapi juga membuka peluang untuk menyalahgunaan oleh pihak berkuasa. Kami di dalam DAP setelah dibuktikan benar oleh keperluan kami untuk memperkenalkan Fasal 15 Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan oleh Rang Undang-undang ini jauh daripada memperbaiki prinsip Akta ini. Sebenarnya ia:

- (i) Mengesahkan segala tindakan salah dan haram Kerajaan dan Ahli-ahli Lembaga Penasihat yang dijalankan sewaktu tempoh transitional itu.
- (ii) Mencegah mereka yang telah menderita akibat tindakan-tindakan salah dan haram daripada mengambil sebarang tindakan undang-undang terhadap mereka yang terlibat.
- (iii) Untuk memberi kuasa yang lebih dan luas kepada Kerajaan tetapi juga peluang yang luas bagi Kerajaan untuk menyalahgunakan Akta tersebut.
- (iv) Menafikan mereka yang telah mengambil tindakan undang-undang terhadap Kerajaan

peluang untuk menjalankan hak-hak Perlembagaan mereka.

Ini kami di dalam DAP bukan sahaja tidak dapat menerima tetapi juga tidak dapat menyokong. Kami sebaliknya hendak mendaftar bantahan keras kami tanpa sebarang syarat kepada undang-undang yang amat buruk ini.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*).

Fasal 15 Rang Undang-undang tersebut adalah symptomatic dengan sebuah Kerajaan yang tidak menghormati hak-hak asasi seorang warganegara ataupun mempertahankan "Rule of Law", dengan izin. Pengesahan perbuatan dalam Fasal 15 membayangkan dengan jelasnya bahawa bukan sahaja Akta tersebut telah gagal tetapi Kerajaan juga gagal menunaikan kehendak-kehendak dan prinsip yang terkandung di dalam Akta tersebut.

Fasal 15 merupakan pengakuan Kerajaan bahawa ia telah mengambil tindakan-tindakan yang bertentangan dengan peruntukan Akta tersebut waktu jangka masa transitional itu dan bahawa tindakan-tindakan yang diambil tidak mematuhi peruntukan Akta tersebut. Tindakan salah ini adalah penyalahgunaan Akta tersebut.

Adalah menyedih dan mengejutkan bahawa Kerajaan telah menganggapnya sesuai dan elok untuk datang ke Dewan ini dengan Rang Undang-undang ini untuk meminta Dewan ini untuk menjadikan sah segala penyalahgunaan dan juga untuk membersihkan Kerajaan daripada tindakan-tindakan salah. Sesebuah Kerajaan yang mempunyai maruah yang percayai dalam keadilan tidak akan membuat permintaan sedemikian. Ini adalah juga tidak

sebuah Dewan yang mempunyai maruah, harus akan melayan permintaan sedemikian. Seperti yang dikatakan tadi, Kerajaan dengan mencadangkan Rang Undang-undang ini sebenarnya meminta Dewan ini memberi Kerajaan kuasa-kuasa yang lebih dan luas seperti diperuntukkan di bawah Akta Ibu dan juga peluang yang lebih besar untuk menyalahguna.

Saya merujuk khasnya kepada Seksyen 6 (5) dan Seksyen 24 baru yang dicadangkan. Di bawah Seksyen 6 (5) Menteri akan diberi kuasa untuk membuat perintah tahanan di bawah Seksyen 6 (1) bagi satu tempoh tidak melebihi dua tahun terhadap seorang yang kini ditahan di bawah undang-undang Ordinan Darurat, suatu kuasa yang Menteri tidak mempunyai di bawah Akta Ibu. Ini sebenarnya akan memberi Menteri berkenaan kuasa tahanan baru terhadap tahanan-tahanan yang kini ditahan di bawah E.O. walaupun tempoh tahanan mereka di bawah E.O. belum tamat. Ini juga bermakna ia akan memberi Menteri kuasa tidak terhad untuk melanjutkan secara tidak rasmi seorang tahanan di bawah E.O. selama dua tahun tanpa merujuk kepada Lembaga Penasihat seperti yang dikehendaki oleh Seksyen 11 (3) Akta Ibu itu.

Peruntukan Seksyen 6 (5) baru ini adalah jelas bertentangan dengan kandungan dan semangat Akta tersebut dan juga jaminan-jaminan yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen bahawa sebarang tahanan hanya dapat dikuatkuasakan dengan perakuan Lembaga Penasihat dan bukan sebaliknya. Dengan perkataan lain, di bawah peruntukan baru yang dicadangkan ini yang ditahan di bawah E.O. boleh menjalankan dua tahanan tambahan iaitu satu tambahan yang tidak rasmi mengikut Seksyen baru 6 (5) dan yang kedua, selepas itu di bawah Seksyen 11 (a) (i). Ini saya

harus mengatakan adalah tidak adil dan bertentangan dengan semangat Akta Ibu seperti dicadangkan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen.

Seksyen baru 24 Rang Undang-undang ini adalah lebih dahsyat lagi. Seksyen 24 akan memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong melalui Perintah untuk menukar atau meminda sebarang undang-undang bertulis. Contohnya DDA 52, DDA 85 dan E.O. bagi tujuan menghapuskan sebarang kerumitan atau anomali di dalam undang-undang tersebut. Adalah diakui bahawa kuasa luas yang diberikan kepada Yang di-Pertuan Agong adalah merupakan kuasa formal yang dilakukan atas nasihat Menteri berkenaan. Oleh yang demikian, di bawah seksyen ini, selagi Akta ini wujud, Menteri akan memperolehi kuasa baru bagi mengubah dan meminda sebarang undang-undang bertulis tanpa merujuk kepada Parlimen tetapi atas kehendak-kehendak sewenang-wenangnya Menteri. Pada bila-bila masa Menteri mempunyai kuasa untuk mengelakkan atau mengecualikan pihak berkuasa dari sebarang keperluan atau peruntukan Akta Ibu. Kesemuanya ini akan memberikan Menteri menyembunyikan atau menjadikan sah sebarang penyalahgunaan di bawah Akta tersebut.

Menteri tersebut di bawah seksyen 24, saya harus menyatakan akan menjadi seorang, dengan izin, "demi god" dengan mempunyai kuasa-kuasa executive, undang-undang dan kehakiman yang tidak boleh dipersoalkan. Dengan kuasa-kuasa tersebut diberikan kepada Menteri Dewan ini lebih baik membatalkan Akta Dadah Berbahaya, 1985 kerana ianya akan gagal mencapai sebarang tujuan atau memperuntukkan sebarang jaminan terhadap pelanggaran hak-hak asasi.

Sebagai penutup, saya ingin mengakhiri ucapan saya dengan menarik perhatian Dewan ini kepada perenggan 4, Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas yang dikemukakan di Dewan ini dalam Mac, 1985. Perenggan yang saya maksudkan, adalah seperti berikut:

“Jawatankuasa berpendapat bahawa pindaan-pindaan yang dimasukkan ke dalam Rang Undang-undang itu akan menjadi perlindungan yang mencukupi sebagai penghalang terhadap penyalahgunaan kuasa oleh pihak-pihak yang berkuasa. Oleh kerana pindaan-pindaan ini mencerminkan kehendak orang ramai, Jawatankuasa ini berasa bahawa ia telah dapat mencapai perseimbangan yang sederhana di antara keperluan memerangi ancaman dadah di atas kepentingan keselamatan negara dan peri mustahaknya kebebasan asasi untuk individu dan kedaulatan undang-undang.”

Tidak perlu diragui dan tidak perlu dibahaskan untuk menyatakan bahawa sekatan objektif-objektif yang mulia ini, Kerajaan Barisan Nasional telah gagal dan gagal dengan seteru-teruknya. Sekian, terima kasih.

8.13 *mlm.*

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera telah bercakap mengenai beberapa perkara yang menjadi isi (substance) pindaan di hadapan meja kita.

Sebelum saya membuat beberapa teguran, saya dapat satu tanggapan nampaknya dalam membahar satu Rang Undang-undang yang begitu mustahak, sungguh pun pihak Barisan Nasional ada mempunyai majoriti yang begitu besar, 4/5 atau lebih

daripada 2/3, nampaknya tidak ada apa-apa minat dalam perkara ini. Nampaknya semua dalam satu suasana, hari ini hari terakhir. Apabila mereka pulang, mungkin tak balik lagi dan tidak ada lagi fikiran yang boleh menumpukan kepada urusan-urusan di hadapan Dewan yang mulia ini.

Saya tak tahulah sama ada ini akan menjadi persidangan terakhir, lepas itu pilihanraya besar diadakan, tetapi dalam apa-apa keadaan, patutlah kita menumpukan fikiran kita kepada urusan-urusan yang mustahak, demi kepentingan negara dan orang ramai.

Tuan Alias bin Md. Ahli: Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, macam mana dia boleh tahu hati perut Ahli-ahli yang lain di Dewan ini. Macam mana dia boleh tahu kita tak ada minat. Macam mana dia boleh tahu yang kita tidak akan berbincang dan mengambil minat tentang Bil ini?

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana saya ada jumpa beberapa Ahli Yang Berhormat tadi yang menyatakan di luar Dewan, yang mengatakan tidak tahulah akan balik atau tidak balik ke Dewan yang mulia ini dan kalau Yang Berhormat mahu tahu siapa, saya boleh namakan mereka.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato K. Pathmanaban): Adakah Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dapat perhatikan bahawa lebih daripada setengah ahli partinya sendiri sudah balik tetapi kita masih ada 35 orang.

Tuan Lim Kit Siang: Saya pun sangat terperanjat, saya tak balik, oleh kerana kita ada sebab tak mahu balik di sini, oleh kerana apa yang berlaku hari ini, tyranny of the majority, dengan izin, tetapi masih ada yang tinggal.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Tenggaroh.

Tuan Khadri bin Sabran: Minta penjelasan. Adakah apa yang Yang Berhormat dari Kota Melaka menyedari bahawa baru dalam masa 10 minit sahaja wakil-wakil dari DAP berada dalam Dewan ini, sebelumnya itu mereka tidak ada dalam Dewan ini? Hanya seorang sahaja yang ada. Adakah wakil dari Kota Melaka bersetuju bahawa mereka juga tidak berminat di dalam perbahasan? Berlainan dengan Ahli-ahli dari Barisan Nasional yang sanggup menunggu sampai hari ini.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi saya sudah jelaskan bahawa kita sangat kesabaran sungguh pun ada berlaku pada hari ini, kita boleh tinggal untuk ambil bahagian dalam perbahasan-perbahasan oleh kerana kita mengatasi kemarahan kita, tinggal untuk teruskan perbahasan oleh kerana apa yang kita alami, dengan izin, tyranny of the majority.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera ada sebutkan mengenai Rang Undang-undang Dadah Berbahaya, Akta Ibu ialah hasil daripada satu penubuhan, perakuan-perakuan, perbicaraan-perbicaraan Jawatankuasa Pilihan Khas (Select Committee) dan memanglah sangat tidak adil kalau pihak Kerajaan mahu kemukakan pindaan-pindaan kepada satu Rang Undang-undang yang menjadi hasil daripada kerja-kerja Jawatankuasa Pilihan Khas tadi, bahawa perkara ini tidak dirujuk semula kepada Jawatankuasa Pilihan Khas, khususnya apabila hal ini berlaku dalam sesi yang sama, bukan sesi yang lain atau Parlimen yang lain di mana Jawatankuasa Pilihan Khas atau Ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan itu tidak ada lagi oleh kerana ini adalah bercanggah dengan tujuan Jawatankuasa Pilihan di mana dengan teliti, dengan mendalam, dengan seluas-luasnya Jawatankuasa Pilihan adalah berhubung dan berbincang dengan

beberapa lapisan masyarakat di mana Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri ada menjadi Pengerusinya.

Nampaknya ini satu pukulan hebat dan mungkin sebab itu beliau tidak ada di sini untuk mengemukakan Rang Undang-undang (Pindaan) sungguhpun beliau adalah Timbalan Menteri yang telah mengemukakan Rang Undang-undang Ibunya. Beliau tahulah, mungkin sebab itu beliau rasa malu.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, pada masa Jawatankuasa Pilihan menjalankan tugas-tugasnya tak lain daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri yang mencadangkan bahawa cara Jawatankuasa Pilihan patut menjadi satu amalan yang lazim, apabila ada Rang Undang-undang atau ada cadangan-cadangan yang khas bersabit dengan hak-hak asasi dalam negara kita. Kenapa begitu cepat lupa cadangan ini. Adakah semasa itu hanya untuk buat cadangan itu untuk dapat pujian dari semua pihak dan lapisan masyarakat, "Itu cadangan yang baik! Timbalan Menteri ini, seorang Timbalan Menteri yang baik", tetapi malangnya bukan dengan tujuan atau, dengan izin, substance yang sebenarnya. Oleh kerana kalau itulah pandangan, fikiran yang jujur, yang ikhlas, sepatutnya Rang Undang-undang (Pindaan) ini pun dikemukakan kepada Jawatankuasa Pilihan untuk satu kajian sebelum perkara ini dikemukakan kepada Dewan yang mulia ini.

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, inginlah saya menjelaskan di sini, bahawa tidak ada cadangan daripada saya di mana menyatakan bahawa tiap-tiap undang-undang yang bersangkutan-paut dengan Hak Asasi Manusia dikemukakan pada satu Jawatankuasa Pilihan Khas, hanya satu laporan yang tersiar dalam

satu suratkhbar di mana dengan izin, “dimisquote” kenyataan saya. Walau bagaimana pun saya ingin menjelaskan di sini kepada Yang Berhormat, bahawa pindaan ini tidak ada bersangkut-paut dengan apa yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas tadi.

Kalau Yang Berhormat dari Kota Melaka mengkaji pindaan ini ternampak jelas bahawa tidak ada yang menjejaskan tanggungjawab dan tugas-tugas yang telah diberikan kepada Jawatankuasa Pilihan Khas tadi.

Tuan Lim Kit Siang: Inilah pertama kali Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bahawa dia kena misquote dan saya tidak faham kenapa dalam satu perkara yang begitu besar dan apabila beliau dimisquote beliau tidak jelaskan, membetulkan, sehingga sekarang semua lapisan masyarakat masih ingat cadangan itu. Tetapi oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah jelaskan bahawa itu misquote, pujian-pujian pada masa itu yang semua dikemukakan, disampaikan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri nampaknya semua perlu ditarik balik. Apa-apa perkara yang ada bersangkut-paut dengan undang-undang Akta ini, sama ada masa itu ada pertimbangan atau tidak dikaji oleh Jawatankuasa Pilihan Khas patut sekarang kalau ada cadangan untuk kemukakan apa-apa pindaan patutlah dirujuk balik kepada Jawatankuasa Pilihan Khas itu dan kalau perlu hidupkan semula Jawatankuasa Pilihan Khas itu. Sebenar baru-baru ini apabila berlaku, Tuan Yang di-Pertua, “farce” dalam Parlimen pada permulaan mesyuarat ini, apabila

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya rasa perkataan “farce” itu jikalau diterjemahkan dalam Bahasa Malaysia sangat-sangat

berat. “Farce” maknanya perkara-perkara yang mengolok-olokkan. Adakah Yang Berhormat memikirkan Dewan Rakyat ini satu perkara yang mengolok-olokkan. Saya rasa perkataan itu unparliamentary. Saya minta Yang Berhormat tarik balik.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah translation unparliamentary atau perkataan “farce” dalam bahasa Inggeris itu unparliamentary?

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa perkataan itu dalam bahasa Inggeris pun unparliamentary.

Tuan Lim Kit Siang: Baik, saya tarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Sesiapa pun mengatakan satu Mahkamah umpamanya Mahkamah Agung itu Mahkamah farce—tidak boleh dan Parlimen adalah lebih tinggi daripada Mahkamah Agung.

Tuan Lim Kit Siang: Baik, saya tarik balik. Satu skandal Parlimen, satu skandal di Parlimen yang berlaku, apabila dua hari Persidangan Parlimen ditangguhkan oleh kerana tidak ada Rang Undang-undang yang siap, di masa itu Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah ada mencadangkan bahawa oleh kerana peristiwa atau perkara skandal itu, pada masa hadapan sekurang-kurangnya dua minggu pemberitahu akan diberi kepada Dewan selepas bacaan yang pertama (first reading). Sekarang Rang Undang-undang Dadah Berbahaya dan Langkah-langkah Pencegahan Khas (Pindaan) ini dua hari selepas first reading, bukan dua minggu selepas first reading. Dan saya mahu tanya kenapa pihak yang berkenaan, Kementerian Dalam Negeri tidak boleh memberi masa yang lebih cukup, kenapa perkara ini dan fakta-fakta yang memaksa atau menimbulkan keadaan di mana

Kementerian rasa perlu satu pindaan bukan berlaku minggu lalu, bukan berlaku November, tetapi beberapa bulan yang lalu dan kita semua tahu bahawa Rang Undang-undang pindaan ini ialah untuk mengesahkan apa yang tak sah. Oleh kerana ada seorang tahanan yang berjaya mendapat habeas-corpus daripada Mahkamah, oleh kerana arahan atau order untuk melanjutkan tahanannya di bawah Ordinan Darurat, di bawah Rang Undang-undang Dadah Berbahaya ada diisytiharkan oleh Mahkamah sebagai tidak sah.

Perkara yang menjadi isu ialah kenapa kita selalu mahu datang ke Dewan ini, adakah pindaan yang luar biasa, yang tergepar untuk mengesah apa yang tidak sah. Ini berlaku dalam kes PETRONAS yang mengambil Bank Bumiputera dan \$2.5 billion pinjaman-pinjaman lapuk Bumiputra Malaysia Finance. Sekarang berlaku lagi perkara ini, ini akan mewujudkan satu fikiran dalam pihak Kerajaan, tidak payahlah dengan teliti mengkaji dan menyediakan apa-apa undang-undang, oleh kerana akhirnya kalau undang-undang itu ada bahagian yang diisytiharkan oleh mahkamah sebagai tidak sah, sebagai tidak mengikut hasrat-hasrat Kerajaan, mereka oleh balik ke Dewan yang mulia ini oleh kerana ada majoriti yang tidak berfikiran waras boleh meluluskan apa-apa pindaan

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat perkataan "waras" saya telah pun beri ruling tidak boleh pakai kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

Tuan Lim Kit Siang: Baik, saya tarik balik. Bahawa di dalam majoriti yang tidak mahu berfikir, enggan berfikir, tidak ada kesanggupan untuk berfikir, bahawa ini akan menimbulkan satu sikap, dengan izin, careless, tidak peduli. Saya rasa

perkara-perkara ini tidak patut digalakkan oleh kerana inilah tidak sepatutnya menjadi kelaziman dalam proses perundangan, sangat malang kita ada satu Parlimen yang tidak begitu attentive kepada tanggungjawabnya apa Executive kata mereka lulus semua menjadi "yes men" khasnya sekarang semua takut tidak boleh dipilih jadi calon, mungkin pilihanraya besar tidak balik di sini. Dan ada banyak perkara yang penting kepada orang ramai di mana Kerajaan ambil masa yang begitu panjang tidak hirau kesusahan orang ramai. Sudah lebih daripada satu bulan di Dewan yang mulia ini, saya ada timbulkan perkara Setia Timur, 10,000 orang bersabit \$60 juta sampai sekarang tidak ada apa-apa tindakan, di luar Dewan ini ada ura-ura tindakan akan diambil untuk meminda Akta Syarikat Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta bercakap berkenaan dengan Rang Undang-undang yang di hadapan kita.

Tuan Lim Kit Siang: Saya memberi contoh sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi Yang Berhormat membangkitkan

Tuan Lim Kit Siang: Ada perkara Kerajaan sangat tidak peduli, tidak ambil perhatian, ada perkara sangat cepat, itu adalah contoh dan oleh kerana mahu memberi contoh mahu saya sebut perkara Setia Timur.

Saya tidak mahu bincang panjang lebar mengenai perkara Setia Timur, tetapi ambil contoh dan contoh itu mustahak kalau tidak ada contoh tidak boleh faham! Boleh teruskan?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi janganlah beri contoh itu panjang-panjang sangat.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak panjang sangat. Itulah Setia Timur, sampai sekarang tidak ada apa-apa tindakan. Kenapa? Kalau kita mahu satu Kerajaan yang cekap, dinamik, janganlah isu-isu tertentu sahaja, cekap dan dinamik. Adakah oleh kerana Jabatan Peguam Negara kalah dalam Mahkamah, apabila pergi Mahkamah kalah datang dengan cepat ke Dewan ini untuk menang apa yang mereka kalah dalam Mahkamah. Itulah apa yang menjadi kriteria Setia Timur, penderitaan orang ramai tidak mustahak, tetapi, dengan izin, "pride" Peguam Negara atau Jabatan Peguam Negara itu mustahak, tidak boleh kalah dalam Mahkamah. Itu saya rasa mustahak. Kalau Kerajaan mahu dapat keyakinan orang ramai kenapa dalam perkara yang tertentu boleh bertindak begitu cepat, sungguh pun bercanggah dengan prinsip cardinal, keluhuran atau Rule of Law. Memberilah keyakinan kepada orang ramai itulah style Kerajaan: cekap, dinamik dan efisien.

Akhirnya, ada satu peruntukan dalam Rang Undang-undang ini Seksyen 24 yang memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong membuat Perintah-perintah bagi menghapuskan apa-apa kesulitan atau anomali dalam mana-mana undang-undang bertulis disebabkan oleh peruntukan-peruntukan Akta. Kita semua tahu bahawa dalam prinsip Constitutional Monarchy bahawa apabila ada peruntukan yang ada sebut Yang di-Pertuan Agong ini bukan bererti Yang di-Pertuan Agong yang bersendirian tetapi keputusan Kerajaan atau Eksekutif di bawah Perlembagaan Persekutuan tetapi sekarang Kerajaan adalah satu sikap yang baru di mana kalau kritik peruntukan-peruntukan dalam Undang-undang di mana kuasa yang muktamad diberi kepada Yang di-Pertuan Agong, sungguh pun bukan dijalankan secara bersendirian tetapi sebenarnya kuasa yang dijalankan

oleh Eksekutif mungkin ini boleh menimbulkan hasutan (sedition) dan kalau lazimnya menjadi proses perundangan semua kuasa diberi kepada Yang di-Pertuan Agong sungguh pun sebenarnya Menteri yang berkenaan yang akan menjalankan kuasa itu, kalau ada kena kritik, sedition, hasutan pergi ke mahkamah-mahkamah—kes Param Cumaramamy.

Sebab itu saya cadangkan kita tepat supaya jangan timbul apa-apa lagi insiden sebenarnya kritik-kritik ialah mahu kritik kuasa-kuasa yang dijalankan oleh Menteri dan bukan Yang di-Pertuan Agong tetapi oleh kerana proses drafting itu yang disebut Yang di-Pertuan Agong bolehlah didakwa di mahkamah oleh kerana sedition dan saya harap bukan sahaja dalam kes ini, dalam semua Undang-undang yang akan datang supaya tidak timbul masalah ini. Kalau sebenarnya kuasa yang akan dijalankan oleh Menteri tepat sebut Menteri oleh kerana tidak mahulah bila-bila ada kritik adalah menjadi satu kes penangkapan, satu kes pendakwaan hasutan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Ulu Terengganu.

8.35 m/m.

Tuan Alias bin Md. Ali (Ulu Terengganu): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi iaitu suatu Akta untuk meminda Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya menolak sama sekali tuduhan dan anggapan daripada Wakil daripada Kota Melaka yang mengatakan bahawa Ahli-ahli

Barisan Nasional tidak berminat untuk membincangkan hal-hal yang ada di hadapan kita. Saya menolak dengan sekeras-kerasnya bahawa kami di dalam Dewan ini tidak serius dengan tugas kami sebagai Ahli Dewan Perundangan.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, dari segi proportion Ahli-ahli Barisan Nasional, barisan Kerajaan yang hadir di dalam Dewan ini pada sepanjang masa, kita lebih banyak memberi contribution, dengan izin, kepada Dewan ini kalau dibandingkan dengan pihak Pembangkang.

Kalau pihak Pembangkang tidak bersetuju, kita boleh melantik suatu pasukan pemerhati khas daripada luar untuk membuat catatan, siapakah yang sebenarnya lebih banyak mengambil bahagian di dalam Dewan ini, siapa yang sebenarnya lebih lama berada di dalam Dewan ini, dari segi peratusan Ahli-ahli yang memberi sumbangan, baik sumbangan menyertai perbincangan dan juga dari segi peratusan Ahli-ahli yang hadir di dalam Dewan ini. Kita semua tahu bahawa Ahli-ahli daripada Pembangkang DAP terutamanya hanya berminat untuk hadir di dalam Dewan ini ketika mereka hendak bercakap, berbahas tetapi apabila ketika masanya Ahli daripada Kerajaan termasuk Menteri-menteri untuk membuat jawapan, mereka tidak ada di dalam Dewan ini. Ini menunjukkan

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Kepong, bangun. Minta apa?

Dr Tan Seng Giaw: Minta jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Minta apa Yang Berhormat?

Dr Tan Seng Giaw: Minta jalan. Itu satu sangkaan daripada Yang Berhormat dari Kuala Terengganu

yang tidak baik kerana bagi setiap jawapan untuk soalan saya di dalam perbincangan saya, saya berusaha menghadirkan diri di Dewan yang mulia ini, satu hakikat dan kenyataannya, yang tidak dapat diketahui dan diakui oleh Yang Berhormat dari Kuala Terengganu.

Tuan Alias bin Md. Ali: Kalau dia bercakap tentang Ahli dari Kuala Terengganu, saya tidak ada komen, sebab Ahli daripada Kuala Terengganu tidak ada di dalam Dewan pada ketika ini. Ini menunjukkan kecekapan Ahli daripada pihak Pembangkang yang hanya pandai menyeru kepada Kerajaan supaya bersikap cekap tetapi Ahli daripada Pembangkang sendiri tidak bersikap cekap dalam soal yang simple seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa Kerajaan tidak mungkin tidak membuat salah sepanjang masa tetapi untuk mengatakan bahawa Kerajaan akan menggunakan Undang-undang yang diluluskan dalam Dewan ini salah pada tempatnya itu dalam erti kata lain Kerajaan akan menyalahgunakan kuasa setiap kali kita meluluskan satu Rang Undang-undang adalah satu kenyataan yang amat tidak munasabah, tidak tepat dan tidak wajar dibuat oleh mana-mana juga Ahli yang dipilih oleh rakyat. Kita telah mempunyai rekod untuk begitu lama sebagai pemerintah Malaysia ini dan kita pulangkan kepada rakyat setiap kali pilihanraya diadakan, tidak pernah timbul suatu tuduhan yang khusus mengatakan bahawa Kerajaan atau Menteri-menteri Kerajaan Barisan Nasional telah menyalahgunakan kuasanya, tidak pernah timbul tuduhan yang khusus kecuali yang ada hanyalah tuduhan-tuduhan secara umum yang dikatakan dibuat oleh pihak Kerajaan dari satu masa ke satu masa terutama apabila ada sesuatu Akta dibentangkan dan Akta itu tidak dipersetujui oleh pihak Pembangkang, nampaknya tuduhan

salahguna kuasa adalah suatu tuduhan yang amat lumrah yang digunakan oleh pihak Pembangkang kepada pihak Kerajaan.

Kita adalah orang yang bertanggungjawab kepada rakyat dan kita tidak pernah takut, kita tidak pernah gentar dan kita tidak pernah undur untuk balik kepada rakyat pada ketika masanya sampai nanti. (*Tepuk*) Kita akan dihakimkan oleh rakyat dan kita tidak mahu dihakimkan oleh sebuah parti yang memang tidak akan menyetujui apa jua yang kita buat di dalam Dewan ini ataupun di luar daripada Dewan ini.

Bercakap tentang Kerajaan cekap, Kerajaan dinamis, Tuan Yang di-Pertua, apa cekap dan apa dinamisnya pihak Pembangkang yang tidak dapat membezakan tarikh 13 November dengan 14 November? Baharu sahaja kejadian itu berlaku. Dan apakah cekap dan dinamisnya pihak Pembangkang kalau mereka tidak dapat membezakan Greece dengan Grik? Tuan Yang di-Pertua, kalau kita mahu menegur orang, kita mestilah sendiri tidak ada salah, kalau tidak teguran ini menjadi sesuatu barang permainan yang boleh diperolok-olokkan.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang tuduhan mengatakan kita tidak serius dalam tugas kita. Saya ingin kalaulah procedure—peraturan Dewan ini memastikan bahawa setiap Rang Undang-undang mesti diluluskan dengan kehadiran puak Pembangkang, saya percaya tidak ada satu pun Rang Undang-undang yang boleh diluluskan oleh Dewan ini, oleh kerana pada ketika-ketika masa yang tertentu terutama apabila Dewan bersidang sehingga larut malam yang tinggal hanyalah anggota-anggota daripada parti pemerintah. Hari ini, mereka menunjukkan ramai berada di situ mungkin kerana mereka mahu

berdebat, mahu berbincang sama, kalau tidak merekalah orang yang mula-mula sekali balik ke rumah dan itu pun kalau mereka balik tidak pernah menuduh mereka sebagai orang-orang yang tidak berminat sebab kita tidak mahu mengambil kesempatan daripada perkara kecil ini untuk mencapai political score, political point. Tidak tergamak oleh kita

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong.

Dr Tan Seng Giaw: Saya minta jalan. Tadi, adakah Yang Berhormat dari Ulu Terengganu ini menganggap perbincangan, perbahasan untuk Rang Undang-undang yang ada di hadapan kami semua ini tidak penting, tidak peri mustahak. Yang kedua, sanggupkah Yang Berhormat mencadangkan bahawa ada satu perhitungan untuk bilangan Ahli Yang hadir di sini sama ada pihak daripada Barisan Nasional itu 50% bilangannya kalau bandingkan dengan pihak Pembangkang sekarang ini?

Tuan Alias bin Md. Ali: Saya tidak bercakap tentang hal sekarang tetapi pada umumnya bila sebelah petang DAP tidak ada (*Tepuk*). Yang satu lagi itu, cuba ulangkan balik.

Dr Tan Seng Giaw: Adakah Yang Berhormat dari Ulu Terengganu itu menganggap perbincangan dan perbahasan untuk Rang Undang-undang di hadapan kami semua ini penting dan peri mustahaknya.

Tuan Alias bin Md. Ali: Kita tidak pernah menganggap apa yang kita bincangkan tidak penting, kalau Ahli Yang Berhormat DAP menganggap apa yang mereka bincang tidak penting itu soal mereka. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak tegaskan di sini ialah bahawa tidak ada

pada sebarang ketika walaupun pada ketika kuorum tidak ada tetapi tidak ada sebarang ketika kita terpaksa menanggungkan sepanjang ingatan saya kerana Ahli-ahli Barisan Nasional tidak ada. Tetapi, saya ingin melihat pada satu ketika kita meminda peraturan kita supaya Ahli-ahli Pembangkang juga dimestikan memberi kuorum ke dalam Dewan ini. Nampaknya yang menerima tuduhan-tuduhan mengatakan tidak serius, kita hendak balik cepat dan sebagainya hanya Ahli daripada Kerajaan semata-mata tetapi pihak Pembangkang boleh balik pada bila-bila masa mereka suka, boleh keluar Dewan pada bila-bila masa mereka suka, seolah-olah mereka tidak ada rasa tanggungjawab langsung terhadap orang-orang yang memilih mereka. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, Parlimen ini adalah suatu tempat yang terhormat, tempat orang-orang yang terhormat dan mempunyai fikiran yang terhormat. Oleh itu, sikap kita, cakap kita, dan kelakuan kita di dalam Dewan ini mestilah mencerminkan seseorang yang terhormat dan tidaklah terhormat dan berhormat bagi seseorang itu yang kelakannya hanya kalau orang boleh menerima cakupnya sahaja tetapi kalau orang tidak mahu menerima hujah-hujah dan cakap-cakapnya mereka menunjukkan sikap yang angkuh keluar daripada Dewan ini, menjerit-jerit dan sebagainya. Kemuliaan Dewan ini kalau telah dicatatkan bukan telah dicatatkan oleh Ahli daripada Kerajaan tetapi telah dicatatkan oleh Ahli-ahli daripada puak Pembangkang itu sendiri. Sekarang terpulanglah, dengan izin, the onus is on you untuk menunjukkan bahawa Parlimen ini adalah tempat yang terhormat untuk orang yang terhormat dan terpulanglah kepada mereka membetulkan sikap mereka pada masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-pertua: Sila, Yang Berhormat. Yang penghabisan.

8.47 m/m.

Tuan Ismail bin Arshad (Jerai): Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membahaskan di atas Rang Undang-undang pindaan Akta Dadah Berbahaya tahun 1985 yang dibentangkan ini memandangkan bahawa pindaan yang dibawa ini adalah satu yang amat wajar di atas tiga faktor yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri seketika membentangkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, kewajaran yang saya sebutkan di sini ialah memandangkan bahawa tanggungjawab dan tugas kita ke atas amanah rakyat yang diberikan pada masa pilihanraya yang lalu kepada sesebuah Kerajaan dan kami juga adalah daripada kalangan yang menyokong Kerajaan, maka tanggungjawab ini adalah sama di dalam melaksanakan peranan bagi menjamin rakyat yang tidak berdosa, rakyat yang menghendaki supaya kesejahteraan dan kemakmuran negara terus dikecapi dan tidak dinodai oleh penjenayah-penjenayah yang terlibat dengan dadah berbahaya ini.

Saya rasa apabila ada kalangan-kalangan yang mengambil bahagian di dalam Dewan ini secara tidak langsung sebagai mewakili pihak-pihak yang mungkin akan membela kalangan-kalangan yang didapati salah di bawah Akta Dadah Berbahaya. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan apakah kalangan wakil-wakil yang bercakap di sini kononnya sebagai membela hak semata-mata hendak membela hak orang-orang yang sentiasa melakukan kesalahan dan melaksanakan sesuatu ancaman terhadap negara. Dan apakah mereka ini hanya untuk mencari makan dengan sikap sebagai peguam-peguam untuk membela

mereka yang melakukan kesalahan di dalam negara kita ini? Inilah yang amat dikesalkan sekali. Dan apa lagi yang saya amat kesal bila dibangkitkan di dalam tiap-tiap perbahasan di Dewan ini menyentuh tentang kemungkinan pilihanraya akan diadakan, kemungkinan takut hendak dipilih menjadi calon, kemungkinan takut kalah dalam pilihanraya atau sebagainya.

Saya telah bercakap dalam Ucapan Belanjawan di Dewan ini juga "pergi jahanam" bila juga pilihanraya hendak diadakan dan tidak perlu siapa pun mempersoalkannya. Kerana kita hanya penting memikirkan ialah tanggungjawab kita sekarang. Bila sahaja hendak diadakan pilihanraya terpulang, kita tidak mahu Dewan ini dijadikan platform untuk kempen pilihanraya. Dan oleh kerana hari ini merupakan hari yang terakhir, Tuan Yang di-Pertua, adakah hendak dijadikan platform ini untuk kempen pilihanraya seperti mana yang diduga kemungkinan pilihanraya akan diadakan.

Itu yang saya katakan pergi jahanam dengan bila sahaja pilihanraya hendak diadakan, tetapi yang pentingnya ialah kita hendak menilai sejauh manakah kewajaran, sejauh manakah kemantapan yang kita perlu berikan pandangan kita terhadap tanggungjawab kita kepada negara, kepada generasi-generasi bangsa di negara kita ini.

Jadi dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, jelaslah apa yang dimainkan oleh pihak-pihak yang kononnya sebagai anggota-anggota yang hendak membela hak-hak kepentingan awam, hak-hak asasi tetapi sebenarnya mempunyai tujuan-tujuan dan motif yang lain. Kalau sekiranya kita ingin memperjuangkan kepentingan hak, maka hak bagi mereka yang lebih ramai, rakyat jelata negeri ini yang

mengharapkan kepada kesejahteraan negara perlu diperlindungan.

Hari ini kita dapat sama ada pengedar-pengedar dadah, ejen-ejen yang membawa masuk dadah ke negeri ini sama ada secara langsung ataupun sebagai kata Yang Berhormat Menteri tadi, untuk laluan adalah merupakan penjenayah dan merupakan ancaman yang besar terhadap generasi bangsa kita di negara kita ini. Dan sekarang ini kita dapati lebih daripada 100,000 yang telah terperangkap dengan penyalahgunaan dadah sehingga tentera-tentera kita sendiri juga lebih daripada 1,000 yang terpengaruh dan terperangkap dengan dadah-dadah ini. Adakah ini sebagai satu perkara yang kecil?

Kalau mengikut hati saya, Tuan Yang di-Pertua, saya hendakkan hukuman ditembak sahaja penagih dadah, pengedar dadah ataupun ditangkap, direjamkan ke dalam air sungai ataupun di luar, buat sepertimana orang-orang Vietnam menangkap musuh-musuhnya semasa perang Vietnam dengan Amerika dahulu, kerana apa yang kita bercakap hari ini berbagai undang-undang telah dibuat, berbagai hukuman telah kita letakkan tetapi kita tidak dapat meredakan kedudukan yang ada. Inilah yang amat mendukacitakan kita apabila sesuatu tindakan yang kita ingin laksanakan untuk mencapai kebaikan kepada negara dan bangsa tetapi ada pihak yang menganggap itu dan ini.

Saya rasa sudah sampai masanya bagi kita ini memikir dengan secara logik dan matang di atas apa yang ada di hadapan kita. Jangan kita cuba mengambil kesempatan di atas perbahasan Rang Undang-undang ini dengan membangkitkan berbagai-bagai isu yang lain semata-mata untuk

menjadikan peluang-peluang bagi dapat menarik minat kepada media-massa.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada pindaan-pindaan yang dikemukakan di dalam Akta ini, saya rasa ini adalah amat wajar untuk memastikan bahawa objektif bagi melaksanakan Rang Undang-undang ini dapat berjalan dengan sempurna sepertimana yang dikehendaki. Memangnya di dalam sesuatu tindakan ataupun pelaksanaan, ada kalangan-kalangan yang sentiasa membawa perasaan curiga tetapi kalau dia sendiri yang melaksanakan, dia rasa ianya semua betul dan benar dan apa pun yang diperkatakannya juga betul, tetapi kalau sekiranya pihak lain ataupun orang lain, dia menganggapkannya sebagai perkara yang curiga.

Ini adalah sebagai satu perkara lumrah di dunia ini kerana sememangnya kalangan-kalangan yang "fras" untuk mendapat pengaruh atau sebagainya sentiasa dengan fikiran yang "cacau", kata orang Perak, iaitu dengan keadaan fikiran yang berserabut dan dengan itu mengeluarkan sesuatu tanpa memikirkan sama ada baik atau buruk. Bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, kalangan-kalangan yang melaksanakan kesalahan-kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya ini adalah jelas daripada mereka yang tidak dapat memberi penilaian di antara buruk dan baik, di antara kebaikan dan merbahaya kesan-kesan dadah itu sendiri, sama ada kepada masyarakat ataupun sesuatu negara. Dan pada saya juga bagi mereka yang tidak dapat menilai di antara buruk dan baik ini, samalah di antara yang kita pernah lihat di tepi-tepi jalan yang bertanduk, yang berlapang naik ke langit, yang berkaki empat. Jadi kita harap tidak ada manusia-manusia yang

menjadikan diri mereka sebagai keadaan yang seumpama itu, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap bahawa dengan pindaan yang dikemukakan ini akan memberikan kuasa yang mencukupi dan kita berharap dengan kuasa yang mencukupi ini akan dapat melaksanakan tugas dan peranannya untuk menjamin kesejahteraan rakyat daripada dicerobohi oleh kalangan-kalangan penjenayah di bawah kesalahan dadah ini. Kita juga berharap bahawa kuasa yang diberikan ini akan dilaksanakan berdasarkan amanah yang diberi kerana pada saya setiap amanah bukan sahaja akan menjadi persoalan lagi kita di dunia ini tetapi kalau menurut Islam, ada Hadis Nabi yang bermaksud: Tiap-tiap seorang yang diberi tugas amanah melaksanakan tanggungjawab bukan sahaja akan dipersoal di dunia, tetapi juga di akhirat. Dengan itu saya rasa bahawa Kerajaan yang sentiasa menilaikan tentang penerapan nilai-nilai Islam tidak akan melaksanakan sesuatu yang dianggap sebagai menyalahgunakan kuasa ini.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak perlu sesiapa pun membangkitkan tentang kecurigaannya dan adalah wajar Dewan ini dengan suara yang banyak menerima dan meluluskan Rang Undang-undang ini seperti yang dibentangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri menjawab.

8.56 mlm.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang bangun dan menyokong Rang Undang-undang ini saya mengucapkan

terima kasih. Kepada yang menentang, saya suka melahirkan rasa kesal penentangan itu. Sebenarnya saya tidak hairan mendengar hujah-hujah yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Parti Pembangkang kerana sebenarnya mereka juga menentang Akta asal yang berkaitan dengan perkara ini apabila dikemukakan dalam Parlimen. Yang saya paling hairan sekali ialah Akta ini diadakan dengan tujuan hendak membekalkan dan memberi kuasa kepada Kerajaan untuk menghapuskan satu bahaya, satu wabak yang akan merosakkan ketenteraman rakyat, yang akan menjejaskan keselamatan.

Saya tidak nampak bagaimanakah hujah-hujah boleh dikemukakan atas alasan kerana Undang-undang ini hendak diadakan maka akan jadi kesusahan kepada rakyat, padahal tidakkah kita semua faham dan tidakkah semua rakyat faham bahawa selama ini penyalahgunaan dadah, wabak dadah itu menjadi sesuatu yang paling menyusahkan rakyat. Inilah patut yang kita faham bahawasanya dalam menghadapi wabak dadah, dalam menghadapi penjenayah-penjenayah, pengedar-pengedar dadah ataupun pengedar-pengedar maut itu kita tidak boleh mengkompromi dengan mereka. Mereka tidak ada respect, dengan izin tidak ada respect kepada rakyat, tidak berperni kemanusiaan. Apa yang mereka kira ialah keuntungan bagi mereka dengan mengedar dadah yang boleh memberikan keuntungan yang lumayan kepada mereka. Susah-payah rakyat, apa akan berlaku kepada mereka yang telah terkena dengan penyakit dadah itu tidak menjadi hal kepada mereka.

Apakah salahnya jika sekiranya untuk menahan pengedar-pengedar dadah sebagaimana yang saya katakan itu begitu cerdik dan begitu sophisticated dalam operasi mereka

itu, untuk menahan mereka itu adalah satu kesilapan dan kesalahan kepada kita? Apakah untuk memberi undang-undang yang lebih keras dan lebih kuat kepada Kerajaan untuk membasmi penyalahgunaan dadah dan menghapuskan pengedar-pengedar dadah itu patut ditentang?

Saya cukup hairan dengan sikap yang telah ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Parti Pembangkang. Tidakkah kita memahami bahawa Akta ini adalah khusus, khusus saya ulangi, untuk membanteraskan penyalahgunaan dadah. Akta yang khusus untuk memberi kuasa kepada kita, sebesar kuasa dan sekuat kuasa untuk mengatasi masalah ini, untuk membawa kepada keadilan mereka yang terlibat dengan pengedaran dadah ini.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah kita telah membawa perkara ini kepada Select Committee dan saya sukalah menegaskan di sini bahawa apa yang telah diputuskan pada prinsipnya oleh Select Committee itu tidak ada apa-apa perubahan dalam pindaan yang dikemukakan. Saya masih ingat lagi pihak Select Committee bersetuju perlunya diadakan Undang-undang Tahanan Pencegahan yang membolehkan tahanan yang lebih lama daripada dua tahun. Tidak ada pindaan terhadapnya. Saya masih ingat lagi recommendation, persetujuan daripada Select Committee supaya kekal kuatkuasa selama 5 tahun melainkan dilanjutkan tempohnya oleh resolusi yang diluluskan oleh kedua-dua Dewan Parlimen tiada pindaan terhadapnya.

Saya masih ingat lagi pewujudan Pegawai Siasatan untuk membuat laporan bebas kepada Menteri sebelum Menteri membuat keputusan, tidak ada pindaan yang dicadangkan, saya masih ingat lagi kerap kajian

susunan oleh Lembaga Penasihat hanya satu kajian semula dalam tempoh 2 tahun. Itu pun satu cadangan yang tidak ada juga dipindahkan dalam pindaan yang dikemukakan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kuasa untuk memindah mereka yang ditahan di bawah Ordinan Darurat itu kepada Akta Pencegahan Dadah itu memang telah pun terdapat daripada dahulu lagi. Apa yang terkandung dalam cadangan yang dikemukakan pada sekarang ini ialah untuk memastikan bahawasanya prosedur-prosedur yang berkaitan dengan pemindahan itu dibuat dengan cara yang lebih teratur dan lebih kemas lagi. Inilah satu-satunya cara yang kita harap akan dapat memberi kuasa kepada kita supaya dengan penahanan yang lebih lama itu akan terputuslah bekalan dadah kepada sama ada pengedar-pengedar ataupun penagih-penagih dadah kerana mereka yang terlibat, pengedar-pengedar dadah ataupun kepala-kepala sindiket yang menyelenggarakan, yang organise pengedaran dadah itu, apabila ditahan mungkin tidak lagi nanti akan ada sebarang usaha organisasi yang meneruskan pengedaran dadah itu. Ertinya kita bertujuan, dengan izin, to cut off the supply, dengan menahan supplier itu sepanjang yang kita fikir diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin sebenarnya untuk memanjangkan jawapan saya kepada hujah-hujah yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada parti Pembangkang. Memadailah jika sekiranya saya mengulangi bahawasanya kita tidak boleh kompromi dengan mereka yang terlibat dengan pengedaran dadah, mereka yang menyebabkan berlakunya wabak dadah dalam negara kita ini yang telah memberi banyak kesusahan kepada rakyat. Jika perlu undang-undang kita itu

diperkemas, jika perlu sebarang loop-hole itu ditutup supaya tidak berlaku kelemahan dalam perjalanan undang-undang itu, kita akan lakukan. Dan jika perlu berulang kali kita membawa Akta ini ke Parlimen untuk diperkemas dan diperkuatkan Akta itu, kita akan bawa (*Tepuk*) dengan penuh rasa tanggungjawab bahawasanya Kerajaan Barisan Nasional yang memegang amanah rakyat negara kita ini adalah mempunyai azam dan tekad yang kuat untuk menghapuskan gejala dadah ini (*Tepuk*).

Kita berharap supaya semua rakyat tidak kita apa fahaman politiknya, semua rakyat tidak kira apa kedudukan status sosialnya, kita harap mereka semua akan memberi kerjasama kepada Kerajaan bagi membasmikan penyalahgunaan dadah, wabak dadah ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang-kan dalam Jawatankuasa.

Tuan Yang di-Pertua (*mem-pengerusikan Jawatankuasa*).

Fasal 1 hingga 16 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Pendahuluan diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, selesailah kita bermesyuarat selama dua bulan dan mesyuarat kita berjalan dalam keadaan yang bermutu. Saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang

Berhormat sekalian yang memberi kerjasama kepada Timbalan saya dan saya sendiri sehingga mesyuarat ini dijalankan dengan baik.

Saya mengucapkan selamat pada Yang Berhormat dan kita bertemu sekali lagi pada mesyuarat yang akan datang jika tidak ada apa-apa halangan yang datang di antaranya. Oleh yang demikian, saya menangguhkan mesyuarat ini kepada satu masa yang tidak ditetapkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 9.08 malam.